

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

**Tarikh** : **10 Disember 2013 (Selasa)**

**Masa** : **9.30 Pagi**

**Tempat** : **Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Ahli Kawasan/Jawatan</b>
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
11.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
12.	YB. Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
13.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
14.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
15.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
16.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
17.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
18.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
19.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
20.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah

Bil.	Nama	Ahli Kawasan/Jawatan
21.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
22.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
23.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
24.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
25.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
26.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
27.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
28.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
29.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
30.	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
31.	YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Aceh
32.	YB. Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
33.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
34.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
35.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
36.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

#### **TIDAK HADIR - DENGAN MAAF**

Bil.	Nama	Ahli Kawasan/Jawatan
1.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
2.	YB. Dr. Norlela Binti Ariffin	Penanti
3.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
4.	YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid	Permatang Berangan

#### **AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

Bil.	Nama	Jawatan
1.	YB. Dato' Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

#### **TIDAK HADIR**

YB. Dato' Faiza Binti Zulkifli - Penasihat Undang–Undang Negeri

#### **TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

**Dewan bersidang pada jam 9.30 pagi**

**Setiausaha:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bacaan doa.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Membaca "DOA".

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan disambung semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita masih lagi di sesi Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2014. Sebelum saya memulakan sesi perbahasan pagi ini, ingin saya sampaikan beberapa perkara yang saya rasa penting. Pertamanya pagi ini hujan, sejuk, dingin dan saya hendak menasihatkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau ingin cuba memanaskan Dewan ini diminta memanaskan dengan cara yang lebih betul, mengikut peraturan mesyuarat yang betul, saya tidak akan teragak-agak untuk saya menggunakan peraturan mesyuarat untuk melancarkan sesi perbahasan pagi ini.

Kedua, ingin saya juga sebelum sesi perbahasan bermula untuk mendapatkan penjelasan daripada YB. Air Itam bersabit satu perkara yang saya rasa perlu diambil makkum oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, ini bersabit satu liputan akhbar yang telah pun disiarkan pada pagi ini yang bertajuk yang mengatakan "Sesi perbahasan ucapan bajet di Dewan semalam adalah melanggar peraturan" kerana tidak memberi laluan kepada Pembangkang untuk memulakan sesi perbahasan dan saya rasa ini adalah satu yang perlu YB. Air Itam menjelaskan supaya perkara ini tidak mengelirukan sebelum saya membuat apa-apa ketetapan dan silakan YB. Air Itam.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya pun terkejut apabila saya membaca tajuk ini, kerana semalam saya tidak pun bercakap dengan pemberita dari Sin Chew, saya hanya bersempang dengan tiga (3) orang pemberita semasa dan tidak bercakap dengan pemberita ini, apa yang saya maksudkan adalah secara konvensionalnya sebarang bajet dan *debate* adalah diberikan *privilege* dan juga *priority* kepada Ketua Pembangkang sama ada di Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri di mana-mana *Westminster Parliamentary System*, *priority* dan juga *privilege* diberikan ruang kepada Ketua Pembangkang untuk berdebat dan ini adalah konvensyen dan bukan termaktub dalam apa-apa peraturan. Semalam saya berkata apabila sidang Dewan bermula kerana tidak ada wakil pembangkang yang memulakan perbahasan oleh itu *backbencher* dari Seri Delima memulakan perbahasan, saya dapati tajuk ini perlu diperbetulkan fakta kerana saya baca hanya dilaporkan di dalam satu surat khabar saja,

sebenarnya ia adalah satu konvensyen dan bukannya peraturan dan dalam konvensyen juga Ketua Pembangkang diberi peluang berjam-jam kalau Ketua Pembangkang ingin berdebat itu adalah konvensyen dan saya rasa saya hanya memberikan penerangan kepada media tentang konvensyen jawatan dan juga *priority* kepada susunan perdebatan, itu maksud saya sahaja, sekian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya harap bahawa isu ini selepas penjelasan daripada YB. Air Itam, Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau terbaca surat khabar mengenai tajuk ini dapat maklumat sepertimana YB. Air Itam sudah jelaskan, tetapi sebenarnya pada sesi semalam sebelum permulaan sesi perbahasan. saya telah pun mengatakan dengan jelas keinginan saya untuk memberi keutamaan kepada Ketua Pembangkang tetapi kerana jem dan terlewat saya telah pun mengatakan keinginan memberikan keutamaan mengikut amalan di dalam Dewan. Ini dan dengan ini adalah sedikit yang ingin saya angkatkan sebelum sesi perbahasan ini dimulakan untuk perjelaskan isu-isu yang saya rasa amat penting kerana tidak mungkin perbahasan yang semalam itu adalah tidak mengikut peraturan, so, saya hendak berhentikan di sini.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

YB. Dato' Speaker, sangkaan YB. Dato' Ketua Pembangkang lewat kerana jem itu hanya satu jangkaan sahaja, kalau hendak berucap hendaklah bersiap sedia bukanlah menggunakan alasan jem, itu sangkaan sahaja.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey, saya hendak hentikan di sini, Ahli-Ahli Yang Berhormat sesi perbahasan diteruskan, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin menyertai perbahasan dipersilakan.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Terima kasih, YB. Dato' Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Speaker kerana memberi peluang dalam perbahasan Bajet 2014 ini, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakyat Negeri Pulau Pinang kerana memilih Pakatan Rakyat sebagai Kerajaan Negeri dalam Pilihan Raya Umum pada Mei 2013. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pucuk pimpinan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang yang diketuai oleh Y.A.B. Ketua Menteri, Ahli Air Putih dan EXCO-EXCO yang melaksanakan tugas pembangunan dan pentadbiran mengikut prinsip dan keperluan rakyat.

YB. Dato' Speaker, saya ingin menyentuh sedikit mengenai demokrasi di Dewan ini. Dato' Speaker, pertama sekali kesyukuran dari saya kerana mendapat peluang untuk memberi khidmat kepada negara-negara kita dan khidmat kepada rakyat dan juga saya ingin memaklumkan kepada semua rakyat Malaysia bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat sentiasa mengambil berat dan kepentingan rakyat dan mendengar suara rakyat dan tetap membela kepentingan rakyat.

YB. Dato' Speaker, lebih kurang 27 tahun dahulu saya sebagai penuntut di London, ini berkaitan dengan bajet Dato' Speaker, telah berkempen untuk seorang tokoh politik dan juga seorang reformis yang tulen dari South Afrika namanya Nelson Mandela. Saya berada di London 11 tahun dan terturut berkempen bukanlah tiap-tiap hari tetapi turut berkempen untuk Nelson Mandela. Apabila beliau berada 27 tahun di Robin Island itu memecahkan tembok batu kerana prinsip dia untuk reformis. Hari ini kita bersama-sama di dalam Dewan yang mulia ini membahas dan membincangkan mengenai bajet.

Oleh itu saya memperingatkan diri saya sendiri bahawa kepentingan dan fokus adalah demi rakyat. Nelson Mandela adalah seorang tokoh dan seorang "Reformist" dan dia nak tukarkan keadaan yang tidak sesuai dan tidak adil kepada rakyat walaupun dia menyatakan kepada kita dia akan *sacrifice himself* ....(dengan izin), *his life* nyawa beliau. Sebagai penuntut di London dalam *winter day* ....(dengan izin), kita berkongsi minuman panas kerana kita tidak ada wang lagi tetapi kita tetap kempen dengan semangat ini YB. Dato' Speaker kita berjuang demi rakyat.

Tetapi baru-baru ini malangnya saya kena menjelaskan sedikit sebagai *comrade* dan rakan seperjuangan dengan rakan-rakan di Trafalgar Square London yang berjuang untuk anti *apartheid* maksudnya tidak berpolitik perkauman, tapi baru-baru ini kita dengar dalam satu perhimpunan politik di negara kita iaitu perhimpunan UMNO, yang menyatakan "perjuangan UMNO seperti perjuangan Nelson Mandela". Ini tidak boleh diterima oleh saya bagi dan sebagai seorang rakan-rakan seperjuangan yang mati-mati berjuang sampai adanya dibunuhi di depan rumah mereka, di depan isteri mereka dibunuhi kerana perjuangan, saya tidak boleh terima kerana bila UMNO yang memperjuangkan hanya politik perkauman dan boleh bersaing atau membandingkan politik mereka dengan Nelson Mandela ....(dengan izin).

#### **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Minta laluan, saya rasa menuju UMNO sebagai kefahaman yang kita faham UMNO adalah menegakkan *affirmative decision* untuk merapatkan jurang di antara yang berjaya atau tidak berjaya, itulah yang saya nampak dan faham. Saya sebagai ahli UMNO saya tidak menidakkannya mana-mana kaum dan saya juga tidak menghalang mana-mana kaum yang tidak berjaya. Saya juga terasa sekiranya dituduh begitu saya rasa kita patut lihat di sudut perjalanan itu kita *affirmation* untuk mengimbang supaya yang susah dan senang itu sama.

#### **Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Terima kasih rakan saya. YB. Dato' Speaker atas isu ini sedikit penjelasan. Saya bukan menyatakan ke semua Ahli berminat begitu, maksud saya harusnya arah yang dipimpin oleh satu hala tuju yang tak semestinya jujur dengan rakyat yang saya tidak boleh terima, saya hanya nak menjelaskan bahawa Nelson Mandela adalah *apartheid*, dia bukan *apartheid* sebaliknya, parti-parti perkauman tertentu seperti UMNO dia ber *apartheid* dia bukan anti *apartheid*.

Saya ingin dirakamkan dalam hansard Pulau Pinang kita bahawa demi kajian masa hadapan untuk penuntut-penuntut negara kita supaya mereka tidak terkeliru oleh perbandingan dan perbincangan dengan anti *apartheid* dan *apartheid*. *Apartheid* adalah perkauman, menyingkirkan satu kaum, kes ini *South African*, orang Afrika yang tertentu di singkirkan, dia dipisahkan "*divide and rule*" seperti banyak parti politik perkauman itu, ini yang saya buat *objection*.

YB. Dato' Speaker, saya langkah ke depan sedikit ....(dengan izin), politik *West Minister Parliamentary System* dan juga *Dual Party System* ini, kita sedang praktiskan di mana ADUN Pakatan Rakyat dan ADUN Barisan Nasional berdebat, melalui cara ini rakyat dapat peluang membandingkan buah akal, idea polisi dan rancangan kedua-dua pihak Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional. Dengan perbandingan dan persaingan polisi-polisi di antara dua pihak dan dua parti, sebenarnya memanfaatkan rakyat kerana melalui cara ini, sebuah Kerajaan membentangkan rancangan dan hasrat Kerajaan kita dapat buat sebegitu, ini pandangan saya, saya merendah diri dan menyatakan begitu malangnya dalam pemantauan saya dalam sesi Parlimen juga di sesi-sesi Undangan Negeri kita, kejadian dan kunjungan atas isu, ....(dengan izin), permainan *racial sentiment* ini isu-isu bukan lagi perdebatan *substance*, seolah-olah untuk mengelakkan isu yang sebenarnya dan dengan ini saya minta supaya kita tak payah begitu. Ini jelas dan menjelaskan matlamat asal kita untuk mendebat isu ini dan membentuk polisi dan rancangan. Ini juga akan difahamkan oleh rakyat yang berfikiran jelas sebagai satu cara kurang berkualiti dari seseorang *demigod*, saya ingin ....(dengan izin), YB. Dato' Speaker saya mahu menyatakan ataupun menjelaskan definisi *demigod* iaitu seseorang pemimpin politik yang bertujuan sokongan dengan merayu kepada keinginan popular dan keinginan prejjudis dan bukannya menggunakan hujah yang rasional. Oleh itu saya menyeru kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan rendah diri, supaya kita bertumpu kepada isu yang sebenar.

YB. Dato' Speaker isu yang terbincang oleh saya di dalam Dewan melalui jawapan secara bertulis daripada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang banyak, termasuk isu-isu seperti rancangan dengan teliti bagaimana Kerajaan Tempatan menambah jaringan jalan untuk mengatasi masalah jalan. Ini saya amat terima kasih kepada EXCO-EXCO tertentu, bahawa satu contoh minggu lalu saya berada di Sumatera Utara dan Gabenor dan banyak orang awam menyatakan Pulau Pinang "Encik dari Pulau Pinang, Pulau Pinang ini cantik, cukup sempurna hanya mungkin lalulintas ataupun teksinya, ataupun bas nya, ataupun trafiknya sikit kurang sempurna". Ini sedikit sebanyak kita boleh *improve* ataupun memajukan ....(dengan izin).

Isu seperti salah guna pasal pekerja-pekerja di Taman Botani telah dibincangkan tentulah saya telah mengambil perhatian dan saya minta bahawa *authority* tertentu mengambil tindakan dengan secepat mungkin kerana masalah ini nampaknya besar juga saya dapat banyak surat dan banyak gambar mengenai perkara ini, melanggar undang-undang, menaiki motosikal membahayakan pengguna. Satu lagi isu yang dibincang ataupun kumpulan yang dibincang di dalam Dewan ini saya ingin menyentuh, ....(dengan izin), adalah *medical tourism* dan juga sentuh sedikit dan bagaimana menjana ....(dengan izin), generate daya saingan hasil kreatif, hasil intelek, *intellectual properties* tempatan dan juga menjana daya saingan artis tempatan dan menjana daya saingan filem tempatan.

YB. Dato' Speaker saya akan membincangkan sedikit kemudian mengenai beberapa isu ini dan juga isu yang dibangkitkan oleh saya, iaitu *sustainability* kemampunan seperti isu pemeriksa pembangunan lama, di Padang Tembak, status laporan Jelutong *Dump Site* yang berkeluasan 53 ekar itu, dan isu keselamatan dan kerjasama PPS dan pihak polis. Isu rumah pengebumian di Padang Tembak dibincangkan. Untuk makluman YB. Dato' Speaker, isu OKU, anak yatim, warga emas, isu Projek Terowong Link Ke-3 Pulau Pinang, isu hakisan tanah, isu prestasi kakitangan Awam Negeri, isu lindungan bangunan Warisan Dunia George Town dan isu kemudahan perubatan yang sudah dan telah dibincang. YB. Dato' Speaker, isu-isu yang khas yang ingin saya bawa di Dewan yang mulia ini, di kalangan isu-isu tersebut saya amat tertarik kepada beberapa isu saya ingin sebut, pertama bangunan Sekolah Sin Chung di Jalan Farquhar ataupun Jalan Northam di sempadan kedua-dua jalan itu, dalam zon Warisan Dunia George Town...(gangguan), ini isu bangunan terbiar .... (dengan izin), YB. Dato' Speaker, *left to rot* ataupun dibiarkan reput, dalam persediaan untuk persidangan ini, saya telah membawa isu ini kepada pihak berkuasa dalam bidang ini.

YB. Dato' Speaker dalam satu jawapan daripada Pejabat Ketua Menteri bahawa, pihak MPPP telah memberi notis di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 pada tahun 2012. Notis ini menghendaki kacau ganggu dihapuskan kepada pemilik bangunan serta mengeluarkan surat menghendaki pemilik bangunan supaya mengambil langkah-langkah keselamatan dan perlindungan bangunan ini. Saya juga diberitahu bahawa pemilik juga termasuk peraturan dan termasuk permintaan membina bumbung bangunan sementara. Saya juga merakamkan penghargaan kepada kesan dan kecekapan pihak MPPP dalam isu ini dan saya masih menunggu pelaksanaan langkah-langkah yang tersebut yang diperintah ataupun dibuat oleh MPPP sejak tahun 2012.

YB. Dato' Speaker perkara ini penting, saya akan jelaskan kenapa perkara ini penting dalam Dewan yang mulia ini, saya mengucapkan syabas kepada Presiden Negara China kerana sedar bahawa Pulau Mutiara, Pulau Pinang adalah tempat yang sesuai untuk sebuah Konsulat Negara China untuk ditubuhkan. Baru-baru ini perbincangan dengan Kerajaan Pusat bahawa Negara China berminat menubuhkan sebuah Konsulat di Pulau Pinang. Untuk penjelasan Dewan, saya harap ini dirakamkan untuk rujukan masa depan juga adalah penting kita tahu bahawa kalau tak silap saya. Ini adalah keempat kali Negara China menubuhkan Konsulat di Pulau Pinang. Untuk rakaman hansard dan juga sebagai cerita menarik kepada kanak-kanak yang membuat kajian hansard Pulau Pinang pada masa depan, pada tidak kurang daripada 113 tahun dahulu sebelum hari ini, di samping zaman kawalan British India, Ching Dynasty iaitu Negara China di bawah Ratu Dowager Cixi telah menubuhkan sebuah Konsulat di George Town. Pada masa itu sebelum lagi George Town dinamakan sebagai George Town. Yang Berhormat Dato' Speaker, pada zaman itu seorang tokoh dan reformis Negara China bernama Dr. Sun Yat Sen banyak berada di Pulau Pinang 8 sampai 11 kali meninggal dan bermastautin di Pulau Pinang. Banyak sejarah, ini berkaitan dengan warisan Pulau Pinang dan tapak warisan Pulau Pinang. Yang lebih menarik lebih lagi *emperor-emperor* ataupun Ratu Dowager, ....(dengan izin), Dowager Cixi adalah nama dia, telah banyak kali menghantar assassin atau pembunuhan datang ke Jalan Farquhar dekat Kampung Malabar dekat kawasan-kawasan Jalan Northam untuk membunuh Dr. Sun Yat Sen. Mereka datang dengan anggota dan senjata dan banyak lagi cerita panjang, saya nak pendekkan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Sebelum Yang Berhormat boleh teruskan cerita yang amat menarik ini. Saya ingin memohon Yang Dipertua Negeri selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon masa mesyuarat hari ini 10 Disember 2013 (Selasa) dilanjutkan sehingga jam 7.00 malam.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sokongan.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya mohon menyokong.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini 10 Disember 2013 (Selasa) dilanjutkan sehingga jam 7.00 malam.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, katakan "Ya." Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-Ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Lebih suara bersetuju, usul dipersetujui. Kebun Bunga dua puluh (20) minit sudah lepas, saya sudah pergi ketiga Negara iaitu South Africa, Sumatera Utara dan China. Saya minta masuk ke Penang. Silakan.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya amat terima kasih atas teguran YB. Dato' Speaker dan jelas ternyata oleh YB. Dato' Speaker bahawa South Africa, Sumatera Utara dan Negara China ini mewujudkan bahawa Pulau Pinang memang fokus dan *central* seluruh dunia ....(dengan izin).

Yang Berhormat YB. Dato' Speaker. Ini mengenai pembunuhan Dr. Sun Yat Sen yang tidak berjaya, memang jika lau berjaya Negara China bukan Negara China sekarang. Dengan ini akhirnya Dr. Sun Yat Sen selepas 10 kali revolusi di Negara China telah menujuhkan sebuah negara yang dinamakan Republic of China.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bila-bila masa pun Pulau Pinang kita ini banyak reformis. Ada dari George Town dan ada dari Permatang Pauh dan ada juga kemungkinan dari Kebun Bunga. Kemudiannya juga Republic of China memulakan

konsulat yang kedua dan *people Republic of China* menubuhkan konsulat yang ketiga dalam masa yang singkat di antaranya digunakan oleh Jepun selepas ini. Di satu tempat dan tempat ini berdekatan dengan E&O Hotel dan E&O Hotel pada abad *tow century* yang lalu merupakan satu tempat yang kecil dan bukan sebesar sekarang dan banyak orang menjual rempah dekat dekat *town*. Dengan lebih dramatiknya YB. Dato' Speaker, ....(dengan izin), *I stand to be corrected*. Kedua-dua konsulat yang kemudiannya ditubuhkan di Bangunan Sekolah Sin Chung yang telah saya sebut ini. Sekolah Sin Chung ini di atas satu tapak di antara Jalan Northam dan Jalan Farquhar.

Bangunan ini Yang Berhormat Dato' Sepaker, bangunan ini adalah bangunan yang terpenting di rantau kita, bukan saja di Singapura, Hong Kong ataupun Negara China tetapi ia merupakan satu tempat yang terpenting. Saya tak mahu panjang lebarkan perkara ini, tetapi kesimpulannya adalah penting kita merujuk atau memfokuskan isu terhadap bangunan yang sedang diabaikan dan tidak dijaga walaupun perintah untuk menjaga bangunan ini diisukan dikeluarkan pada tahun 2012, bumbung belum buat lagi. Dinding jatuh dari tingkat lima (5). Dan juga bangunan ini merupakan bangunan yang terpenting di rantau ini di *South East Asia* dan Asia ini kerana bangunan ini lebih dari 100 tahun dulu adalah salah satu bangunan yang tertinggi lima (5) tingkat tertinggi di rantau kita dan juga bangunan ini telah dijual oleh seorang lagi reformis yang bernama Goh Say Eng, yang jual kesemuanya, dananya, hartanya semua diberi untuk rakyat Negara China. Jadi dari segi sejarah dari sudut pelancongan, dari sudut *friendship* di antara kedua negara dan dari sudut warisan antarabangsa adalah penting bangunan ini dijaga tanpa dimusnahkan dan dalam peringkat ini saya menjemput Ahli-Ahli Yang Berhormat jikalau ada masa pergila tengok bagaimana dengan keadaan bangunan ini. Memang sakit hati, tiap-tiap hari saya melalui tempat ini saya rasa sedih kerana ini merupakan satu bangunan yang terpenting tetapi diabaikan sahaja di bawah sisi undang-undang dan diabaikan di dalam kawalan kita.

YB. Dato' Speaker, satu lagi isu yang sentiasa di hatiku, dan juga dekat dengan hidung saya juga, adalah isu pembocoran paip najis di Padang Tembak. Cukup menyusahkan hati YB. Dato' Speaker, ini kerana sejak tahun 2010 satu projek memperbaiki atau mengubahsuai paip air dan paip najis telah dilaksanakan tetapi dengan tidak sempurna. Di antara lebih kurang 3,660 unit rumah pangaspuri terdapat lebih kurang 33% iaitu lebih dari 1,000 unit, paip najisnya bocor. Tetapi jawapan yang diberi kepada saya, adalah kerana mengubahsuai peribadi orang-orang tertentu yang menyebabkan pembocoran. Dan semuanya jikalau ini secara logiknya, maksudnya lebih kurang dari 33% penduduk Pangaspuri Padang Tembak ini ....(dengan izin), concurrently bersama-sama membuat ubah suai di Padang Tembak pada tahun 2010. Ini tidak mungkin bagi saya, bagi orang yang berlogik ini tidak mustahil. Tetapi jawapan kepada saya, yang saya tanya secara bertulis adalah kerana ubah suai yang dibuat oleh pihak swasta yang menyebabkan pembocoran paip najis di dalam lebih dari 1,000 unit di Padang Tembak.

Jadi kesimpulan untuk tidak memanjangkan perkara ini, sudah berapa tahun penduduk menderita. Ini bukan cerita yang lucu sebenarnya walaupun pada *first impression* nampaknya atau terdengar lucu, cuba bayangkan sebuah keluarga sedang bersarapan, tiba-tiba jiran di atas beraktiviti di bilik air. Dan tambahan pula susu coklat percuma dari siling dan dinding. Jadi lebih dari 1,000 unit walaupun dibaiki, masih sekarang ada masalah. Dengan tidak keruhkan cerita atau cerita yang berbau jahat itu,

saya ingin menceritakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pihak perumahan dan pihak JKR telah banyak bermesyuarat dengan saya juga di dalam tempoh tujuh (7) bulan ini yang saya menjadi wakil rakyat tetapi masih tidak dapat menyelesaikan. Untuk makluman Dewan ini, lebih kurang RM7.7 juta telah dibayarkan, tapi kedua-dua sub-kontraktor JKR masih enggan ataupun tidak berkeupayaan untuk membaiki. Saya juga ingin protes mewakili *engineer* dan sub-kontraktor seluruh dunia yang enggan menerima jawapan dari JKR bahawa ini masalah yang mustahil untuk diatasi, saya ingin protes.

YB. Dato' Speaker ini satu perkara Malaysia yang tak bolehlah bukan Malaysia boleh, Malaysia tak boleh dan JKR ini pun tak boleh, jikalau pembocoran air najis dibiarkan sahaja sampai beberapa tahun sampai sekarang, mungkin saya boleh cadangkan bahawa pada masa depan kita boleh bina satu muzium JKR di Padang Tembak memperingatkan dan menyenaraikan bagaimana berkesan *decision* Menteri Persekutuan, JKR dan projeknya.

Satu lagi isu yang mendekati hati saya Yang Berhormat Dato' Speaker iaitu hasrat dan impian rakyat Padang Tembak mengenai kemungkinan kawasan ini boleh di "*rejuvenate*" kan, dibaharui. Ini termasuk mengubahsuai, membina semula kawasan ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, Pangaspuri Padang Tembak telah berumur 44 tahun dan ada aduan dan insiden bahawa bata lebih kurang lima (5) biji bata yang jatuh dari tingkat 12 ataupun 16. Nasib baik tiada kecederaan tetapi bumbung *car park* pecah. Dengan singkatnya apa yang kurang di kawasan ini adalah aktiviti *commerce* .... (dengan izin). YB. Dato' Speaker. Kurang ekonomi, kurang perdagangan, kurang bank, kurang industri, kurang pekerjaan yang boleh memampam dan mengekalkan komuniti. Komuniti seperti begitu dia akan ada satu yang dinyatakan *vicious cycle* (kitaran ganas).

Cadangan saya di sini di Dewan yang mulia ini YB. Dato' Speaker adalah mewujudkan satu perbincangan mengenai kawasan komuniti yang tertentu seperti Padang Tembak, kita ada beberapa tempat di Pulau Pinang macam itu. Cadangan saya, saya rasa bermakna kerana kawasan yang ada *vicious circle* "kitaran ganas" ini hanya dia akan menjadi satu tumpuan tempat orang mungkin lebih miskin atau lebih kurang upaya dari sudut fizikal ataupun kewangan dan semua berkunjung di sana dan juga ada, ada anak yang membawa ibu bapa yang tua pergi ke kawasan ini. Di mana industri tak ada, kewangan tak banyak, fasiliti tak ada dan banyak lagi. Walaupun sebagai DUN dan sebagai Kerajaan Negeri kita menyuntikkan, men *invest* kan, melaburkan dan masukkan banyak sumber ke dalam kawasan ini tetapi masih tak cukup, masih tak cukup. Jadi, saya mintalah jikalau boleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh ada satu fokus juga di kawasan ini supaya kemungkinan dan saya harap bukan sahaja kemungkinan tapi saya harap pembaharuan kawasan komuniti ini boleh dibuat dengan secepat mungkin.

Akhirnya saya merujuk kepada isu daya persaingan Pulau Pinang yang saya rasa yang terpenting dalam perbahasan saya ini. YB. Dato' Speaker, industri negara kita yang saya sering berbincang bila melawati ataupun dilawati oleh rakan-rakan dari antarabangsa di dalam segi industri, *commerce*, *banking* dan banyak lagi perkara. Perkara yang sentiasa dibangkitkan adalah bahawa Pulau Pinang adalah satu tempat yang cukup sempurna untuk pelbagai, berbagai-bagai industri kerana orangnya bijak, penduduknya bijak, rakyatnya bijak, kawasannya bersih, ada pelaburan, ada Lapangan Kapal Terbang Antarabangsa, kesemua, kesemua kondisi, *condition* ataupun syarat kita

ada, kita boleh buat. Tetapi dengan rendah diri dalam pandangan saya YB. Dato' Speaker, nampaknya kita belum, bukan kurang tetapi kita belum mencapai ataupun memajukan satu sumber atau satu unsur di antara komuniti ataupun industri kita iaitu YB. Dato' Speaker iaitu unsur seperti *creativity* ....(dengan izin). Di antara perbualan atau perbincangan antarabangsa, YB. Dato' Speaker, kita berpendapat berpandangan sebegitu.

YB. Dato' Speaker, saya juga amat tertarik kepada ucapan Y.A.B. Ketua Menteri dalam pembahasan di dalam muka surat lima (5), *paragraph six* (6), ini yang dibincang adalah mengenai bahawa Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada tiga (3) teras utama pembangunan negeri. Saya amat berminat, gembira dan terima cadangan seperti begitu iaitu merancakkan pertumbuhan ekonomi, wujud peluang-peluang pekerja *pro-job*, *pro-growth* dan menjamin keadilan sosial ekonomi *pro-poor* yang kesemua ini hanya mengarahkan kita ke satu sudut untuk memandangkan masa depan industri Negeri kita ini iaitu Pulau Pinang yang kita sayangi dan cintai. Pulau Pinang ini ada industri dan ekonomi elektronik, pelancongan, servis, pembinaan, pemajuan. Selain daripada itu, walaupun ada yang lain *entreport*, *port* dan juga pengangkutan logistik tetapi selain daripada itu demi masa depan negeri kita, kita kena kita mesti, kita patut merancangkan lebih industri yang boleh memampam, *sustain* pemuda kita, orang yang akan datang, generasi baru untuk dapat daya persaingan dengan Negara asing.

YB. Dato' Speaker, di Negara China pada tahun ini sumber pekerjaan ataupun populasi mereka adalah 1.3 bilion di antara pemuda pemudi, *the youth* ....(dengan izin), adalah 26%. Maknanya, daya persaingan mereka hanya remaja, orang muda adalah 357 milion dengan kadar dengan pemuda Malaysia itu adalah satu ke 56 dan membandingkan India juga pada juga pada tahun ini, India juga dekat populasinya dengan Negara China ada 1.2 bilion dan daya persaingan remaja, *youth* adalah berapa peratus saya tak ada, tetapi adalah kadar kepada kita seorang Malaysia, pemuda pemudi Malaysia ke 71 pemuda pemudi di India. Maksudnya, daya persaingan dan ....(dengan izin), *the sheer number of the youth coming into the job market* yang datang dalam pasaran pekerjaan ini, memang boleh banyak persaingan dengan kita. Maksudnya, sebagai satu negara dan juga satu negeri yang bertanggungjawab, kita kena dengan sesungguhnya merancangkan *plan* ataupun rancangan untuk *protect/melindungi* pemuda ataupun generasi baru dalam *job market* ataupun pasaran pekerjaan ini. Walaupun di dalam sistem pendidikan negara kita ini di dalam pandangan saya sudah banyak tidak, tidak cukup untuk orang generasi baru ....(dengan izin).

Y.A.B. Berhormat, industri *alternative* maksudnya industri selain daripada industri tradisi elektronik, pelancongan, service, *entreport* itu, selain daripada semua itu di Pulau Pinang, industri *alternative* kena dibangkitkan, kena dimajukan dengan serta merta kerana pada ombak yang akan datang dari cabaran dan persaingan Korea, Taiwan, Singapura, Hong Kong tidak bincang lagi Eropah, Amerika ataupun Australia sudah cukup mantap dari segi dari mereka dan cukup besar terhadap rakyat generasi baru Malaysia.

YB. Dato' Speaker, pada tahun 1960 sampai 1980, kepimpinan Negara Korea, Taiwan, Jepun, Singapura, Hong Kong, Australia di rantau kita yang bersaing dengan kita ini sedar bahawa adalah penting bergantung bukan sahaja industri yang tertentu yang tradisi, tetapi juga industri yang berkaitan dengan *demand* ....(dengan izin), permintaan, tuntutan pasaran yang lain. Bukan sahaja kita, kita tak boleh sahaja

bergantung kepada industri elektronik yang banyak, yang banyak hanya dapat permintaan ataupun kontrol dari pasaran elektronik Amerika ataupun Eropah. Kita kena mengembangkan industri, industri yang dicadangkan oleh saya dan saya juga berusaha banyak di dalam tempoh tujuh (7) bulan ini mengemuka dan berjumpa dengan industrialis-industrialis di seluruh rantau kita. Kadang-kadang dengan perbelanjaan saya sendiri ke Taiwan, Korea, Singapura, Hong Kong, Australia ataupun jumpa mereka di kalangan kita dan berbincang dengan mengenai industri yang boleh di *sustain* yang bukan tradisi termasuk ....(dengan izin), YB. Dato' Speaker, iaitu *industry ecology ecotourism*, industri kreatif dan inovasi, industri *self* ....(dengan izin), *self sustainable*, industri mampan, industri *port* dan *entreport*, walaupun *port* dan *entreport* sekarang ini bukan di bawah kawalan Negeri kita.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Minta penjelasan dari Kebun Bunga. Terima kasih. Saya teruja dengan hujah YB. Kebun Bunga tentang Yang Berhormat telah berjumpa dengan ramai industri. Boleh saya tau atas kapasiti apakah Yang Berhormat berjumpa, adakah membawa kamajuan ataupun saja berjumpa dengan kawan-kawan sebab cara Yang Berhormat cakap tadi tu memang satu inisiatif yang cukup baik sebenarnya, berjumpa dan mengambil pengetahuan, bincang dan sebagainya. Atas kapasiti apa itu, supaya apa yang dibincangkan oleh Yang Berhormat boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri kalau itu baik.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Terima kasih Yang Berhormat rakan saya. Saya amat-amat terima kasihlah. Mengenai jawapan kepada Yang Berhormat rakan saya ini, saya berjumpa secara ada yang peribadi antara kawan-kawan, ada yang melalui *official channel* juga, ringkas kata kita hanya berbincang. Baru-baru ini saya berjumpa dengan U-Wei, U-Wei Shaari yang pengarah yang termasyur di Malaysia itu. Saya berjumpa beliau dan beliau mengatakan berminat datang ke Pulau Pinang untuk membuat filem. Saya berjumpa dengan Xie Jin tetapi ini beberapa tahun dulu yang profileman yang tokoh profileman di Negara China. Saya berjumpa dengan Jimmy Choo yang buat kasut untuk Ratu Britain. Mengkaji keperluan dan kemungkinan kita mewujudkan *branding* di Pulau Pinang mengenai fesyen universiti di Pulau Pinang. Tapi ini, ada yang peribadi, ada yang melalui *official channel* ....(dengan izin).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Kebun Bunga. Saya dapat melihat keikhlasan, keikhlasan pekerjaan yang Kebun Bunga buat. Mungkin Kerajaan Negeri harus mengambil iktibar ini masukkan dia dalam Jawatankuasa mana-mana dan jadikan dia sebagai duta contohnya ataupun sebagai perantara contohnya sebab dia kenal ramai Jimmy Choo dia kenal, U-Wei dia kenal, semua dia kenal. Mungkin dia dapat membantu perancangan Pulau Pinang.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Untuk maklumat YB. Pulau Betong, ADUN Kebun Bunga merupakan ahli dalam MMK Pembangunan Industri dan Perdagangan Antarabangsa saya sendiri. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

YB. Dato' Speaker, kalau ADUN Kebun Bunga nak keluar minum kopi bukan *official* bawa saya sekali.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Terima kasih. Saya hanya boleh menyatakan bahawa saya akan bekerja bersungguh-sungguh dengan ikhlas demi kepentingan rakyat dan dengan sokongan Ahli-Ahli Berhormat sekalian mungkin kita boleh mewujudkan satu, satu jawatan, ini hanya satu cadangan sahaja jawatan apa ni *Film Corporation* di Pulau Pinang kerana bukan saya nak cakap tapi saya juga jumpa. Baru-baru ini kita ada tiga anugerah antarabangsa *Golden Horse* yang dimenang oleh profileman Malaysia dan juga Singapura juga dan wujudnya banyak potensi bagi kita dalam bidang kreativiti. Saya nak sentuh juga banyak kali masyarakat kita membandingkan teknologi-teknologi elektronik dan sebagainya, *engineering* sebagai penting tetapi sudah mengabaikan *creativity* ....(dengan izin), pemuda pemudi generasi baru, generasi sekarang itu juga dan mengabaikan, tidak mengambil berat. Jadi, saya rasa ini satu, satu kesilapan. Bagi contoh kepada YB. Dato' Speaker, di California, di California saya buat kajian dan juga di New York, kedua-dua State kedua-dua negara ini di Amerika Syarikat ini bergantung besar atas profileman dan profileman ini lebih kurang, pendek saja, saya akan....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya nak minta pendek katakan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

YB. Dato' Speaker, ini mengenai ekonomi kemungkinan akan berubah sejarah Pulau Pinang. Saya rasa pada peringkat ini jikalau kita tak dak ubah ekonomi itu, kita kemungkinan mengalami satu jarak, satu gap yang tak cukup untuk generasi kita untuk *sustain* jikalau *banking* antarabangsa macam bank tak masuk ke Pulau Pinang pada pandangan saya. Jadi, balik kepada California dan juga New York, dengan satu minit saja, *employment*, jawatan yang dibuat di dalam satu tahun di (LA) Los Angeles adalah 200,000 orang di dalam bidang profileman dan pendapat bagi pekerja-pekerja tersebut hanya dalam bidang profileman adalah 17 bilion USD dan California merupakan lebih kurang yang kedua belas, yang kedua belas besarnya ekonomi di dunia, bukan di Amerika sahaja di dunia. Jadi, maksud saya dan New York juga, tapi New York kurang sikit New York 7 bilion USD di tahun ini hanya atas profileman. Saya bukan hanya menyatakan YB. Dato' Speaker mengenai profileman tetapi dengan menggunakan kedramatik profileman, saya membawa Dewan ini kepada satu (1) tingkat ataupun satu (1) tahap di mana kreativiti, termasuk fesyen, termasuk *branding*, semua ini boleh diwujudkan untuk generasi dan juga industri Negeri kita, dan juga negara kita juga.

Baru-baru ini saya, bukan baru-baru ini, bulan lalu, saya berbincang dengan Jimmy Choo mengenai, untuk maklumat Dewan ini, ini bersangkut dengan Pulau Pinang kerana Jimmy Choo adalah orang Pulau Pinang dan dengan bangganya kita kata, saya menyatakan bahawa orang yang berkreativiti, ada kreativiti itu, sudah membawa nama Pulau Pinang ke antarabangsa, di Hollywood dan banyak tempat lagi, bukan sahaja di Hollywood, bukan sahaja di Britain, bukan sahaja di Norway bukan sahaja di mana-mana. Tetapi, yang bagus kita kena puji, yang kita boleh belajar, kita kena ikut, dan dengan bawa ini saya rasa bagi saya YB. Dato' Speaker, inspirasi, dan juga saya rasa boleh menjadi inspirasi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kepada generasi baru kita.

Jadi YB. Dato' Speaker, yang lain satu lagi, bersangkut dengan inovasi dan industri kita ini adalah pelancongan. Adalah pelancongan, hanya satu contoh di mana yang saya mungkin sudah sebut, kawasan Perak seperti Sepatang, kawasan yang cukup cantik dan kecil itu, sekarang ini daya persaingan dengan Jawi, dengan Sungai Aceh, boleh saya bincang dengan Sungai Aceh, dengan Jawi ni dia bersaing dengan kawasan kita kerana mereka juga ada helang, helang besar yang putih, dia ada kelip-kelip juga, dia ada penyu, dia ada ikan lumba-lumba yang merah jambu tu, tak tahu ada buaya atau tidak. Dia ada banyak....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Udang galah besar.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Udang galah besar. Ya, terima kasih Sungai Aceh. Dan maksud saya, yang penting, yang pendek kata, yang penting adalah ramai sedang bersaing dengan Pulau Pinang, dan Pulau Pinang Yang Berhormat Dato' Speaker, kena memperkuatkan, memperkasakan generasi sekarang dan generasi baru kita ini. Kita kena memperkasakan bukan sahaja di industri servis, industri perfileman, industri media internet, industri *eco-tourism*, industri *medical tourism*, ....(dengan izin), industri fesyen dan *branding*, jenama, industri berkaitan dengan bandar warisan dan industri *commerce* dan *banking*, Dato' Speaker, jadi sudah melalui 20, 30 tahun dulu di 1985, saya pernah berjumpa dengan Steven Spielberg di London.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kebun Bunga pendekkan.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Ini penting bagi Pulau Pinang yang beliau menyatakan kepada saya, dia menyatakan Dato' Speaker, yang Pulau Pinang, Pulau Mutiara ni, memang satu tempat yang cukup *brilliant* maksudnya bercahaya dan cemerlang dan *wonderful*, dia cakap dengan janggut yang cukup banyak ini, dan dia menyatakan, Kah, nama saya Kar Peng, tapi mereka panggil Kar. saya nak datang ke Pulau Pinang membuat *Indiana Jones* kedua, pada masa itu, tetapi tak buat...(ketawa), *Indiana Jones* kedua yang ada, apa ini "Clime de Shanghai" kemudian jatuh ke Genghis, kemudian datang dengan

*rubber boat* ini, masuk dengan kapal terbang, jatuh atas tanah salji, yang semua ini sepatutnya dibuat di Pulau Pinang, tetapi, kerana Pulau Pinang ....(dengan izin), Dato' Pengerusi, Dato' Speaker, Steven mengatakan, saya nak datang ke Pulau Pinang membuat filem kerana....(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Pakatan Rakyat.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Bukan Pakatan Rakyat, masa itu bukan Pakatan Rakyat. Kerana Pulau Pinang ada tradisi yang cukup pekat, dia ada tradisi Melayu, India, Cina, Iban, Kadazan, semua, Aceh, Jawa, Serani, Sikh, kolonial juga. Jadi di dalam filem ini, Yang Berhormat -Yang Berhormat semua boleh balik cuba tengok, filem ini ada kesemua isu butir-butir ini termasuk dia bermula di Shanghai, yang David Yip, yang aktor ini adalah kawan saya, saya pernah buat filem dengan dia di London pada masa itu tahun 1985. Satu lagi saya tak boleh bagi tahu di mana filem saya ada di dalam. Dan ini mewujudkan kreativiti sebuah Negeri yang *vibrant*, ....(dengan izin), yang *vibrant*, maksudnya kita boleh ubahskan strata ekonomi kita bukan sahaja kita mengekalkan yang sedia ada, tetapi kita juga menubuhkan, menubuhkan yang baru ini. Adalah penting kita menubuhkan, seperti Jawi yang berusaha banyak untuk menyempurnakan pelancongan di kawasan beliau. Jadi, saya rasa....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Habis?

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Ya, dekat habis. Yang Berhormat,

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

*I give you five minutes more.*

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Ya, sudah cukup. Jadi, dah banyak berbincang, untuk kesimpulannya Dato' Speaker, adalah penting kesemua kita di dalam Dewan ini dan juga seluruh rakyat Malaysia berusaha untuk membina Malaysia secara kreatif dan juga secara minda terbuka, banyak lagi kita boleh berbincang tetapi pada peringkat ini, Dato' Speaker saya dengan syarat jikalau boleh, dengan syarat bahawa, bahawa bajet mengagihkan sebahagian bajet kepada industri kreativiti di Pulau Pinang juga kepada Industri alternatif di Pulau Pinang pada Bajet 2014 tahun depan itu, dan dengan ini, saya menyokong.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima Kasih Kebun Bunga, membawa kita ke seluruh dunia dan harap Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyertai perbahasan memberi tumpuan secukupnya kepada Pulau Pinang. Silakan, Sungai Acheh.

### **Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, rakan Yang Berhormat, *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, Salam sejahtera, Salam 1Malaysia. Dato' Pengerusi, Yang Berhormat terima kasih bagi kesempatan saya untuk mengambil bahagian membahas usul bajet pada kali ini. Dato' Pengerusi, dalam ucapan bajet buku ini, muka surat 38 perkara S menyatakan tajuknya, "Memperkasakan Agama Islam Sebagai Agama Syumul." Disebut di situ peruntukan pembangunan tahunan 2014 sebanyak RM11.17 juta dan untuk tahun 2013 RM10.22 juta. Menggambarkan peruntukan tahun ini untuk bidang keagamaan lebih hampir-hampir 9%.

Untuk pengetahuan Dato', Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Kerajaan Pusat juga banyak peruntukannya. Untuk pembangunan di Pulau Pinang ini, lebih banyak daripada peruntukan yang telah di tetapkan oleh Kerajaan Negeri. Untuk pengetahuan Ahli Mesyuarat, di Kawasan Sungai Acheh sahaja, kita terdapat dua (2) projek yang agak besar, sedang berjalan. Yang pertama, pembinaan masjid Sungai Acheh, Kerajaan Pusat beri peruntukan RM4 juta, kemudian untuk Sekolah Agama Simpang Tiga RM1.4 juta. Kerajaan Pusat juga sebagaimana dari dulu lagi, telah memberi peruntukan membayar elaun-elaun guru KAFA, elaun pegawai masjid dan berbagai elaun lagi yang tak dapat saya senaraikan di sini dan jumlahnya agak besar kalau nak dibandingkan sumbangan Kerajaan Negeri dalam bidang keagamaan. Untuk itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri juga dapat menyediakan peruntukan untuk bayaran elaun kepada pengurus dan setiausaha kariah atau masjid. Dalam isu agama ini juga, kita amat dukacita sekali di kawasan saya sendiri telah menjadi satu perkara yang agak kontroversi dalam hal pelantikan jawatankuasa masjid ataupun jawatankuasa kariah. Terdapat dua buah masjid dalam kawasan saya, yang telah pun menjalankan Mesyuarat Agong sebagaimana yang telah diarahkan oleh Jabatan dan Majlis agama untuk memilih Ahli-Ahli Jawatankuasa Masjid, iaitu di Masjid Sungai Acheh dan Masjid Simpang Tiga. Tapi malang sekali, setelah semua peraturan dipatuhi oleh jawatankuasa lama, dengan mengadakan Mesyuarat Agong mengikut peraturan yang telah ditetapkan dan dalam mesyuarat agung itu juga dihadiri oleh Pegawai Tadbir Agama sendiri. Apabila berlangsungnya mesyuarat agung, dan keputusannya telah dibuat, selepas beberapa minggu, atau bulan, maka jawatankuasa yang telah diputuskan dalam mesyuarat agung itu tidak dipakai dan dilantik mereka yang lain yang ada tak hadir mesyuarat, yang tidak mengambil bahagian dalam mesyuarat, ini menjadi satu perkara yang agak aneh dan pelik.

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat Sungai Acheh, sedarkah Yang Berhormat bahwasanya perkara ini juga berlaku di tempat-tempat lain termasuklah di kawasan Pulau Betong, di mana mesyuarat diadakan mengikut arahan, mengikut prosedur, setelah dilantik, di hantar nama ditukar kepada nama orang yang bukan terpilih dalam mesyuarat. Ini adalah satu

perkara yang amat mendukacitakan. Saya ingin merekodkan dalam Dewan ini bahwasanya apa dibuat oleh pihak pentadbir di Negeri ini adalah sesuatu yang tidak adil. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima Kasih Dato' Speaker, saya tertarik sekali dengan isu yang dibawa oleh YB. Sungai Acheh. Kerana isu ini juga telah saya bawa dalam persidangan penggal pertama, di dalam Dewan ini. Khususnya berkaitan dengan isu pemilihan Ahli Jawatankuasa Masjid Bakar Kapur, Bakar Kapur di dalam kawasan DUN Penaga. Saya telah bangkitkan isu ini dan saya amat kecewa sekali sehingga ke hari ini isu ini belum lagi selesai dan seperti yang disebut tadi oleh YB. Pulau Betong, perkara ini berlaku di kawasan-kawasan lain juga.

Saya masih teringat semasa perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini pada bulan Julai yang lepas berkaitan dengan ketidakpuasan, ketidakadilan yang berlaku dalam keputusan melantik Ahli Jawatankuasa Masjid yang tidak hadir, yang menggantikan Ahli Jawatankuasa yang dipilih secara sah di dalam mesyuarat tersebut. Seperti yang dikatakan tadi oleh YB. Sungai Acheh, memang wakil daripada Majlis Agama Islam tak salah saya hadir. Itu adalah syarat yang ditetapkan untuk pemilihan dan semasa apa yang berlaku di Masjid Bakar Kapur semasa pemilihan wakil yang hadir tidak membuat apa-apa bantahan terhadap pemilihan. Tetapi selepas pemilihan dibuat dan keputusan diperolehi dan ahli jawatankuasa yang lama dipilih semula selepas beberapa bulan pelantikan baru dibuat. Tanpa rujukan kepada Ahli Jawatankuasa yang dipilih secara sah dalam mesyuarat Agung Jawatankuasa Khariah Masjid Bakar Kapur.

Jadi ini tidak sepatutnya berlaku isu keharmonian di kampung amat penting sekali, kita tidak mahu Kerajaan Negeri melakukan demikian kerana rakyat di Pulau Pinang mahu kedamaian di Pulau Pinang kita tidak mahu perkara-perkara yang menyentuh keadilan, demokrasi, di dalam pemilihan khususnya pemilihan Ahli Jawatankuasa Masjid diganggu gugat. Kita biarlah pemilihan berjalan dengan bebas secara demokratik supaya orang-orang yang dipilih dalam mesyuarat agung kita hormat. Jadi jika diganti dengan Ahli-Ahli yang tidak dipilih secara sah dalam mesyuarat agung, maka akan timbul perasaan yang tidak senang di kalangan masyarakat. Inilah yang saya rasa kita dan khususnya kita dan Kerajaan Negeri patut memberi perhatian yang khusus mengenai isu ini. Dan saya amat kecewa sekali sehingga ke hari ini perkara ini tidak selesai walaupun saya di fahamkan bahawa ada rundingan ataupun perjumpaan telah di buat untuk menyelesaikan masalah ini. Tapi sehingga ke hari ini belum selesai. Jadi saya setuju sekali dengan apa yang di bawa, isu yang di bawa oleh YB. Sungai Acheh.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Sila teruskan.

### **Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Saya setuju YB. Pulau Betong dan YB. Penaga memang banyak lagi. Cuma saya sebut di kawasan saya, sebab YB. Dato' Speaker cakap kita tak payah cakap luar dari Pulau Pinang, jadi saya cakap bagi kawasan Sungai Acheh. Dan di sokong oleh YB. Penaga dan YB. Pulau Betong. YB. Dato' Speaker, saya nak sentuh sikit lagi dalam kawasan Parlimen Nibong Tebal. Di Sungai Kecil pun sama di kawasan Timbalan YB. Speaker. Masjid Sungai Kecil pun begitu juga. Sama di buat mengikut peraturan yang ada. Pegawai Tadbir Agama pun hadir dalam mesyuarat tersebut. Keputusan juga telah dibuat. Tapi dan akhirnya dilantik orang lain. Jadi nampaknya tidak begitu cantiklah dengan slogan CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus) malah tidak sesuai pula dalam kertas pembentangan bajet ini disebut memperkasakan Agama Islam sebagai agama yang Syumul. Tapi tindakan yang berlaku tak secantik bahasa yang di pamerkan dalam kertas pembentangan ini. Diharap pihak yang berkenaan mengambil tindakan yang segera, supaya perpecahan umat Islam tidak akan berlaku sebab kita umat Islam ini parti apa pun, fahaman apa pun, sembahyang pun hanya satu kiblat Rukun Islam jumlah yang sama, Rukun Iman jumlah yang sama, waktu juga, waktu yang sama. Jadi mengapa mesti kita ada perpecahan. Sedangkan Kerajaan Negeri, Majlis Agama atau Jabatan Agama nak mengelokkan, nak mengindahkan sistem pentadbiran masjid maka kita terimalah demokrasi yang berlaku itu dengan penuh ketulusan.

Berkaitan dengan hal agama juga, baru-baru ini nak menyambut Hari Raya Aidiladha ataupun Raya Korban. Kita sedih rasa kesal kerana banyak pemimpin-pemimpin kita daripada Pakatan Rakyat ucap Selamat Hari Raya menggunakan kain rentang ataupun *banner*. Dan saya yakin kalau saya silap jangan marah, peruntukan Kerajaan juga digunakan untuk menyediakan kain rentang dan *banner* ini yang ... (tunjuk gambar) ada gambar YB. Pantai Jerejak pun ada, tiga (3) orang ini. Ia *banner* besar saya tak boleh nak bawa takut tak boleh kemudian di sebelahnya ada gambar Kaabah. Ini gambar Kaabah. Ini Kaabah. Jadi ramai rakan-rakan Islam di sana, mereka pertikai sebab gambar Kaabah ini dia tak asli, dia ada sikit menggambarkan salib sini. Perasan tak? Jangan ingat saya nak timbulkan soal lain kerana ini cerita kebenaran.

### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Saya ingin tahu pandangan YB. Sungai Acheh, baru ini seorang bekas Menteri UMNO, Dato Zaid Ibrahim, dalam blog beliau, ada menyatakan *in a Malaysia without UMNO Malays would be more civilize and will accept the plurality and diversity of this country said former Minister Dato' Zaid. He posted this statement in his blog today and he also said UMNO is a true blue extremist, racist and religious party. It is a party that panders to emotions about religion and race and feels no remorse about attacking others. ....(dengan izin)*. Boleh saya mendapatkan pandangan YB. Sungai Acheh tentang bekas Menteri UMNO kata?

### **Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih Dato'.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak apa, teruskan.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Susah kita hendak cakap.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Mohon laluan sikit. Sebab gambar saya di tunjukkan...(gangguan). Terima kasih. Saya mohon laluan. Yang kata gambar salib itu boleh bezakan tak antara campur dengan salib. Salib ini ia memanjang ke bawah itu panjangkan daripada dari atas ke bawah, boleh Yang Berhormat bezakan antara simbol yang keluar dari cahaya itu dengan salib. Minta penjelasan itu.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Saya pun tadi kata, bukan salib terus, bentuk seimbas salib itu yang YB. Dato' Speaker angguk tiga (3) kali. Mesej saya sedangkan gambar pemimpin yang ada, YB Dato' Mansor, kemudian YB. Pulau Jerejak dan gambar YB. Air Puteh. Gambar ini *original* tak lari. Ambil gambar betul. Ambil gambar YB. Dato' Mansor, ambil gambar YB. Pantai Jerejak dan Y.A.B. Air Putih, tak lari, YB. Jawi minta sokonglah? Ini betul. Ini gambar yang betul. Mesej saya, gambar ini gambar betul. Tapi Kaabah ini takkan tak ada gambar *original*. Kenapa gambar kaabah tak sama dengan yang asal pula. Ini soalan saya. Tak apalah bukan saya kata salib tetapi seimbas salib. Jadi orang Islam agak terasa. Ini *real* bukan saja-saja reka, mereka datang jumpa, kenapa jadi macam ini. Jadi YB. Batu Maung tolong bantu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Izin laluan Yang Berhormat. Saya hairan dengan YB. Pantai Jerejak. Saya tau YB. Pantai Jerejak seorang yang warak. Kerana panjang pendek itu Yang Berhormat nak pertikaikan, kenapa tak pertikaikan tudung Kaabah yang asal. Kenapa di ubah begitu? Tak kiralah panjang atau pendek itu. Ini sudah menukar apa yang telah menjadi amalan yang telah diguna oleh sekian lama YB. Pantai Jerejak. Kenapa itu dijadikan isu? Panjang ke pendek dan sebagainya. Persoalannya kenapa diubah?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Minta laluan YB. Sungai Acheh. Sikit saja saya nak tutup isu ini. Saya *skip* sikit saja kerana benda ini YB. Dato' Speaker, soalan ini telah dibangkitkan dalam soalan lisan dan soalan bertulis. Dan kita pun telah menjawab berhubung dengan timbulnya satu kekeliruan *designer*. Kita pun telah mengambil ketetapan iaitu pada masa akan datang, masalah ini mestilah dirujuk kepada orang-orang yang berpengetahuan supaya meluluskan *interest designer* ini dia silaplah. Dia sepatutnya mengambil gambar saja, gambar Kaabah selesai. Sebabnya dia *design* ikut dengan apa yang saya tengok dalam gambar itu. Jadi saya minta YB. Dato' Speaker...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Jadi saya minta YB. Dato' Speaker perkara ini tidak dilanjutkan kerana perkara ini telah pun dijawab dan Kerajaan Negeri menerima hakikat yang itu kesilapan yang kita pihak *designer* tidak merujuk kepada orang-orang yang berkenaan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya minta izin laluan sikit YB. Sungai Aceh. Kerana ini berkaitan dengan soalan saya, soalan lisan saya, maaf soalan bertulis saya yang dijawab, itu kesalahan *designer*. Soalan saya kenapa dibiarkan *banner* itu tergantung sekian lama. Tak akan tak ada seorang pun daripada EXCO yang berada di situ, YB. Pantai Jerejak, YB Batu Maung menurunkan *banner* dengan kadar segera? Kenapa dibiarkan lama hingga menimbulkan resah di kalangan masyarakat?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Sebab selepas sahaja kita mendapat apa....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

4(3) tidak boleh ganggu saya bercakap.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Saya minta laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Bagi la saya cakap dulu, ini terus...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bagi atau tak bagi.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Silakan Batu Maung. Itu cara dia.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Terima kasih Sungai Aceh nak menjawab permasalahan yang ditimbulkan oleh Pulau Betong, sebaik sahaja kita saya diberitahu *immediately* kita telah mengambil keputusan untuk menurunkan *banner-banner* dan jikalau perkara ini telah terlepas daripada pandangan kita, saya mohon maaf bagi pihak Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya difahamkan apa yang disyaratkan, setiap *banner* yang dipasang harus mendapat kelulusan daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang ataupun MPSP. Dapat. Kenapa pegawai yang memberi kelulusan tidak memeriksa poster *banner* tersebut. Kenapa? Sebelum keputusan diberikan. Sebab masyarakat Islam Pulau Pinang memandang serius tentang perkara ini YB. Batu Maung, YB. Pantai Jerejak dan YB. Seberang Jaya.

**Yang di- Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila sungai Aceh. Saya rasa perkara ini sudah cukup jelas dan Batu Maung pun sudah menjelaskannya.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Sebab YB. Batu Maung sendiri telah memohon maaf dalam Dewan ini kepada seluruh umat Islam di Pulau Pinang. YB. Dato' Speaker seterusnya berkaitan dengan penyelenggaraan parit.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Minta laluan, atas tajuk yang sama minta penjelasan. Dato' Speaker terima kasih Sungai Aceh saya ingin menyatakan di sini bahawa mengikut Perlembagaan Persekutuan Fasa II(1) Perkara 16 menyatakan tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agama tertakluk kepada fasa 4 untuk mengembangkannya. Saya ingin menyatakan kepada Dewan, berdasarkan peruntukan tersebut adalah jelas Malaysia memberi kebebasan hak asasi yang dijamin dan dilindungi, tetapi untuk menjaga kesucian agama Islam, agama rasmi Perlembagaan Persekutuan Fasa 4 Perkara 11 menyatakan orang bukan Islam tidak berhak untuk menyebarkan atau mengembangkan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama mereka dikalangan orang menganuti agama Islam.

Saya ingin memohon kepada Kerajaan Negeri peruntukan ini telah pun diterima pakai peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan diterima pakai oleh kebanyakan Negeri-Negeri dalam Persekutuan kecuali Pulau Pinang. Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan. Adalah diharapkan saya bagi pihaklah orang Islam di Negeri Pulau Pinang ini Kerajaan Negeri dapat menggubal enakmen menghalang pengembangan agama selain daripada agama Islam kepada orang Islam. Dan membuat kajian supaya enakmen berkenaan mempunyai peruntukan-peruntukan yang menyeluruh bagi memenuhi keperluan mengenai bidang kuasa di Mahkamah Sivil bagi mengelak isu-isu masalah bidang kuasa, proses siasatan, penguatkuasaan senarai tidak boleh digunakan oleh bukan Islam dalam perkataan-perkataan yang dilarang digunakan orang bukan Islam. Ini supaya ianya jelas, nyata dan termaktub di dalam undang-undang Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Oleh kerana perkara ini mustahak perlu dilaksanakan dengan penuh teliti kerana ianya melibatkan banyak sentiviti masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Ini saya mohon ....(dengan izin), Sungai Aceh.

### **Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar kerana membantu. YB. Dato' Speaker saya nak mencadangkan supaya peruntukan penyelenggaraan parit dan sungai patut ditambah. Kita nak mengatasi banjir yang berlaku ataupun kita bina semula perparitan bagi memudahkan pengaliran air dan secara langsung dan tidak lansung kita dapat membantu dalam menyelesaikan masalah banjir secara beransur-ansur. Di kawasan saya mewakili kawasan saya, YB. Dato' Speaker, saya bawa perkara ini jangan marah, sebab saya mewakili kawasan saya, selagi tidak selesai saya akan bawa kerana ini tanggungjawab saya. Contohnya di Sungai Udang, Kampung Surau Sungai Udang, Tanah Kebun dan Sungai Tok Tuntong. Semuanya ini kampung-kampung yang berada di dalam KADUN Sungai Acheh, bila hujan lebat dan kadang-kadang bertembung pula dengan air pasang berlakulah banjir yang mengakibatkan tanaman kelapa sawit, padi agak terjejas. Parit Dua di Sungai Udang dan terletak bersebelahan kolam ternakan ikan menghala ke Kuala Sungai Udang, kolam ikan situ ada 192 unit kolam dan ada 32 pengusaha atas tanah Kerajaan dan atas tanah milik sendiri. Parit ini sentiasa menjadi cetek apabila lebih-lebih lagi mereka habis kolam itu kelodok-kelodok kolam dilepaskan dalam parit 2 ini dan bila parit itu cetek, maka sering berlakulah banjir.

Saya juga dapat jawapan bahawa kolam-kolam ini telah diberi lesen oleh MPSP. Sepatutnya MPSP yang tanggungjawab mengeluarkan lesen kena memantau atau mengambil tindakan tertentu sekiranya syarat-syarat ini dilanggar oleh pengusaha. Sebelum ini juga semasa Dato' sendiri sebagai EXCO telah berunding dengan pihak pengusaha supaya mereka dapat mengambil tindakan dengan menggunakan perbelanjaan duit mereka sendiri untuk korek parit itu.

Kemudian isu berikutnya isu Pasar Kemboja jadi di kawasan saya nama tempat kawasan Permatang Tok Mahat dia sempadan Parit Buntar. Ada satu pasar dikendalikan oleh Kemboja. Ramai pengusaha Kemboja sekarang ini dah campur dah dan menjadi tumpuan ramai ke Pasar Kemboja itu, ini pun salah satu daya tarikan pelancong. Jualan murah tudung, kain batik, baju memang murah, sampai orang Ipoh, Kuala Lumpur datang ke sini. Operasi ini berjalan dah 10 tahun lebih saya dimaklumkan 2006 MPSP ada bagi memberi lesen dan langgar syarat lesen ditarik balik. Ini menjadi masalah kepada pengguna jalan raya dan penduduk setempat dia berhadapan Sekolah Permatang Tok Mahang memang ganggu, kalau pagi-pagi memang ganggu, pergilah tengok memang ganggu kerana kena lalu lintas juga ganggu dan orang nak masuk taman juga ganggu. Kalau ada kenduri ke mati ke, cukup jadi masalah. Jadi saya harap supaya pihak yang bertanggungjawab MPSP contohnya kita ambil tindakan segera janganlah benar mereka berniaga di situ dan MPSP juga kena cari jalan membantu mereka supaya dapat ditempatkan di tempat lain.

### **Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Tadi Sungai Acheh ada sebut mengatakan peniaga-peniaga Kemboja 2006 di pastikan diorang telah tarik balik lesen, jadi sekarang macam mana dia orang boleh dapat balik beroperasi perniagaan dia orang. Apakah tentang penarikan lesen itu terbatal pada orang itu. Sekarang ini macam mana ada maklumat.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Sepututnya EXCO berkenaan jawab. Saya menggunakan soalan saya 2006 bagi lepas itu ditarik balik kerana tak ikut syarat. Sekarang sebenarnya memang tidak ada lesen. Saya minta jasa baik Kerajaan Negeri kita ambil tindakan untuk selesaikan masalah ini, lama sangat.

Kemudian berkaitan dengan pelingkungan semula *rezoning* jadi depa duk sebut bila kita hendak buat *rezoning* ini oleh kerana kekangan pembangunan persekitaran kena buat lingkungan boleh lulus. Saya faham begitulah jadi Sungai Acheh tidak ada lagi masalah kekangan pembangunan. Masalah sekarang sawah-sawah dijadikan sebuah rumah burung walid jadi tapi sekarang perumahan juga wujud iaitu kawasan saya ini di kawasan Sungai Acheh kerja-kerja tanah Sungai Acheh tidak mampu nak terima lagi terutama lagi dia bagi Taman Acheh Indah rumah dua (2) tingkat 99 unit. Buat 99 buah unit untuk mengelak dari membina rumah kos rendah, jadi kalau RM150,000 ke bawah tidak ada. Pandai pemaju jadi maknanya tidak harapan orang tempat kami dan tak mampu orang di situ nak beli. Jawi orang miskin tidak boleh duduk.

Sekiranya diluluskan perlingkungan semula, pemohon perlu mengemukakan pula permohonan kebenaran merancang dan ulasan daripada jabatan teknikal. Pemohonan juga perlu mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri untuk menukar kegunaan tanah daripada pertanian kepada pembangunan dan bayaran premium akan dikenakan kepada pemohon. Dalam masa yang sama pemohon juga perlu mengemukakan permohonan untuk mengeluarkan lot daripada warta tali air. Masalahnya sekarang tanah-tanah sawah, sayanglah tanah sawah jadi kecil oleh kerana kita jangan mudah kita lulus *rezoning* itu, inilah masalah kita, di Sungai Acheh sendiri di SPS kita ada 1,365 hektar sawah. Jadi tanaman padi ini kita pun tahu ia merupakan tanaman keselamatan. Kawasan pertanian ini juga merupakan kawasan sensitif alam sekitar, jadi kalau boleh kita jangan terlalu mudah untuk luluskan.

Dalam jawapan bertulis "Walau bagaimana pun secara umumnya pembangunan selain daripada pembangunan padi adalah tidak dibenarkan dan tidak disokong oleh agensi dan jabatan berkaitan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan dan Saliran dan pihak Pembangunan Kawasan Bersepadu Pulau Pinang (AIDA). Jadi kalaular Jabatan Teknikal ini sendiri tak setuju, lepas itu macam mana boleh lulus. Sepatutnya pihak atasan mesti mendapatkan pandangan dan ulasan daripada jabatan-jabatan teknikal yang berhak ini masalah kita. Tapi sayanglah jadi saya harap janganlah buat bagi apa nama *rezoning* ini banyak-banyak susah sangat....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya ingin mendapat penjelasan mungkin YB. Sungai Acheh tahu berapa banyakkah permohonan yang dibuat untuk memajukan sesuatu kawasan yang tidak dipersetujui oleh agensi tetapi tetap dilaksanakan YB. Sungai Acheh ada *figure* tak angka itu tak pun kita boleh minta dari pihak Kerajaan Negeri...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih YB. Pulau Betong. Kita harap Kerajaan Negeri bagi kat kita, bila penggulungan nanti. Jadi kita harap yang berkait dengan projek perumahan itu juga sedangkan kita kalau nak buat rumah ini sebenarnya hendak mengatasi orang yang tak ada rumah, khusus kepada orang tempatan...(gangguan), tak habis lagi, saya bagi. Dia yang cantiknya kita buat rumah nak bantu orang tak ada rumah, sedangkan orang Sungai Acheh ini yang merupakan petani, nelayan, yang kerja kilang yang berpendapatannya mana mungkin nak boleh beli rumah teres dua (2) tingkat ini yang harganya beratus ribu. Sila Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Terima kasih YB. Sungai Acheh. Saya nak tanya satu soalan sedar atau adakah Yang Berhormat memiliki maklumat pemaju-pemaju yang lari dan mengelak daripada tuntutan *social obligation* ....(dengan izin), untuk membina rumah-rumah kos rendah sebagai satu contoh tadi pemaju itu membina rumah 99 buah biji dan dia lari daripada *social obligation* ....(dengan izin), tak buat rumah kos mampu milik. Berapa banyakkah pemaju bersikap ini di kawasan YB. dan kalau boleh saya nak minta Kerajaan Negeri berapa ramai *businessmen* macam ini, perangai ini yang menidakkann hak orang susah semua dengan melari dari segi kepandaian takrifan dia, terima kasih Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

YB. Telok Bahang, saya tak ada maklumat itu jadi saya mintalah Kerajaan Negeri akan bentang balik masa penggulungan ini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan YB. Sungai Acheh. Kalau begitu setujukah YB. Sungai Acheh supaya pihak yang meluluskan sama ada daripada Jabatan Perancang MPSP atau MPPP apabila melihat *submission* ataupun permohonan yang dibuat oleh pihak pemaju, jika sekiranya mereka membina rumah yang boleh mengeluarkan mereka daripada membina rumah kos rendah harus mensyaratkan contohnya kalau kata tanah itu boleh buat 5 ekar boleh buat 160 biji, tapi untuk lari daripada syarat mereka buat 140 biji, tapi padahal tanah itu cukup 160 biji jadi seharusnya MPPP, MPSP dan pihak perancang mensyaratkan supaya mereka semula dan memasukkan jumlah yang sepatutnya yang dibenarkan dalam permohonan itu.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

YB. Pulau Betong, kita amat bersetuju sekali, sepatutnya Kerajaan Negeri kena ambil tindakan supaya perkara ini tak berlaku lagi. Terima kasih. YB. Dato' Speaker, dalam pembentangan bajet dalam kertas ini dicadangkan ada disebutkan cadangan Elaun ADUN dinaikkan dan Elaun Ketua Pembangkang dinaikkan, tetapi saya cari dia Elaun Y.A.B. Ketua Menteri tak naik, tak ada elauan Y.A.B. Ketua Menteri, Elaun EXCO... (gangguan), diamlah biar orang lain gulung. Ini 46 (iii) dia kacau ganggu saya, 46 (iii) tidak boleh ganggu..(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Minta laluan Yang Berhormat, saya sebelum nak pi pasal elaun itu, saya nak tanya pasal perumahan satu (1) saja. Yang Berhormat wakil rakyat dah banyak penggal, saya percaya Yang Berhormat mesti faham dan ketahui yang mana rumah kos mampu milik ini daripada *developer* yang suka lari, tidakkah ada sebelum ini cadangan daripada diambil kira jumlah unit, kita ambil kira daripada jumlah keuntungan supaya alternatif, depa buat 120 biji, 90 biji depa lari, tidakkah kita ada *platform* atau cara lain untuk kawal mereka ini, tidakkah dibincangkan sebelum ini untuk kita dapat maklumat yang jelas, ada tak perkara ini dicadangkan, ambil daripada keuntungan RM100 juta, *you patut buat rumah mampu milik social obligation ....(dengan izin)*.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan YB. Sungai Acheh.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Nanti EXCO berkenaan jawablah, kalau saya jadi EXCO itu saya jawab sekarang. Okey, saya ulang balik dalam pembentangan bajet dicadangkan elaun apa ADUN naik, elaun Ketua Pembangkang. Elaun Y.A.B. Ketua Menteri, elaun EXCO tak ada okey, cuma saya nak dapat kepastian, tadi nak datang ada rakan-rakan tanya, naik dak Elaun Kaunselor Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai, Majlis Perbandaran Pulau Pinang ke? Depa jawablah kesian jugaklah kat depa tak naik. Kemudian berkait dengan peruntukan projek kecil RM40,000.00 untuk ADUN BN, amboi cantik sekali....(gangguan). Delima jangan ganggu rujuk Peraturan 46 (iii). ADUN Pakatan tak tahulah, yang saya faham depa dapat peruntukan 60% untuk bekalan, 40% untuk projek betul tak? tak Apa saya dimaklumkan begitu, saya bukan tuduh. Kemudian Penyelaras pun dan saya difahamkan begitu. Di kawasan saya pun ada seorang Penyelaras di bawah Pakatan yang diberi elaun, kawan dia cerita kat saya dia ada peruntukan 60% bekalan dan 40% projek. Bila ada rumah terbakar pun saya pi, dia pun pi, dia pun pi kira nampak macam dia bersungguh nak buat kerja, pastu malam dia pakat, dia bawa YB. Timbalan Ketua Menteri pi rumah terbakar tu, dalam bulan puasa....(gangguan). YB. Pantai Jerejak nak kena 46 (iii) lagi. Mereka pergi dalam bulan puasa saya ingat, kalau silap minta maaflah, depa ambil gambar seorang Ahli Majlis masuk dalam *facebook* bersama dengan Y.A.B. Ketua Menteri, saya pi siang, depa pi malam hebat, itulah YB. Timbalan Ketua Menteri, yang malangnya sekarang ini rumah terbakar itu tak selesai lagi, depa mai jumpa saya, mana YB. Timbalan Ketua Menteri dan mai, pasal apa tak buat? YB. Timbalan Ketua Menteri dah mai kenapa tak buat lagi arahan dia. Jadi ini *real*, depa tak tahu apa sebenarnya. Saya bantu mereka menghantar salinan *report* kepada Pejabat Kebajikan. Ada sungutan daripada mereka bila rumah nak dibina baru, lepas itu pergi kat kebajikan walaupun penyelaras itu pi dulu nampak macam nak berebut, nak suruh pindahlah. tak apa pi lah, tapi akhirnya dia mai jumpa saya. Ini rungutan, sebelum ini di Pantai Pinang sudah buat, dah buat Kerajaan Negeri buat tapi kecil sikit, mereka banding dengan Kerajaan Pusat buat besar, tapi yang itu kecil sikit, saya hari itu nak tolong, tapi Timbalan Y.A.B. Ketua Menteri nak buat. Jadi saya nak peringat Y.A.B. Ketua Menteri, kalau boleh buat cepat sikitlah, nanti saya balik nak bagi tahu, saya dah sampai salam kepda Pantai Jerejak dan Pantai Jerejak dah angguk sampai tiga (3) kali maknanya orang Islam ini kalau dah angguk itu dia agree lah, dia setuju. Saya akan maklum apabila saya balik nanti.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Mana satu nak pilih?

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):**

Tadi YB. Sungai Acheh ada sebut tentang beberapa peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri terutamanya penyelaras KADUN. Saya juga ingin bertanya beberapa peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Pusat terutamanya kepada JKP atau Kerajaan dan ada juga melalui Parlimen yang melalui Ketua-ketua UMNO Bahagian-bahagian, melalui peruntukan khas. Jadi saya rasa dari segi bantuan kepada mereka yang layak untuk dapatkan bantuan ini sama ada Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat. Saya rasa kalau kata tadi ada peruntukan kepada JKP ataupun melalui kawasan-kawasan yang mungkin di bahagian UMNO, mungkin Barisan Nasional tak menang kawasan. Jadi ada peruntukan di bawah Ketua Bahagian, ada atau tidak ada, saya tidak tahu, tapi saya juga difahamkan juga ada. Jadi itulah kesempatan boleh juga diguna pakai untuk memberi bantuan kepada rakyat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan YB. Sungai Acheh tentang RM40,000.00 lagi, saya nak YB. Sungai Acheh merujuk kepada dua (2) teks, satu (1) teks ucapan Bajet 2014 yang disediakan yang mungkin ini diedarkan kepada pemberita dan sebagainya. Satu lagi hansard yang ditulis berdasarkan ucapan *verbal* daripada YB. Air Putih tentang perkara ini. Di dalam ucapannya muka surat 49 tidak langsung disebut, dinyatakan secara bertulis, secara rasmi yang berikan kepada ADUN UMNO, tak disebut langsung, tetapi dalam hansard ini disebut ADUN UMNO. Secara jelas, ini menunjukkan teks ucapan yang disediakan ini tak sama dengan yang diungkapkan. Ini mungkin berlaku di mana-mana, isi *statement* yang dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri contohnya seperti hari ini lain, tetapi yang diungkapkan masyarakat lain jadinya.

Yang kedua, dalam ini disebut RM40,000.00 diserahkan kepada YB. ADUN Barisan Nasional dan kita telah menyatakan dalam *press* bahwasanya kita menolak dan kalau boleh biarlah duit ini diletakkan kepada Pejabat Daerah dan kita akan memaklumkan bila kita nak pakai, tetapi dalam hal ini dah di sebut sebagai ADUN UMNO, tetapi duit itu diserahkan kepada Penyelaras KADUN Pakatan Rakyat. Kalau itu nak dibuat kenapa tak *direct* bahwasanya kami akan menyediakan duit tambahan untuk Penyelaras KADUN di kawasan-kawasan yang dimenangi oleh UMNO, kita terima, tetapi ini saya rasa sengaja hendak memutar belitkan kenyataan....(gangguan). Saya belum habis lagi....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Peraturan, peraturan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya belum habis lagi, peraturan apa.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Peraturan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad):**

Saya belum habis lagi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Peraturan, peraturan. Ini adalah satu tuduhan yang dibuat kenyataan putar belit....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad):**

Peraturan berapa?

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Peraturan 46 (7) (c)....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad):**

Betul Yang Berhormat.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Baca dulu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Menyentuh peribadi penggunaan perkataan-perkataan menyakitkan hati, menyakitkan hati saya mendakwa bahawa...(gangguan), saya belum habis lagi, duduk. Mendakwa bahawa diputar belit, mendakwa bahawa teks ucapan Y.A.B. Ketua Menteri dan juga hansard itu diputar belit jangan sesekali mempersoalkan kewibawaan Y.A.B. Ketua Menteri ataupun kakitangan Dewan. Saya nak tegur Yang Berhormat, saya minta kenyataan itu ditarik balik....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad):**

Okey, saya tarik balik kalau itu menyenangkan hati....(gangguan), tetapi saya nak buktikan bahwasanya apa yang disediakan diedarkan oleh pemberita mungkin tidak sama dengan apa yang diungkapkan. saya cuma.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Itu Yang Berhormat kena tanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri bila dia hadir nanti... (gangguan). Jangan tanya dengan kakitangan Dewan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Seri Delima duduk...(gangguan), nanti bagi penggulungan. YB. Pulau Betong sila pendekkan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Cuma saya nak katakan kalau benar bagi dekat Penyelaras KADUN kenapa dikaitkan dengan UMNO, kenapa tak dikatakan terus RM40,000.00 ini akan diserahkan kepada Penyelaras-penyelaras KADUN di kawasan yang Pakatan Rakyat kalah, *clear* kami boleh terima, tetapi ini tidak disebut pada UMNO, UMNO, UMNO, bukan Barisan Nasional tetapi akhirnya diserahkan kepada Penyelaras KADUN...(gangguan) Pakatan Rakyat. Jadi ini tak adil, lebih baik kalau nak serahkan pada Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah akan diuruskan seperti apa yang kami minta....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Sungai Acheh sila, nak sambung ke...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih, saya amat bersetujulah dengan rakan saya. Saya amat bersetujulah dengan rakan saya. Tuan Penggerusi Peraturan 46(iii).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ini saya terima ganggu.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Delima terimalah.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dua-dua terimalah. Sila pendekkan.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Saya nak pendek.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Sungai Acheh, saya minta laluan. Tak ganggu.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Saya tidak benarkan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tak berani ke.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Menyakit hati saya. Peraturan 46(iii) tarik balik betul tak Dato'.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila teruskan. Tiada berniat jahat.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Tidak berniat jahat macam itu.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila teruskan Sungai Acheh. Sekarang Sungai Acheh pantang diganggu. Ahli-ahli yang lain jangan ganggu.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Bukan pantang. Itu peraturan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Kalau dia tak mahu diganggu jangan berucap. Duduklah. Tidak berani berbahas.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Telok Bahang pun duduklah. Biar Sungai Acheh habiskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Mari sama-sama kita lawan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak dibenarkan, duduk.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

YB. Dato' Speaker jangan senyum. Tunjuk garang sikit pada Delima itu. Saya bersetuju dengan Pulau Betong, biarlah saya sebut di sini, bagi pada Penyelaras pun tak apalah, kalau tak mahu bagi pada DO, bagi pada penyelaras, depa buatlah. Sebab apa, kalau bagi pada Penyelaras dia buat dalam kawasan ADUN itu juga. Dia buatlah di mana pun. Maksud saya begitulah, macam saya sendiri pun peruntukan saya, saya buat....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Saya tak bagi, teruk ini. YB. Dato' untuk saya sendiri pun saya bagi tak kira fahaman apa. Untuk pengetahuan Permatang Pasir, ada rumah terbakar dekat rumah yang Timbalan Ketua Menteri melawat, lama dah. Kebetulan dia itu dapat, ia daftar sebagai e-Kasih yang kategori miskin, saya ganti segera rumah. Habis-habis siap dia letak papan tu, dia penaik cat, lambang PAS dengan bendera, punya baik Barisan Nasional. Memang tahu tapi kita tak kira. Maknanya peruntukan RM40,000.00 yang diberi kepada Penyelaras pun esok dia akan buat, samalah. Dia tidak ada masalah, jangan dok heboh kata kami hebat bagi kat ADUN begini, begini, tak payah. *Allah Taala* tahu apa yang kita buat. Satu lagi Dato'...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Saya tak bagi. YB. Seberang Jaya nanti habis-habis gulung perabis. Di Nibong Tebal, ini kepada MPSP, sebelah Yawata Supermarket, YB. Jawi pun tahu, ada tempat permainan kanak-kanak, ini aduan. Sekarang ini tempat permainan kanak-kanak dibuat bangunan. Saya difahamkan nak bina tandas awam, jadi orang-orang yang mai ke Yawata, nak mai ke gerai-gerai, kanak-kanak nak main tidak dapat, tidak ada ruang, tinggal tempat itu kecil. Saya ambil gambar dah, terlewat ambil gambar *print* tak jadi. Tapi Jawi tahu, bukti, kalaularah Seri Delima tanya saya mana bukti, sila jawab Jawi. Jadi memang kecil, saya bagi contohlah ....(dengan izin). Tempat permainan sakarang dibuat tandas.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan, Sungai Acheh.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Saya tak bagi. Jadi saya harap perkara ini tidak berlaku kerana kita sudah siap untuk keselesaan rakyat kita, sejahtera. Jadi tahu-tahu kita buat tandas dekat situ. Di samping itu juga tadi saya mai, agak sesak juga dekat tol Jawi. Sekarang kita ada projek pelebaran jalan dari Permatang Keling ke Simpang Empat. Sekarang ini dekat tol Jawi sedang dibuat pelebaran jalan. Jalan besar sekarang, saya teringat kawan baik saya dulu Bagan Jermal, saya dok ingat sebut isu nama, terdapat Mercu Taman Residensi Merbok, Jawi tahuhan Residensi Merbuk. Saya nak cerita pada Wakil Rakyat di sini, dia bina atas bahu jalan. Ini tidak sepatutnya, kalau belajar arkitek, engineer manapun memang tak setujulah, tapi YB. Bagan Jermal bagi tahu dalam Dewan, mula bertengkar juga, YB. Padang Kota kata bukan saya, JKR punya. YB. Bagan Jermal bagi tahu nama besar itu akan diubah *roughly* macam itulah, kalau silap minta maaf apabila berlakunya perlebaran jalan. Sekarang perlebaran jalan sedang dijalankan, tapi tidak diubah lagi. Jadi depa tanya saya, saya nak sampaikan pada Bagan Jermal, tak payah jawab Bagan Jermal, masa gulung esok. Ini depa tanya saya lagi, saya bila Bagan Jermal jawab, saya cerita, pasal dia janji nak ubah walaupun gerai di tepi jalan di situ depa runtuh cepat. Tak apa nanti saya jawab, esok gulung.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Kalau dibangkitkan sekarang, untuk menyenangkan semua, saya cuma ulas sedikit boleh. Yang Berhormat bagi tak?

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Tak apa.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Ini tak kena dengan fakta.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Betul, saya dengan YB. Farid, kami sama-sama enam (6) siri. Enam (6) siri tahu. Okey sila.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

*Signboard* Residensi Merbok itu ada membuat permohonan kepada JKR dan JKR meluluskannya dengan syarat bahawa apabila hendak diguna untuk perlebaran jalan maka ia perlu diroboh, tetapi perlebaran projek yang sedang dijalankan itu tidak terlibat dengan tempat yang *signboard* itu diri sekarang. Kalau kita datang dari arah Jawi, perkampungan Jawi hendak pergi ke Nibong Tebal, perlebaran dijalankan di sebelah kiri, sebelah kanan memandangkan ia telah dilebarkan dahulu oleh Asas Dunia. Jadi sebelah kanan kalau kita datang dari Jawi untuk menuju ke Nibong Tetal, sebelah kanan itu tidak terlibat dengan perlebaran. Cuma *Federal Government* sekarang melebarkan jalan sebelah kiri. Jadi manakah pelebaran jalan itu sekarang ada sangkut dengan *signboard*, kalau katalah satu hari nanti apabila ia perlu dilebarkan lagi maka ia

perlu dirobohkan. Buat masa sekarang pemaju mencantikkan atau mengindahkan landskap-landskap di situ dan orang pun boleh berjalan kaki atas kaki lima itu. Tidak ganggu apa-apa pun. Jadi Yang Berhormat tadi kata apabila berlaku perlebaran jalan maka *signboard* kena diroboh. Apa yang saya jawab ialah kalau ia kena, sekarang tidak kena, Yang Berhormat betul?

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Cuma YB. Dato', dari segi salah tak salah itu rakyat dok tengok, pasal dia *special* sikit. Tak apa yang hak Kerajaan *clear*. Okey, berikutnya ialah dalam ucapan bajet saya ulang balik, dulu dengan jawi saya sembang berkenaan dengan cadangan Pembinaan Jambatan Baru di atas laluan P.169 Kampung Tanjung Berembang yang kelmarin saya cadangkan untuk buat laluan ke Sungai Udang itu. Saya cuma nak tanya bila sebenarnya nak dilaksanakan, bila jangka siap dan berapa kosnya dan siapa bayar? Sebab saya buka buku ini di bawah pembangunan peruntukan Pembangunan P.1 pun tidak ada, tak sebut pun, token pun tidak ada. Di bawah Peruntukan Pembangunan P.10 pun tidak ada. P.1 ini di bawah Ketua Menteri dan P.10 JKR tidak ada. Jadi mana peruntukan nak mai. Itu saya hairan. Kita nak cadang nak buat tapi tidak ada peruntukan itu yang saya nak tanya. Akhir sekali YB. Dato' saya nak akhiri dengan sebuah pantun, saya nak ikut Ketua Menteri. Pantunnya berbunyi begini:

Penggal Kedua Belas pentadbiran berteraskan belanja  
2014 Pentadbiran Berteraskan Hasil  
Dato' rakyat ini, bajet ini rakyat Pulau Pinang tidak hairan  
Faedah untuk mereka amat kecil.  
Sekian, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, silakan yang ingin menyertai sesi perbahasan. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tanya sekali lagi siapa yang ingin menyertai sesi perbahasan, kalau tidak ada. Sila Bertam.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

*Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh.* Salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Pembangunan 2014 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada hari Jumaat bersamaan 20 November 2013.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang saya hormati kalau dalam penggal yang lepas saya memulakan perbahasan menyokong ucapan Yang di-Pertua Yang Amat Berbahagia Tun Abdul Rahman bin Abbas dengan menyatakan bahawa saya berucap atas dasar saya sayangkan Pulau Pinang. Hari ini, saya akan teruskan ucapan saya dengan menyatakan bahawa dengan semangat saya teramat sayangkan Pulau Pinang.

*Insya-Allah* Yang Berhormat Dato' Speaker, pencemaran sungai di Pulau Pinang bukanlah perkara baru malah ia berlarutan 30 tahun yang lalu, walaupun banyak langkah diambil ia masih dalam keadaan sedia kala. Tidak banyak perubahan yang dapat dilihat sehingga kini. Menurut maklumat yang diperolehi dalam laporan tahunan 2012, Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang yang dikeluarkan awal bulan November yang lalu, tidak ada satu sungai pun di Pulau Pinang yang boleh dianggap sebagai sungai mati. Kita ucapan syabas kepada Kerajaan Negeri di atas usaha membersihkan sungai kita. Walau bagaimanapun dalam banyak-banyak sungai cuma satu sungai, iaitu Sungai Ara yang diklasifikasikan sebagai sungai bersih. Yang lain dianggap sebagai sungai-sungai sederhana tercemar dan juga tercemar.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Minta laluan. Yang Berhormat sebut Sungai Ara, itu kampung saya. Kena pi check balik. Sungai itu pun ada masalah.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Ya, saya mendapat laporan daripada Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang. Mungkin dalam banyak-banyak sungai, Sungai Ara lebih baik. Walau bagaimanapun pandangan daripada YB. Telok Bahang saya rasa patutlah YB. ADUN di tempat tersebut wajar untuk kita melakukan pemberian seterusnya.

YB. Dato' Speaker, Sungai Juru kerap menjadi perbualan orang ramai, Presiden Persatuan Pulau Pinang, S. M. Mohamad Idris seperti yang dilaporkan oleh Harakah Daily pada 9 Oktober 2012 menggesa Kerajaan memberi perhatian serius dan berkesan bagi menyelamatkan Sungai Juru di Daerah Seberang Perai Tengah daripada mati. Jika laporan terkini kata tidak ada sungai yang mati, Sungai Juru berkemungkinan akan dikategorikan sebagai sungai mati andai kata tidak ada usaha-usaha dijalankan untuk membersihkan sungai tersebut. Beliau seterusnya berkata walaupun 40 tahun sungai tersebut diancam masalah, namun sehingga sekarang tidak ada tanda-tanda menunjukkan keadaan ini berkurangan malah semakin membimbangkan penduduk setempat dan dalam tinjauan CAP mendapati selain bahan toksik dari kawasan perindustrian Perai dan air kumbahan dari kawasan perumahan berhampiran yang mencemarkan sungai ini terdapat sisa minyak hitam dibuang ke dalam parit yang menghubungi sungai tersebut.

Laporan itu turut memetik jurucakap penduduk kampung Kuala Juru Encik Wahid Osman yang menyebut seramai tiga ratus (300) nelayan tempatan yang bergantung hidup kepada sumber pendapatan hasil tangkapan ikan dan ternakan kerang di sungai berkenaan bimbang mengenai kesan buruk ke atas alam sekitar yang mungkin berlaku berikutan pelaksanaan projek ternakan udang di kawasan itu. Projek tersebut yang beroperasi di kawasan seluas sembilan puluh sembilan (99) ekar dan mempunyai lebih lima puluh (50) buah kolam dikhawatir memburukkan lagi keadaan di tempat itu jika sisa buangan kolam disalurkan ke dalam sungai tersebut.

Mengikut laporan Bernama yang disiarkan beberapa tahun yang lalu, masyarakat di sekitar Sungai Juru menganggapnya sebagai tong sampah sahaja untuk mereka membuang segala sampah sarap, najis dan bahan buangan kilang termasuk yang

bertoksik. Akibatnya sungai sepanjang 7.95 kilometer itu terus kekal ditangga teratas sebagai sungai yang paling tercemar di negara ini manakala Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyenaraikannya sebagai salah satu sungai paling tercemar di Asia Tenggara. Menurut WHO Sungai Juru bukan setakat boleh membunuh apa jua hidupan air bahkan manusia juga boleh mati jika terminumnya kerana ianya beracun dan tahap kualitinya begitu tercemar dan tidak boleh diminum walaupun telah dididihkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, salah satu lagi sungai yang dianggap tercemar ialah Sungai Pinang. Menurut laporan akhbar Sinar Harian pada 27 April 2013 perindustrian mencuci dan membentuk emas di sepanjang Sungai Pinang antara yang dikenalpasti oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebagai lokasi punca pencemarannya. Terdapat dua (2) kilang perindustrian emas di situ yang dikenalpasti antara penyumbang kepada pencemaran itu ini kerana adanya bahan kimia yang digunakan untuk mencuci emas ini namun kecantikannya membunuh sungai. Ia memetik kenyataan Penolong Pengarah JPS Pulau Pinang Mohamad Noor Hafiz Noor Azmi yang menyebut kerja membersihkan emas melibatkan sejenis bahan kimia seperti *mercury* yang mana mampu membersihkan kotoran yang terdapat pada emas. Selain emas turut dikenal pasti menjadi pembunuh Sungai Pinang satu ketika dahulu ialah pencemarannya bermula daripada tempat penyembelihan haiwan yang darahnya dialirkan ke dalam sungai.

Yang Berhormat Dato' Speaker. Untuk Bajet 2014 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM5.08 juta untuk membersihkan beberapa sungai dan pencemaran minyak di sekitar Seberang Prai dan di Jambatan Pertama Pulau Pinang untuk bagi memastikan kualiti alam sekitar terus dipelihara. Melihat kepada keadaan sungai yang tercemar saya secara peribadi berpendapat peruntukan ini adalah amat kecil dan eloklah dipertimbangkan untuk diberikan peruntukan yang lebih besar bagi memastikan sungai-sungai ini terpelihara kerana apabila kita mengadakan sebarang usaha setakat separuh jalan maka tindakan mengotorkan sungai tersebut akan terus berlanjutan. Jadi saya mengharap satu bajet untuk kita membersihkan sungai bagi menjadikan sungai yang hampir mati diberi nafas semula haruslah dipertingkatkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker. Keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap usaha-usaha mengatasi banjir amat dihargai. Peruntukan RM 18.6 juta untuk 2014 yang merupakan sebelas peratus(11%) lebih tinggi daripada peruntukan RM16 juta pada tahun 2013 amat dihargai. Penerokaan kawasan bukit dan lereng bukit di Negeri ini masih berlaku. Walaupun sesetengahnya dilakukan tanpa mendapat kelulusan Pihak Berkuasa walaupun tanah adalah milik persendirian tetapi setiap kerja tanah atau pembersihan yang dilakukan perlu mengikut prosedur dan mendapat kebenaran pihak berkuasa untuk mengelakkan masalah di kemudian hari.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang saya hormati, saya telah membangkitkan isu Bukit Relau yang telah digondolkan pada penggal yang lepas. Setelah lima (5) bulan berlalu bukit tersebut masih gondol dan mustahil untuk bukit tersebut hijau semula dalam tempoh yang begitu singkat. Walau bagaimanapun sekali lagi di dalam soalan lisan saya membangkitkan soalan yang sama. Saya membangkitkan atas permintaan ramai dan rakyat-rakyat di Pulau Pinang yang menghubungi saya tentang bukit gondol, walau bagaimanapun soalan lisan saya ditolak atas alasan perkara tersebut masih di dalam urusan mahkamah (gangguan) Peraturan (25). Secara...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Untuk perhatian Yang Berhormat, perkara itu sebenarnya sudah pun selesai di mahkamah, di mana pemaju tersebut telah pun diheret ke mahkamah dan telah pun dikenakan denda sebanyak RM30,000.00 dan telah pun membayar denda tersebut. Jadi mungkin Yang Berhormat boleh merujuk balik kepada EXCO berkenaan, mungkin ketika soalan itu dikemukakan mungkin perkara itu masih di mahkamah tetapi sebagai peguam pemerhati di dalam kes itu saya boleh mengesahkan bahawa pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah pun mengheret pemaju tersebut ke mahkamah dan pemaju telah pun didenda RM30,000.00.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebelum itu Bertam sila duduk, saya ingin membuat penjelasan. Seri Delima sepatutnya tidak perlu membuat penjelasan atas saya yang Speaker Dewan telah menolak soalan lisan tersebut dengan bukti di mana MPPP telah memberi surat kepada saya bahawa kes itu masih dalam proses mahkamah. Sila Bertam teruskan.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya ucap terima kasih di atas penerangan Seri Delima dan juga Yang Berhormat Dato' Speaker. Walau bagaimanapun saya juga sebenarnya ingin nak tahu apa yang dikatakan oleh Seri Delima sebab saya berpendapat yang sama. Walau bagaimanapun saya menghormati pendirian Dato' Speaker. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Dato' Speaker Ahli-Ahli Dewan. Saya sebenarnya tertarik berkenaan dengan Bukit Gondol kerana ramai yang bertanya-tanya berkenaan dengan Bukit Gondol. Ada yang bertanya:

- 1) Apakah projek yang sebenarnya akan dijalankan di atas tanah bukit tersebut?
- 2) Adakah kelulusan telah diberikan?
- 3) Adakah perancangan semua telah disiapkan?

Cuma apabila dikenakan pendakwaan, pendakwaan tersebut atas dasar kegagalan membuat kerja-kerja tanah tanpa kelulusan dan dibicarkan dan dikenakan denda sebanyak RM30,000.00 dan di peringkat rayuan cuma untuk merayu daripada segi kuantum ya daripada RM30,000.00 mungkin akan dinaikan kepada RM50,000.00 iaitu had maksimum. Jadi apabila soalan saya tidak dapat dijawab atas dasar ia masih dibicarkan di mahkamah, walaupun saya berpendapat yang sama dengan Seri Delima. Saya sebenarnya bersyukur sebab walaupun soalan saya tidak dijawab walaupun soalan saya tidak diberi perhatian, saya berkongsi pendapat dengan Seri Delima di dalam soalan lisan beliau di mana saya rasa ianya dapat membantu saya untuk mendapatkan juga jawapan. Sebagai seorang peguam saya rasa Seri Delima menggunakan bahasa yang cukup cantik untuk mendapatkan jawapan. Saya akan baca soalan (31) di dalam Susunan Urusan Mesyuarat. "Mengapakah pihak-pihak yang bertanggungjawab melakukan kerja-kerja tanah di Bukit Relau tidak melaksanakan tanggungjawab menanam semula pokok-pokok yang telah pun ditebang?"

Soalan ini sebenarnya tuan-tuan andai kata kita mendapat, "maaf ya" Yang Berhormat. Andai kata kita mendapat jawapan dan kita tahu, sama ada pihak Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh untuk menghentikan projek di atas tanah tersebut ataupun masih ada perancangan untuk meneruskan dengan projek tersebut. Saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Dewan Yang Berhormat Dato' Speaker kita jangan bermain api dalam soal pembangunan di puncak bukit, kita mungkin rasa bangga, kita mungkin rasa seronok kita mungkin rasa, kita mempunyai perumahan di atas bukit tetapi kita kena ingat bencana yang menunggu, bencana yang bakal menimpa, hari ini Pulau Pinang boleh dikatakan bersyukur, kita sepatut bersyukur kita tidak ada...(gangguan), bencana-bencana alam yang besar selain daripada banjir sahaja.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat, memang walaupun dari Parti yang lain saya bersetuju sungguh atas isu ini ya. Saya cuma nak bawa kepada perhatian Yang Berhormat satu liputan dalam surat khabar The Star atas isu yang sama The People Paper ....(dengan izin), *true and fair requisite reporting, 'Effort to restore cleared hillside paying off'* ....(dengan izin), Dato' Speaker. Menurut kenyataan Pengarah Tan Sri Tan Kok Peng ini adalah kenyataan beliau *'General Accomplishment is spending thousands of ringgit to restore the illegally cleared 22.89 hector site at Bukit Relau and that is paying off'* menurut kenyataan ini. Bila saya lihat saya bukan ahli Geologi ataupun pakar dalam hal ini memang kita lihat secara kasar daripada Taman Tun Sardon kawasan saya tidak ada apa-apa kerja yang dilakukan untuk mananam semula pokok-pokok di situ, jadi mungkin saya cadangkan Yang Berhormat kita perlu membuat lawatan dengan izin pihak Majlis Perbandaran untuk memastikan bahawa ini bukannya temberang oleh pemaju tersebut dan memang kerja-kerja penanaman semula pokok-pokok memang akan diberikan perhatian serius, apa kata Yang Berhormat minta pandangan.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya menyambut baik saranan Seri Delima untuk kita mengadakan lawatan dan saya juga mengharapkan jemputan tersebut melibatkan sembilan (9) ADUN yang lain, kita akan pergi bersama-sama untuk melihat Bukit Relau daripada dekat. Saya sebenarnya bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Tanjung Bunga yang mengatakan bahawa Pengarah Syarikat tersebut begitu bangga mengatakan bahawa *What is thirty thousand? We have already spent* ....(dengan izin), *We already spent millions on the land* jadi pada Kerajaan Negeri Pulau Pinang saya amat mengharapkan supaya kita jangan mengetepikan keselamatan rakyat. Bukit Relau ketinggiannya begitu tinggi, begitu besar tanah yang telah ditebang dan telah diterokai dan di botakkan dan kita jangan lupa dengan tragedi Highland Towers yang secara eksklusifnya dipaparkan di dalam Berita Harian also *The People's Paper*. Tajuknya ramai tak mahu ambil iktibar pandang sepi tragedi Highland Towers masih botakkan bukit.

Jadi saya ingin memaklumkan kepada Ahli-Ahli Dewan untuk kita mengambil ikhtibar apa yang telah berlaku di Pahang, Terengganu dan di Johor. Di Pahang dikatakan sejarah *the volume of waters from rain*, air yang turun sebagai hujan di Pahang yang sepatutnya turun untuk tempoh empat puluh(40) hari ia turun dalam masa

sehari sahaja. Itu di Pahang *and today* ramai rakyat-rakyat kita di sana tak kira bangsa menderita rumah-rumah habis tenggelam, bayangkan berpindah ke pusat ke pusat-pusat banjir duduk tanpa keselesaan, anak-anak kecil, ibu-ibu yang sakit. Bayangkan kalau hujan *volume* air begitu turun di Pulau Pinang saya pasti ya akan jadilah banjir lumpur dan sebagainya yang akan turun dari bukit tersebut. Jadi pada...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dengan izin Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kawasan tersebut juga terdapat pangsapuri-pangsapuri iaitu empat(4) blok di kawasan Bukit Gambier. Pangsapuri Taman Mutiara di mana di tempat tersebut juga ada tempat air terjun di mana sejak kebelakangan ini bila hujan akibat daripada kerja-kerja tanah yang telah dilakukan di tempat tersebut, kita lihat banyak sangat selut dan batu-bata yang telah turun dari kawasan tersebut. Jadi penduduk di situ juga risau jika perkara ini berterusan tanpa sebarang tindakan diambil untuk menanam semula pokok di kawasan tersebut. Memang mala petaka sedang menunggu untuk menimpa penduduk-penduduk di situ la jadi memang kawasan itu juga dalam kawasan KADUN Batu Uban tapi saya berterima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat daripada Bertam yang memberikan ulasan yang sungguh bernas berbanding dengan ADUN-ADUN Barisan Nasional yang lain. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Jadi kepada Kerajaan Negeri saya merayuhlah bagi pihak semua rakyat Pulau Pinang supaya andai kata ada sebarang perancangan untuk diteruskan pemajuan, pembinaan ke atas Bukit Relau, ia harus dibatalkan serta merta. Kita tidak boleh pertimbangkan untuk *future development* tidak boleh sama sekali.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Mungkin saya boleh tambah sikit Yang Berhormat apa pandangan Yang Berhormat kalau pemaju tersebut disenaraihitamkan. Kita minta Kerajaan Negeri untuk pemaju tersebut disenaraihitamkan dan segala projek-projek yang telah dikemukakan untuk kelulusan itu disenaraihitamkan sehingga kerja-kerja penanaman semula pokok itu dilakukan oleh pemaju tersebut *black listed* ....(dengan izin), supaya kita dapat menunjukkan keseriusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kita tidak akan berkrompromi apabila ia melibatkan isu keselamatan penduduk-penduduk seperti kerja-kerja sebegitu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Bertam, saya amat-amat bersetuju dengan Seri Delima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih terima kasih kawan baik saya, terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kerana apa. Saya melihat kelalaian bukan kelalaian, malah saya melihat pemaju tidak mengambil endah tentang peraturan kerana dalam jawapan diberi kepada saya ini merupakan kenyataan yang tidak mendapat kelulusan dari pihak pengurusan MPPP, pihak MPPP pula tidak tahu permohonan yang dijalankan oleh pemilik kerana tiada pelan yang dikemukakan oleh MPPP. Memang tak tahu langsung, *nobody knows*, .... (dengan izin) Yang Berhormat. Jadi jika ini berterusan berlaku saya bersetuju untuk menerima keseriusan kita mengambil tindakan yang paling berat menghukum pemaju tersebut.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta laluan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Telok Bahang nanti saya bagi peluang, saya cuma ingin membawa perhatian kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat berkenaan bahawa syarikat tersebut terima kasih kepada pandangan YB. Kebun Bunga, beliau pun merupakan seorang peguam tetapi lebih berwibawa atas isu-isu inilah. Syarikat tersebut boleh bertukar nama, pengarah adalah pengarah yang sama, jika pengarah yang sama ataupun pihak-pihak individu-individu yang sama terlibat tetapi menukar nama syarikat dan membuat permohonan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk memperolehi sebarang kelulusan saya juga cadangkan supaya masih disenaraihitamkan sehingga kita dapat lihat pokok ini dah tumbuh semula daripada Jambatan Pulau Pinang baru kita leave the embargo ....(dengan izin).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Sikit lagi daripada Bertam saya melihat daripada akhbar hari itu terpampang gambar daripada seorang wanita, saya kenal wanita ini dan saya tahu daripada segi kewangan dia tidak mampu melaksanakan projek ini. Dari segi kewangan dia tak mampu sebab saya tau daripada syarikat ini dari bapa dia lagi mungkin daripada syarikat lain, dan saya bersetuju bukan daripada syarikat dan pengarah-pengarah yang terlibat secara langsung dan tidak langsung ini. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bertam.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Bagi lah *chance* saya pun nak cakap juga, bangkit kena duduk, bangkit kena duduk, saya balik la. Jadi Yang Berhormat itu perkara yang sudah berlaku dan kawasan saya Telok Bahang memang banyak bukit, saya nak tanya Yang Berhormat adakah Majlis Perbandaran membuat kekerapan meninjau kawasan-kawasan bukit, dalam kita dalam duk menangani satu isu yang telah berlaku orang putih *prevention is better than cure* bagaimanakah kekerapan pemantauan bukit yang mempunyai projek-projek yang begini yang kita tidak sedar, dan adakah jawatankuasa yang ditubuh khas untuk menjaga keselamatan bukit-bukit kita untuk diceroboh seterusnya minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Minta laluan. Sokonglah semua Ahli-ahli Dewan ini berbincang tentang alam sekitar ini adalah satu asas di mana kita ada satu arah yang sama di mana kita dengar suara rakyat. Ini betul-betul satu suara rakyat di Dewan ini yang dikeluarkan dan saya harap dengan apa yang dibincangkan dan dibahaskan YB. Bertam itu semua memang faktalah kalau kita turun padang tengok semua itu memang berlaku. Saya fikir oleh sebab itu saya cadangkan dua RKK Tambunan Tanah dan RKKK Lereng Bukit berisiko itu diwartakan dalam pelan tempatan adakah itu dipersetujui.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat, minta maaf saya nak tambah berkenaan kerja pemantauan ini. Daripada KOMTAR kita memang boleh lihat bukit gondol boleh lihat tapi saya ingin cadangkan dan dapat pandangan Yang Berhormat kakitangan Kerajaan Pihak Berkuasa Tempatan juga bukan harus berada di pejabat sahaja, mungkin satu hari di pejabat DO kita cadangkan pergi ke Balik Pulau kita makan durian, lepas kita makan durian pemantauan bukit-bukit di sana, lepas itu datang kawasan saya Taman Tun Sardon makan laksa buat pemantauan di kawasan saya, lepas itu pergi Tanjung Bunga atau Batu Feringghi sambil kita mengambil angin, kita juga lihat kawasan persekitaran masalahnya bila Bukit Gambier atau bukit gondol ini berlaku sehingga kerja-kerja itu merangkumi kebanyakannya lebih kurang 50% bukit itu Pihak-pihak Berkuasa Tempatan masih belum mendapat tahu tentang perkara ini. Memang saya telah membawa perhatian perkara ini kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan kakitangan melihat semasa mesyuarat DO yang diadakan tiap-tiap bulan. Jadi kita minta supaya kakitangan ini lebih peka bukan pekak, peka kepada sensitiviti kawasan-kawasan tersebut dengan mengadakan tinjauan dari semasa ke semasa dan juga untuk memantau buat kerja macam *special branch* jugalah. Kita tahu di belakang ini ada mengambil catitan tentang hujahan tentang ulasan-ulasan kita, begitu kakitangan DO, MPPP dan sebagainya harus melakukan kerja-kerja mereka bukan sahaja terkurung dalam pejabat sahaja. Terima kasih. ....(dengan izin).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Satu daripada kalau bolehlah kita tukar nama Bukit Gambier kepada Bukit Gondol supaya menjadi satu pengajaran dan ingatan kita kepada semua orang kalau boleh tukar. Lagi satu saya minta apa YB. Majlis Perbandaran Pulau Pinang dari semasa ke semasa boleh *google* kita punya bukit kekerapan *google* saya ingat sebelum sidang ini berakhir boleh memberi maklumat kepada kita Pulau Pinang ini kawasan mana telah digondol, akan berlaku gondol atau pencerobohan kita boleh tau dan selepas sidang kita berakhir kita boleh pulang dengan lapang dada yang kita pasti bukit-bukit kita ini tak botak ataupun tak digondolkan saya harap tindakan segera dalam satu dua hari ini boleh dijalankan segera.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Ia berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Telok Bahang berkenaan dengan MPSP semua ini biarlah ia dijawab oleh EXCO yang berkenaan. Saya sebenarnya tidak mengharapkan sebarang jawapan tetapi saya akan cuba bacakan jawapan yang saya

kemukakan untuk soalan tetapi sekadar soalan saya yang telah pun ditolak. Semua soalan, tiga (3) jawapan saya perlukan. Ini adalah soalan lisan yang telah ditolak kerana masih dalam pertimbangan mahkamah peraturan 25 (2) (g) soalan pertama saya:

- 1) Kenapa Kerajaan Negeri tidak mengenakan tindakan yang lebih tegas di mahkamah terhadap pemilik di Bukit Gambier ataupun Bukit Relau yang menjalankan pemajuan tanah tanpa kebenaran MPPP?
- 2) Apakah tindakan lain yang boleh diambil terhadap pemiliknya?
- 3) Adakah Kerajaan Negeri bercadang membatalkan kelulusan pembangunan yang diberikan sebelum ini. Jika tidak mengapa?

Ketiga-tiga soalan ini telah pun ditolak dan kita tidak akan berdebat lagi.

Ahli-Ahli Dewan yang saya hormati sekalian, Kerajaan Negeri mengamalkan CAT, Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Saya bersetuju dengan YB. Tanjong Bunga yang mengatakan bahawa krisis bukit gondol ini boleh menyebabkan prestasi Kerajaan Negeri dipertikaikan. Saya juga bersetuju dengan saranan YB. Seri Delima yang mengatakan apakah kakitangan-kakitangan awam tidak terlibat ataupun tidak tahu segalanya berkenaan dengan pemajuan ini?

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya hormati sekalian, bercakap prestasi Kerajaan Negeri yang dipertikaikan saya selepas persidangan hari pertama Jumaat lalu telah menghadiri satu jamuan oleh pemaju yang berwibawa *prominent developer* ....(dengan izin), di Pulau Pinang dan saya duduk di meja yang telah ditetapkan meja no.40. Saya duduk berseorangan sebab Yang Berhormat-Yang Berhormat lain diberikan meja hadapan, dan YB. Komtar was *with me*, dia pun duk belakanglah. Bersama kami ada dua orang lagi. Saya yakin mereka adalah rakan kepada pemaju tersebut. Beliau adalah juga bergelar Dato' kedua-duanya saya rasa dan tanpa mengetahui bahawa saya adalah Yang Berhormat daripada Bertam beliau terus bercakap dan bersembang mengatakan bahawa *you* daripada mana? Saya katakan saya daripada Bertam, *you are golfer bla bla bla, we are golfer* lepas itu dia kata pemaju ini *golfer* dalam bercakap-cakap dia terus menyentuh bukit gondol.

Saya terkejut dia boleh berkata kepada saya siapa yang akan datang untuk merasmikan majlis malam ini. Saya kata difahamkan Y.A.B. *Chief Minister*, Tuan Lim Guan Eng tapi yang datang adalah isterinya dahulu, tapi *Chief Minister* datang kemudian, mereka terus bercakap mengenai macam-macam. Saya pun jadi terkejut sebab mengetahui bahawa saya bukan ahli politik dan juga rakyat biasa dan mereka terus bercakap-cakap sampailah pada topik bukit gondol dan dia terus berkata *you* tahu *our* Lim, dia sebut Lim sahaja. Dia buat macam-macam CAT, buat ini buat itu tapi dia tak tahu Cekap, Akauntabiliti dan Telus tidak diamalkan oleh semua. Dia kata sebagai contoh kita ambil bukit gondol. Duduk di Komtar pun boleh nampak, depa buat tak nampak sampai bukit botak baru nampak. Ini orang Cina bukan orang Melayu mungkin saudara. Kemudian dia kata *you* tahu ka *CAT stand for what*, ini cakap betul *you be there or not?*....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Boleh sahkan perkara-perkara ini, saya minta penjelasan, tak ada saya kena bantah.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Tak apa kalau hendak dengar boleh, kalau tak nak dengar pun tak apa.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya kena tanya daripada KOMTAR adakah perkara-perkara ini benar-benar berlaku?

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Minta laluan, so saya memang duduk di *table 40* tetapi pada masa itu saya pergi jalan-jalan.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Jadi saya bercakap atas dasar sayangkan Pulau Pinang sebab itu saya menyentuh walaupun saksi saya pada masa itu adalah dua (2) orang saudara, mungkin YB. KOMTAR telah pun beredar. Dia cuma menyentuh mengatakan bahawa dia tanya saya *you* tahukah CAT *stand for what*. Saya kata Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Dia cakap tak, ini cakap beliau, YB. Seri Delima, dia kata *you* tau CAT itu apa? Saya kata Cekap, Akauntabiliti dan Telus, dia kata bukan, CAT itu kucing, kucing mana tak makan ikan, dia cakap macam itu. Kemudian seorang lagi kata *you know among* saudara-saudara *businessman* di Penang, CAT *is Cat Also Take*. Hanya kerana bukit gondol jadi saya minta kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang jangan kita teruskan ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya cuma nak minta laluan saya, ini adalah *friendly fire* ....(dengan izin), kalau berbanding Telok Ayer Tawar dan mungkin Sungai Aceh ini *friendly fire*, Yang Berhormat. Kena faham di luar ini banyak-banyak persepsi dibuat tentang saya pun banyak orang buat persepsi dan malahan ada tuduhan bahawa saya telah pun membuat sesuatu tindakan yang *very famous* yang dibuat oleh MIC mengatakan bahawa saya telah menghantarkan *microwave* ke *District Office* kononnya dapat kontrak, saya saman dan dia minta maaf, di luar ini kalau orang India kata pokok yang berbuah banyak orang akan baling batu, kalau pokok yang tak berbuah jadi tak ada apa-apa manfaat semua orang akan mendiamkan diri. Jadi banyak orang yang begitu sakit hati dengan kejayaan Pakatan Rakyat dengan kebolehan Ketua Menteri kita dengan ketelusan beliau, orang-orang yang tak dapat buat sesuatulah masa mereka buat, masa zaman silam, masa zaman Barisan Nasional dulu akan mengatakan macam-macam perkara jadi yang sepatutnya Yang Berhormat buat tunjukkan bukti, minta mereka tunjukkan bukti.

Di luar sana macam-macam Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar dia datang kelmarin tunjuk gambar bila saya cabar dia terus lari keluar, jadi perkara ini saya cuma nak bagi pandangan saya, di luar itu banyak sekarang banyak ada pemaju-pemaju yang tak dapat membuat perkara-perkara yang mereka buat pada masa itu dan sekarang mereka katakan macam-macam perkara yang buruk tentang Kerajaan Negeri Pulau Pinang semata-mata memburukkan nama Ketua Menteri, memburukkan nama Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kemungkinan besar semua tuduhan-tuduhan itu tak benar, tapi saya boleh bagitau sebagai salah seorang pihak yang membawa perkara ini kepada penguatkuasa MPPP dan kepada Pegawai Perundangan mereka memang saya lihat ketelusan Kerajaan Negeri, ketelusan Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang terlihat sebab itu kerja-kerja tersebut telah diberhentikan dan pihak yang terlibat telah dibawa ke mahkamah dan tindakan mahkamah telah pun diambil dan itu ulasan saya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Tuan Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Okey, Seri Delima. Terima kasih. Saya pun nak beritahu, ini pun maklum cuma persepsi...(gangguan). Sila.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Penjelasan. Yang Berhormat Bertam. Tadi Yang Berhormat telah mengulangi satu perbualan ataupun satu tanggapan oleh seorang peniaga bahawa dalam kes Bukit Relau ini, CAT maksud *cat also take* Yang Berhormat sebutkan begitu. Jadi adakah itu semata-mata pandangan ahli peniaga itu ataupun dengan membawa dan mengulangi dalam Dewan juga merupakan pendirian Yang Berhormat. Kalau begitu sepertimana YB. Seri Delima kata, tunjuk bukti ataupun tarik diri.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

YB. Padang Kota, saya merujuk kepada perbualan yang berlaku dan merujuk juga kepada pandangan oleh YB. Tanjong Bunga yang mengatakan prestasi Kerajaan Negeri dipertikaikan. Cuma contoh saya beri sebab itu saya dengar di luar. Walau bagaimanapun, memandangkan kedua-dua Yang Berhormat mengatakan saya kena tunjuk bukti untuk saya bawa kedua-duanya hadir ke sini, memang lah saya pun tidak kenal. Kemudian ingin saya maklumkan bahawa itu bukan pandangan saya dan saya tidak bersetuju, itu saja. Cuma saya kata ini pandangan rakyat di luar, itu saja.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat, saya rasa perkara ini membabitkan nama baik Y.A.B. Ketua Menteri. Kalaulah nak buat tuduhan-tuduhan baiklah berasas.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

YB. Padang Kota, dari mula lagi saya dah sebut mereka tidak mengatakan Ketua Menteri. Mereka mengatakan bahawa Ketua Menteri telah melakukan segala-galanya tetapi adakah beliau tahu. Itu sahaja. Tidak merujuk kepada Ketua Menteri, tidak

merujuk mana-mana pihak dan perkara ini berakhir di situ sebab saya kena balik sebelum sempat jamuan dijamah pun, saya ada program lain, itu saja. Jadi sekiranya apa yang saya sebut ini menyentuh hati dan perasaan Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya tidak keberatan untuk memohon maaf. Sebab itu apa yang saya dengar di luar, itu saja dan saya sampaikan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih Yang Berhormat. *You are really a gentleman. You really gentleman. Saya kena bagitau, you among them are real gentleman.*

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bertam sila teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya cuba nak mengatakan adakah Yang Berhormat menyiasat latar belakang dua orang yang berbual itu? Adakah ini pemaju-pemaju yang ada *connection* dengan Gerakan dan MCA? Yang Berhormat kena siasat kerana di Pulau Pinang ini ada konco-konco MCA, saki baki yang masih tertinggal, GERAKAN dan MCA yang masih sedang memburuk-burukkan nama Ketua Menteri khususnya dan Pakatan Rakyat. Jadi kena siasat. Ambil nama mereka siasat dengan kawan-kawan kita di MCA dan GERAKAN, adakah mereka ni pemaju-pemaju MCA dan Gerakan. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Bertam sila teruskan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Agak panjang juga di bincang berkenaan dengan gondol bukit ini. Cuma satu terlepas pandang yang saya rasa juga perlu YB. Bertam juga buat kajian ataupun tanya orang sebab daripada Bertam terus ke Balik Pulau, jauh jugalahkan. Yang agak terdekat saya rasa ada berkaitan dengan operasi kuari-kuari yang setiap petang ada letupan dibuat sehingga boleh menjelaskan kehidupan penduduk. Bahkan saya difahamkan ada juga berlaku operasi letupan di waktu malam, dia orang buat letupan. Adakah YB. Bertam ada dapat maklumat ataupun terima maklumat.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Ya, YB. Permatang Pasir. Sebenarnya berkenaan dengan kuari ini saya rasa ianya merupakan isu tempatan. Jadi saya percaya Yang Berhormat-Yang Berhormat yang terlibat di mana kuari-kuari tersebut berada bolehlah mengambil tindakan. Tapi saya bercakap mengenai bukit gondol sebab bagi saya ia melibatkan hak seluruh penduduk Pulau Pinang, itu saja.

Jadi saya juga YB. Dato' Speaker ingin menyentuh berkenaan kejadian tanah runtuh di sepanjang Jalan Tanjung Bunga dan juga Batu Feringghi. Jadi kita juga risau adakah kesan-kesan tanah runtuh ini berpunca daripada pemajuan-pemajuan di atas

bukit dan perlu juga dipantau. Saya juga tidak mahu kejadian batu besar atau gergasi jatuh ke atas jalan seperti dilaporkan Sinar Harian pada 22 Oktober yang lepas. Iaitu di Jalan Bukit Baru, berhampiran Bukit Baru di Balik Pulau berulang. Sebongkah batu yang begitu besar tiba-tiba jatuh dan berasasib baik tidak ada sebarang kecederaan dan juga kehilangan nyawa, itulah.

YB. Dato' Speaker yang saya hormati. Y.A.B. Ketua Menteri juga menyebut mengenai pembangunan di Bukit Bendera untuk tahun depan dengan menyenaraikan pelbagai projek seperti *Eco-Tourism Venture* yang terdiri daripada *Educational Nature Trail* dan Titian Silara di atas Bukit Bendera dengan kos projek RM6.0 juta. Membina sebuah Muzium Funikular pertama di Asia Tenggara dengan kos RM4.0 juta, Muzium Seni dan membina tapak pemandangan baru serta Pusat Media Elektronik digital bernilai RM10.0 juta. Juga cadangan membina kereta kabel dari Telok Bahang ke Bukit Bendera cuma saya ingin mengambil pandangan sebuah NGO iaitu Penasihat Citizen Awareness Chan Group, Encik Yan Lee yang berkata Bukit Bendera ibarat permata di Negeri ini dan kebanyakan pelancong tertarik melihat alam semula jadi di situ yang mana telah lama hilang di tempat lain. Jadi pandangan daripada NGO ini ialah apapun pembangunan yang kita buat kita mesti pastikan bahawa kehijauan Bukit Bendera tidak perlulah sentuh *in the big scale*, dalam skil yang terlalu besar. Beliau berkata bahawa sebenarnya pelancong nak tengok keindahan di Bukit Bendera, kesejukan di Bukit Bendera dan pemandangan di Pulau Pinang daripada Bukit Bendera. Mereka bukan nak tengok benda-benda lain seperti Disneyland atau segalanya. Hiburan-hiburan yang lain seperti di Genting kita tak mahu. Sebenarnya kita pun bersetuju dengan adanya *cable car* ni tetapi kita minta juga pandangan NGO ini diperhalusi supaya jangan terlalu banyak. Kita takut, bila dah ada *cable* maka akan ada *too many* pembangunan. Pembangunan yang terlalu banyak di atas Bukit Bendera yang akan merosakkan *the nature beauty of* Bukit Bendera.

YB. Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang pelancongan sedikit berkenaan dengan Batu Ferringhi. Kawasan Batu Ferringhi terutamanya pantainya menjadi tarikan utama sebahagian besar pelancong yang datang ke Negeri ini khususnya pelancong asing. Bagaimanapun saya mendapati Y.A.B. Ketua Menteri tidak menyebut langsung mengenai peruntukan untuk tujuan naik taraf atau menambah kemudahan di kawasan pantai bagi keselesaan pengunjung yang datang. Saya juga tidak pasti sama ada Kerajaan Negeri menyerahkan urusan itu kepada Pihak Berkusa Tempatan atau agensi lain untuk mengendalikannya atau terlepas pandang mengenainya.

YB. Dato' Speaker, tahun 2015-2017 kita dah setuju nak jadikan Tahun Melawat Pulau Pinang. Tetapi kita harus sedar antara yang dimaklumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri berkenaan dengan jumlah pelancong yang datang adalah pelancong dari Asia, Indonesia, China dan juga Negara-negara Asia yang lain. Tetapi untuk Tahun Melawat Pulau Pinang sepatutnya kita juga berkebolehan untuk menarik pelancong-pelancong daripada Negara Eropah. YB. Kebun Bunga hampir-hampir sudah bawa Steven Spielberg tapi tak berjaya. Tapi saya harap untuk 2015-2017 bukan sekadar Steven Spielberg, dia boleh bawa Lady Gaga. Jimmy Choo tak apa, dia Malaysian.

Jadi saya sebenarnya ingin merujuk kepada tuan-tuan berkenaan pandangan orang putih terhadap *our beach*. Ini kita ambil daripada *trip advisor* dalam internet. Izinkan saya membaca kepada Dewan pandangan pelancong-pelancong mat salleh

yang di masukkan ke dalam *trip advisor*. Batu Feringghi *Impression*, 2 October 2013, Tank 49. *If you are into water sports, then this place may attract you. However what is on offer is expensive for the limited time you are enjoying the activity. Hotels are luxurious and a great place to sit back to enjoy this luxury and do nothing but sun bathe or swim in the pool. The ocean has limited swimming areas due to the water sport activities. Downside are the fumes from the speed boats that ply the waters close to the beach.* Tidak ada pemantauan.

Satu lagi *Don't Go To Penang For The Beaches*. 10 October Elliot B. *There's so much to do and see in George Town, why not save your beach trip for Langkawi or somewhere else? Batu Feringghi didn't have that much to offer for us and I've sure the resorts are nice, but the beaches just aren't among the best in Malaysia. Not by a long shot. ....(dengan izin). The last one, I've got a proof sebab kita sayang Pulau Pinang. 10 October Caligula 44. I really wonder what is making people go to this beach. Daytime it is quiet but ruled by water sports again. Water is below average and smelling oil. We tried para sailing, for a total RM150, interesting but it last just 3 to 5 minutes.*

Ini pandangan orang putih kepada kita. Jadi saya minta supaya benda ini diberi perhatian. Batu Feringghi, siapa-siapa pun yang akan datang ke Pulau Pinang akan memuji *that type of Pulau Pinang*. Bahagian Pulau Pinang adalah Batu Feringghi. Dulu Pulau Pinang dikatakan mempunyai pantai yang begitu cantik, begitu bersih. Tapi hari ini kita nak buat satu acara Visit Pulau Pinang 2015 - 2017 tapi pantai kita masih penuh dengan *water sport* yang tidak berjaga, masih ada lagi minyak-minyak di dalam air tanpa kita menghiraukan kebersihan. Jadi saya minta Kerajaan Negeri memperuntukkan sedikit bajet ataupun banyak pun tak apa untuk memastikan Pulau Pinang terutama Batu Feringghi mendapat tarikan bukan sekadar pelancong Asia. Pelancong Asia kita harus faham *they are here not for the beach*. Kita kena ingat itu saja. Orang Indonesia nak lain, orang China nak pergi cara lain. Tapi orang Inggeris itu saja, depa nak *sun bathing* itu yang depa mahu, water, air. Jadi saya haraplah bajet ini ambil kira tentang apa yang boleh kita lakukan untuk membaik pulih Batu Feringghi.

Saya juga ingin membawa kepada Dewan berkenaan dengan saranan daripada YB. Jawi yang mengatakan bahawa untuk tahun 2015 - 2017 kita mesti memastikan restoran-restoran, kedai-kedai makan di Pulau Pinang ini memberi imej yang sesuai selari dengan Negeri kita untuk mempromosikan *tourism* ini. Saya sebenarnya mengucapkan terima kasih kepada MPPP, MPSP yang telah menjalankan program memeriksa hampir 3,000 lebih *outlet* restoran ini dan hampir 98 dan *almost hundred* telah pun didenda, diarah tutup. Kedai-kedai nasi kandar, kedai-kedai tom yam, kedai-kedai restoran Cina semua ini yang tidak bersih. Jadi saya amat menghargai usaha yang dilakukan cuma saya minta supaya kita boleh melakukan sesuatu, meletakkan satu undang-undang yang kekal bukan sekadar kita denda mereka bersih, dua tahun lepas itu kotor balik nak kena pergi pantau. Kita sebenarnya tidak boleh di Pulau Pinang, *we don't talk about other state*. Di Pulau Pinang kita tidak boleh membenarkan mana-mana restoran beroperasi 24 jam, 7 hari seminggu. Mana ada masa nak cuci tandas, mana ada masa nak cuci lantai, tak ada. Ini yang menyebabkan berlakunya kekotoran. Saya juga minta supaya di dalam kita memastikan kebersihan ini KPInya bukan sekadar kita jumpa lipas di dapur, bukan jumpa tikus di dalam beras. Kita juga memastikan tempat cuci tangan, *the sink* kena bersih. Tempat segala-galanya kena bersih. Pinggan kena bersih....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta laluan, Yang Berhormat. Memang cakap tentang nasi kandar saya pun minat. Penang memang terkenal lah dengan nasi kandar, saya pun peminat nasi kandar. Darul Nasi Kandar, Penang Darul Nasi Kandar. Makanan nasi kandar ini memang enak, tapi seperti Yang Berhormat cadangkan tadi saya setuju kalau-kalau katakan Penang, kalau orang di Putrajaya, di Kuala Lumpur kalau kata Line Clear, memang *famous*. Aspek kebersihan satu saya rasa. Satu saya rasa wajib diberi pandangan. Dan kedua kita lihat pemantauan pihak berkuasa adalah tidak seperti yang dijadualkan mereka hanya buat *spot check* dan kedua kita lihat pandangan saya bila kita buat *spot check* kita lihat kenderaan MPPP Jabatan Kesihatan pergi *parking* betul-betul dihadapan mereka akan lari lintang pukang, mungkin cuci tandas dan sebagainya. Saya cadangkan kalau boleh pihak MPPP dan Pihak Kesihatan *go under cover* .... (dengan izin), seperti seorang pelanggan biasa pergi makan pergi ke tandas untuk memantau dan bila perkara ini dilakukan dan jika mendapati bahawa tahap kebersihan itu tidak seperti yang kita harapkan, saman itu dikeluarkan dan kedai itu diarahkan tutup. Bila berlaku macam ini minda pengusaha-pengusaha kedai adalah senantiasa untuk berjaga-jaga. Bila-bila hari pun kita lihat Pihak Berkuasa kakitangan Pihak Berkuasa masuk ke kedai untuk melakukan pemeriksaan jika pemeriksaan kita buat dari masa kesemasa tidak mengikut jadual dan kita lihat mereka berpakaian uniform dan sebagainya Pihak Berkuasa memperlekehkan tindakan penguatkuasaan dan apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya setuju 100%. Sebenarnya Yang Berhormat berkenaan dengan KPI kebersihan, sebagaimana saya sentuh tadi ia tidak seharusnya setakat makanan tapi juga kepada penyediaan makanan dan juga cara makanan tersebut disampaikan. Saya kebanyakannya pada restoran bila kita masuk benda pertama yang mengerikan kita makanannya nampak elok di dalam *display*, tapi bau yang datang daripada pelayan-pelayan restoran. Bau badan sebab pakai *uniform* yang sama berulang-ulang kali dan tengitnya baju tersebut amat membingitkan. Ini adalah sesuatu yang saya tak boleh terima saya minta maaf. Sebab itu saya juga minta supaya selain daripada kedai-kedai penyediaan makanan, kita juga kena juga ambil kira cara pinggan mangkuk itu dibasuh. Kita tengok di Pulau Pinang, saya minta maaf, banyak restoran di Pulau Pinang yang menggunakan kali lima letak besen itulah tempat mereka membasuh pinggan mangkuk, ini sepatutnya tidak harus dibenarkan. Saya juga minta semua peniaga di bawah MPSP, MPPP diwajibkan memakai *uniform* yang bersih dan bersesuaian untuk kita menyambut Pulau Pinang Tahun Melawat Malaysia 2015 - 2017. Dan untuk itu juga *kiosk-kiosk*, gerai makanan di Padang Kota perlu dipantau bukan sahaja restoran malahan semuanya sekali sebab kita tak mahu kes *diarrhoea* pun dalam 2015 sampai 2017 dan tahun-tahun selepas itu.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya fikir satu yang tertinggal, itu memang cukup tepat tapi pelanggan itu servis oleh layanan oleh pelayan itu mustahak, *attitude* dia kalau tak dikira pun tak sempurnalah.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya setuju dengan pandangan Tanjong Bunga mengenai layanan pelayan-pelayan di Malaysia perlu kita memberi tunjuk ajar dan juga nasihat sebab kalau dibandingkan dengan Negara Indonesia, kalau kita pergi ke Indonesia kita boleh tengok bagaimana pelayan-pelayan menyambut tetamu mereka ramai sebenarnya kalau mereka tak buat kerja dengan elok, jadi mereka melayan begitu baik sopan dan cepat. Ini di Indonesia.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta laluan saya memang tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Bertam. Memang kita mendapati bahawa Kementerian Kesihatan memang bekerjasama dengan MPPP dan MPSP untuk membuat *spot check* ke kedai-kedai dan kita dapat tahu, cuma Kementerian Kesihatan sahaja berhak untuk tutup kalau kedai-kedai makan yang melanggar syarat atau terlalu kotor dan tidak mencapai tahap kebersihan. Saya nak cadangkan di sini bolehkah Kementerian Kesihatan membuat kekerapan dengan *spot check* ini bersama dengan MPPP dan MPSP pada cuti umum ataupun Sabtu, Ahad atau waktu malam.

Ini kerana kalau minda peniaga memang mereka ingat cuti hari Sabtu, Ahad pekerja pegawai semua tak kerja, lepas pukul 5.00 buat apa pun tak apa, kami buat apa pun tak apa di dalam dapur. So inilah kita kena buat *spot check* dan kita dapat kita kena tegaskan untuk memberi saman dan juga kompaun dan juga kalau mereka tak *fulfil* kebersihan itu kita kena tutup, kerana kita dapat juga ada pekerja-pekerja mereka yang tak ambil suntikan dan tak pakai *apron* dan juga ada yang mereka kedai mereka tak pasang gas *check*, jadi sisanya makanan terus buang ke dalam parit dan dia sambung ke satu tahap dia akan menjadi sumbat dan orang awam akan membuat aduan kepada MPSP dan MPPP dan mereka akan salahkan MPSP dan MPPP. Bahawa mereka tak kerja, parit tak cuci, berbau dan menyebabkan ketidakselesaan oleh pelanggan yang pergi mengunjungi ke kedai tersebut. Saya minta maaf supaya bersama-sama boleh menjaga kebersihan dan saya sekali lagi saya minta kerjasama daripada Kementerian Kesihatan supaya boleh membuat *spot check* ini lebih kerap lepas waktu kerja ataupun Sabtu atau Ahad. Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sikit saja Yang Berhormat, sikit saja. Sila Batu Uban.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Minta laluan. Isu yang mustahak isu sosial dan berkenaan dengan Sumber Manusia. Di tempat setiap premis makanan biasa kerja dari semua warga asing kerja selama 14 jam sehari duduk dalam satu bilik 30 orang duduk dalam satu bilik. Ini saya dah kaji dan saya pun tahu memang ini isu sosial, ini yang mustahak Sumber Manusia kena ambil tindakan untuk bila dia beri permit, dia kena ada syarat-syarat berkenaan dengan *rights*, *worker's rights* syarat-syarat *working hours* kena *must be determined and not only that, they must also be given social housing, not housing which puts them thirty into one room*, *I can give you evidence as to that. Thank you.*

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sikit berkenaan cadangan Yang Berhormat saya ingin dapatkan pandangan, saya bersetuju jika perkara itu wajar diberikan. Jika kedai itu beroperasi 24 jam kita lihat sejak kebelakangan ini tabiat orang Malaysia adalah untuk pergi makan bila-bila dan ini secara tidak langsung menyumbang kepada masalah-masalah kesihatan seperti diabetes, obesity ....(dengan izin). YB. Dato' Speaker dan apakah pandangan Yang Berhormat dengan masa ketetapan kedai-kedai ini perlu beroperasi, lebih lagi kita lihat di sepanjang kawasan Batu Feringghi dan Tanjung Bunga dan sebagainya. Kedai-kedai di situ sentiasa dikunjungi oleh pelancong asing, bukan sahaja itu kita lihat selepas malam hari Sabtu selepas masing-masing tempat-tempat beristirehat pergi makan di situ dan sebagainya.

Mungkin Yang Berhormat cadangkan pandangan dengan kawasan-kawasan tertentu, masa-masa mereka boleh beroperasi yang akan akan menjamin kesihatan rakyat Malaysia nombor satu (1), kedua kualiti makanan yang dihidangkan. Ketiga, menjamin pekerja-pekerja di situ kebajikan mereka terjaga masa mereka yang mencukupi untuk mereka rehat, basuh pakaian seragam mereka supaya tidak berbau dan dan sebagainya.

### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Ahli Seri Delima seperti yang saya katakan tadi saya mencadangkan supaya tidak ada kebenaran diberi kepada mana-mana restoran di Pulau Pinang beroperasi 24 jam tak boleh. Kita kena cari masa yang sesuai untuk kedai dicuci pekerja berehat dan memberi ruang kepada restoran dicuci dan pekerja menguruskan diri. Saya sebenarnya dalam soal nasi kandar ini, ini adalah merupakan tarikan pelancong ke Pulau Pinang dan kita tidak nafikan dan saya sebenarnya mengenai kesihatan saya pernah berjumpa dengan seorang pakar Holistik daripada USM, Profesor beliau mengatakan bahawa makan nasi kandar ini tiada masalah, ia bukan pun berpunca kepada *diabetes*, tetapi sebagai ubat kepada *diabetes* sebab rempah ratus yang digunakan di dalam kuah-kuah nasi kandar tersebut sebenarnya adalah merupakan penawar kepada penyakit, rempah-rempah yang digunakan seperti tumin dan beberapa rempah ratus *whatever*, tetapi yang menjadikan nasi kandar ini berpenyakit waktu memakannya *as you said* waktu malam sahaja nasi kandar, teh tarik. Teh tarik merupakan adalah penymbang kita tak nafikan, 5.00 pagi pun makan. So kita minta supaya EXCO yang berkaitan menghalusi permohonan kita supaya restoran di Pulau Pinang ini tidak beroperasi 24 jam memang tak bolehlah. Memang akan menyebabkan masalah.

Jadi saya nak teruskan dengan promosi pelancongan saya nak sentuh sedikit tentang mural. Ramai Yang Berhormat-Yang Berhormat semua bercakap tentang mural. Mural ini semua mural ini terbahagi kepada dua (2), kalau yang melukisnya adalah seorang artis seorang artis, seorang yang berkebolehan dia dipanggil mural lah. Tetapi jikakalau orang yang tidak ada pengalaman tidak boleh melukis itu *is are vandalism*, kita tak boleh menafikan perkara tersebut tetapi walau bagaimanapun di Pulau Pinang kita bersetuju dengan mural dilukis kita haruslah memastikan di manakah tempat di mana ianya dilukis bukan sembarang dilukis di dinding dan setiap lukisan yang hendak dilukis mesti mendapat kelulusan daripada pihak-pihak yang berkenaan MPPP atau MPSP, sebab apabila kita bersetuju bahawa mural ini dibenarkan maka akan penuhlah mural-mural yang tidak berkenaan.

Saya nak mengambil contoh baru-baru ini dilaporkan penyanyi remaja Justin Bieber menetap di sebuah hotel di Amerika dan beliau telah melukis diminta melukis mural di pintu masuk hotel tersebut. Arahan dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dipadam atau diruntuhkan, sampai macam itu. Sebab dianggap sebagai *vandalism* di Negara tersebut. Apa yang hotel itu buat sebab ini adalah merupakan lukisan oleh seorang artis antarabangsa mereka memutuskan untuk memindahkan *the whole* tembok dan masukkan ke dalam hotel sampai macam itu sekali. Sebab ada nilainya dilukis oleh seseorang yang bernama, dilukis oleh seseorang yang berbakat dan ianya dianggap sebagai mural dan *it is an art*. Satu seni dilukis telah dilukis oleh orang macam saya dan tidak ada nama dan tidak ada kebolehan melukis itu dianggap sebagai *vandalism*, itulah realiti. Sebab itu dalam soal-soal ini kita harus menghormati pendirian kerajaan dalam negara-negara yang lain, sebab mural adalah soal cukup perlu diperhalusi. Di Pulau Pinang sebagai contoh mural sebelum ini dianggap sebagai *vandalism*, tetapi apabila datangnya seorang pelukis dari Belanda kalau tidak silap, dia melukis dengan begitu cantik imej 3D sampai kita boleh berdiri di tepi basikal seolah-olah kita menaiki basikal, artis ini sebenarnya tapi ini sebenarnya kita kena *preserve artwork*. Baru-baru ini kita tengok sebuah restoran melelong, melelong mural dia.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta maaflah, fahaman saya berkenaan dengan mural dan *gravity* ini berlainan. Kalau *gravity* ini dirujuk kepada melalukan sesuatu, umpamanya kotor dan yang telah di *spray* di atas sesuatu tembok dan sebagainya. Tapi kalau ia adalah satu lukisan cantik boleh ditafsirkan sebagai *artwork*, saya bukan pakar dalam *part* ini, tetapi kalau merujuk kepada *gravity* ia merujuk kepada contengan, perkataan kotor atau sesuatu perkara yang menjijikkan. Jadi fahaman saya *artwork* atau mural boleh dibenarkan sama sekalilah. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Kita di Pulau Pinang ini kita kena ada undang-undang. Berkenaan mural ini siapa pun yang ingin melukis harus mendapat kebenaran, janganlah kita memberi sebagai *is blanket approval* sesiapa pun yang rasa hendak melukis mereka boleh melukis sebab sebagaimana saya kata ia akan menghodohkan Pulau Pinang sebenarnya dan ia akan membawa kemarahan kepada tuan punya bangunan, tiba-tiba mereka melukis, minta izin sepatutnya.

Saya juga merujuk kepada usaha yang dilakukan oleh Tanjong Bunga berkenaan dengan gaharu ini. Pencerobohan kayu gaharu dilakukan dengan secara haram di Pulau Pinang dan saya difahamkan setakat hari sudah hampir lebih daripada lima (5) batang pokok gaharu dipercayai telah ditebang. YB. daripada Tanjong Bunga sudah menyebut seperti yang dilaporkan oleh Sinar Harian 28 November bahawa ini bukanlah kejadian yang pertama kerana sebelum ini pernah berlaku penebangan pokok besar tanpa pengetahuan pihak yang bertanggungjawab. Ini adalah harta Kerajaan ya, pokok geharu yang bernilai RM50,000 sehingga RM100,000 sebatang. Oleh yang demikian saya ingin bertanyalah kepada EXCO yang berkenaan apakah tindakan yang diambil untuk memastikan kejadian ini tidak berulang dan apakah semua pekerja-pekerja diberi peralatan yang sesuai untuk memastikan rondaan mereka tidaklah membawa bahaya, mungkin mereka boleh dibekalkan dengan senjata api dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Penjelasan, isu ini saya fikir sesi yang lalu saya ada membangkitkan kepada sumber manusia ada kakitangan *backup* daripada Jabatan Perhutanan maksudnya mereka kekurangan renjer dan kekurangan peralatan yang sesuai untuk masuk ke dalam hutan bagi mempertahankan hutan kita. Jadi saya juga meminta pihak yang berkenaan menambahkan atau mempertingkatkan apa yang diperlukan atau menambahkan renjer yang cukup untuk mereka supaya mereka boleh pergi melawat ke tapak tersebut. Misalnya di Daerah Timur Laut saya difahamkan seorang renjer sahaja dibekalkan, seorang renjer bagaimana hendak mengawal satu kawasan yang luas seperti Bukit Bendera, sekurang-kurangnya lima (5) orang. Itulah sebabnya saya fikir Jabatan Perhutanan dan Kerajaan Pusat haruslah memberi peruntukan tambahan kepada mereka.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya bersetuju dengan Tanjong Bunga dan kita harap supaya lebih banyak peruntukan yang diberikan bagi memastikan perkara ini tidak berulang dan memandangkan saya sedang berurusan dengan Tanjong Bunga, saya merujuk kepada saranan Tanjong Bunga semalam berkenaan dengan penubuhan jawatankuasa menangani masalah Mak Nyah di Pulau Pinang. Sebenarnya saya ingin menyatakan pendirian kami sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Telok Bahang menyatakan bahawa seandainya program tersebut ke arah membawa mereka pulang ke jalan yang benar, memberikan mereka peluang untuk memulakan kehidupan yang lebih baik mungkin kita akan mempertimbangkan. Jadi walau bagaimanapun hari ini dalam Harian Metro muka hadapan tajuk dia pondan pontianak dikatakan pondan-pondan di Kuala Lumpur sekarang ini sudah menjadi pontianak. Semua pegawai-pegawai Imigresen hendak pergi tangkap mereka cakar dan gigit, jadi kepada YB. Tanjong Bunga dan semua yang akan berada di dalam komuniti ini. Saya harap kita pun kena perhalusi takut kita kena gigit dan cakar kalau jadi pontianak tidak apa, takut kalau jadi yang satu lagi, pondan pontianak. Kalau kena cakar jadi pontianak tak apa, Kalau jadi lagi satu kita takut.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Sikit-sikit Yang Berhormat, berkenaan dengan fenomena ini. Saya cuma hendak membawa perhatian di dalam Dewan ini dan Yang Berhormat sendiri bahawa golongan Mak Nyah ini bukan sahaja daripada golongan yang kita biasa lihat, terdapat banyak golongan profesional malahan daripada peguam, doktor, jurutera, Ahli-Ahli perniagaan, pereka fesyen dan sebagainya yang menjadi fenomena ini. Jadi kemungkinan kita harus melihat walaupun kita membincangkan hal ini dan saya berterima kasihlah kepada YB. Tanjong Bunga setiap kali kita bersidang isu Mak Nyah memang tidak akan tertinggal akan dibincangkan, jadi kita lihat fenomena ini telah mula menjadi hangat dengan kanak-kanak kita dan kita lihat golongan ini sudah pun membesar, banyak sangat sudah mengamalkan cara hidup begini, mungkin macam saya katakan semalam satu *job fair* diadakan untuk orang-orang kurang upaya, mungkin satu daripada Ahli-Ahli EXCO boleh mengambil tanggungjawab ini untuk kita lihat bagaimanakah, kalau boleh kita cuba membawa mereka ke pangkuhan jalan yang betul. Kalau sudah pun lewat ada yang daripada usia yang 60 tahun, 70 tahun yang telah menjadi Mak Nyah macam

mana kita hendak membantu mereka kerana sehingga sekarang kalau kita lihat perkara ini tidak diberi perhatian, walaupun kita membincangkan hal ini, tiap kali kita bersidang, perhatian yang serius saya rasa wajar diberikan satu *global way of triumph*...(dengan izin) mengatasi masalah ini.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Penjelasan, isu ini memang bukan isu baru tetapi ini isu kemanusiaan dan juga *genderism* di mana kita harus memberi peluang kepada manusia berdasarkan saksamaan, kerana kita memberi tekanan kepada golongan ini. Jadi diskriminasi dan stigma yang lain-lain kita akan membincangkan lebih dalam jikalau kita menubuhkan satu jawatankuasa supaya kita boleh mengkaji dalam lagi isu ini dan berikan bantuan yang kita setujui dan janganlah ini dijadikan satu isu yang bukan-bukan, ini isu perikemanusiaan, saya harap isu ini diberi pertimbangan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan Bertam, banyak lagi?

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Sikit lagi. Saranan Tanjung Bunga akan kita tengoklah, tidak jadi masalah ini cuma pandangan masing-masing dan juga pendirian tetapi tidaklah kita menolak apa-apa yang membawa kepada positif, itu sahaja jadi. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini memandangkan YB. Padang Kota tidak bersama. Saya selaku Ahli Dewan Undangan Negeri Bertam memohon diberi sedikit peruntukan untuk market di Kepala Batas, Bertam sebab sebelum saya sampai ke Dewan semalam peniaga sayur daripada bangsa Cina dan ada juga yang datang berjumpa dengan saya mengatakan bahawa hasil perniagaan berkurangan di Pasar Bertam disebabkan tidak ada tempat parkir kereta itu sahaja. Saya sudah sebut berulang-ulang kali dan saya sudah minta berulang-ulang kali, walau bagaimanapun tidak ada tindakan yang diambil. Ini adalah untuk kesejahteraan rakyat sebenarnya dan mereka berniaga mereka diminta berpindah ke pasar tetapi apabila tidak ada parkir maka orang tidak pergilah ke pasar dan *to make things worse* memburukkan lagi keadaan, ramai peniaga-peniaga sayur, peniaga ikan beroperasi daripada rumah-rumah kedai, rumah-rumah kedai yang sepatutnya dijadikan kedai-kedai runcit semua menjual ikan dan sayur. Jadi di Kepala Batas sahaja kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat sudi datang ke Kepala Batas saya boleh tunjukkan di sepanjang Jalan Ahmad Badawi, Jalan Padang Kelab, kita boleh tengok kedai-kedai runcit sudah bertukar kepada kedai-kedai basah, ada yang jual kedai ikan, kedai-kedai basah ada yang jual daging pun tetapi tidak ramai yang akan pergi ke pasar, ini menyebabkan kesukaran. Jadi saya meminta kepada YB. Padang Kota selaku EXCO mempertimbangkan supaya mengambil pandangan serius permohonan saya, sebab ini untuk kepentingan semua bukan untuk sekadar kita suka-suka kerana ini menyebabkan periuk nasi peniaga-peniaga tersebut.

Kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya hormati YB. Dato' Speaker, saya juga mengambil kesempatan yang terakhir ini untuk selaku YB. daripada Barisan Nasional merakamkan terima kasih juga yang tidak terhingga kepada Kerajaan Persekutuan yang terus memberi bantuan kepada Pulau Pinang dan sebagai contoh yang kita tengok Y.A.B. Ketua Menteri di dalam bajet muka surat 20 beliau mengatakan

bahawa pembukaan Jambatan Kedua Pulau Pinang bernilai RM4.5 billion pada tahun hadapan merupakan pemangkin pembangunan Batu Kawan. Pada tahun 2013 sahaja Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah berjaya menjual sebanyak 105.87 ekar tanah perindustrian di Batu Kawan kepada 50 buah syarikat dengan nilai jualan sebanyak RM876 juta. Dengan adanya Jambatan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat maka Batu Kawan akan berkembang maju begitu juga dengan Batu Maung. Jadi saya rasa wajar untuk kita Ahli-ahli Dewan memberi juga penghargaan kepada Kerajaan Pusat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Sedikit sahaja Yang Berhormat, saya cuma hendak sampaikan permintaan rakyat Pulau Pinang melalui Yang Berhormat kawan karib saya, mungkin boleh membawa kepada Kerajaan Persekutuan kenaikan tarif 15% TNB ini adalah satu yang akan membebankan rakyat, pengurangan subsidi gula akan membebankan rakyat jugalah dan juga kenaikan petrol dan penggunaan GST pada tahun hadapan akan membebankan rakyat. Mungkin Yang Berhormat minta Kerajaan Persekutuan kalau boleh menyemak semula perkara-perkara inilah, kerana kita melihat perkara-perkara ini akan membebankan rakyat dan jangan lupa pilihan raya yang lalu Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional telah membuat macam-macam janji tetapi seperti biasa selepas pilihan raya sahaja semuanya sudah naik, petrol naik, gula naik, bil elektrik naik, semua barang-barang sudah naik. Mungkin Yang Berhormat pun janji memang tidak ditepati, mungkin Yang Berhormat kawan karib saya Ketua Pembangkang tidak bolehlah kerana dia marah dengan saya selalu. Mungkin Yang Berhormat boleh membawa perkara ini kepada Kerajaan Persekutuan, terima kasih.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Terima kasih Seri Delima, YB. Dato' Speaker, saya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Minta penjelasan sikit biar saya habiskan, tadi saya fikir pandangan YB. Bertam mengatakan Jambatan Kedua itu ada kebaikannya. Saya fikir itu juga memberikan kepada kita rekod khas dan juga disempurnakan terowong *link* ketiga itu akan membawa lagi dan mempertingkatkan kepada kita terutamanya di kalangan Kepala Batas juga kawasan Bertam, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

YB. Tanjung Bunga, terowong dalam perancangan dan belum tentu jadi, tetapi ini sudah di depan mata, tak apa itu pandangan, tapi jambatan kedua akan dilancarkan dibuka kepada kita sehari dua (2) lagi *insya-Allah*. Jadi kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, YB. Dato' Speaker, sebelum saya mengundurkan diri...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Satu lagi Yang Berhormat boleh minta enam (6) bulan percuma Jambatan Kedua Pulau Pinang, bukan tahun, enam (6) bulan sahaja boleh bagi *free* tak? Satu (1) lagi permintaan rakyat Pulau Pinang.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Bertam sila teruskan.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

YB. Dato' Speaker, sebelum saya mengundurkan diri ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan Kerajaan yang banyak membantu saya dengan pelbagai bantuan serta melicinkan tugas saya sebagai wakil rakyat di kawasan Bertam semoga khidmat ikhlas mereka itu mendapat ganjaran daripada Allah s.w.t. Saya juga mendoakan kepada Allah s.w.t. agar Malaysia dan Pulau Pinang terus aman dan terpelihara daripada bala bencana dan semoga Allah melanjutkan usia Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah Binti Hamidon semoga berada di bawah perlindungannya sepanjang masa, juga saya memohon kepada Allah s.w.t. agar terus memelihara kesihatan dan melanjutkan usia TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tun (dr.) Haji Abdul Rahman Abbas dan isteri Toh Puan Hajah Majimor Binti Shariff serta rakyat jelata yang berada di Pulau Pinang, YB. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya rasa saya tidak kedekut untuk memberi kepujian kepada YB. Bertam satu perbahasan yang saya rasa yang terbaik, walau pun ada teguran, walau pun ada memberi laluan, ada celahan tetapi segala amat bagus.

Ahli-Ahli Yang Berhormat juga saya ingin memaklumkan kepada Dewan kerana ada yang tertanya-tanya ada Yang Berhormat yang tidak hadir pada pagi ini antaranya Penanti, Permatang Berangan, Sungai Puyu, kesemua mereka talah pun meminta cuti kepada Setiausaha Dewan dan saya dan mereka mempunyai alasan-alasan tertentu dan mereka sudah memohon cuti kepada saya dan bukan mereka kosong sajalah. Ini cuma untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada jam 2.30 petang nanti.

***Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.***

***Dewan bersidang semula pada jam 2.45 petang.***

**Timbalan Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Silakan YB. Batu Uban.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

YB. Timbalan Speaker, saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberi untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2014 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang sebelum ini. Dengan ini saya

mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Ketua Menteri Pulau Pinang yang telah berjaya membentangkan sebuah bajet yang prihatin terhadap keperluan rakyat. Walaupun saya ada belajar di Tamil Nadu di Chennai, saya tak dapat jumpa Rajnikanth lah? Siapa-siapa pelakon so saya tak ada *experience* berkenaan itu tapi saya ada bangkit isu-isu bangunan yang satu atau dua dalam ucapan saya.

Yang pertama dalam agakan saya pembangunan di Pulau Pinang terutama di pulau ini ialah sampai ke tahap yang tinggi atau ....(dengan izin), *near saturation point* semua bentuk pembangunan perlulah mengambil kira aspek-aspek keupayaan menampung ....(dengan izin), *carrying capacity of the island*. Itu bermakna satu-satu projek pembangunan di dalam kawasan Pulau kena ambil perhatian. Dengan ini perlu saya sebut biasanya adalah satu penilaian, apa yang dinilai ialah penilaian risiko apabila sesuatu pembangunan dijalankan. Saya cadangkan bahawa Pihak Berkuasa menjalankan satu ....(dengan izin), *a need assessment* bermakna *do we need this project or not?* Dilakukan di mana perunding di antara orang yang mempunyai kepentingan *stakeholders* dijalankan, kita juga perlu adakan satu prinsip seperti yang digunakan oleh kesihatan awam iaitu prinsip berwaspada *precautionary principle*. Ini prinsip ialah satu prinsip kita ambil berat, kita *anticipate problem* atau masalah-masalah yang timbul kalau dibuat satu-satu bangunan yang ada masalah. Perlulah juga kita jadi proaktif jangan reaktif bermakna selepas kejadian, ambil tindakan kita dah buat langkah-langkah yang proaktif dalam meninjau jangkaan kesan-kesan negatif terhadap alam sekitar dan punca-puncanya kita *in short* ....(dengan izin), *anticipate the negative impact to the alam sekitar and issue negative cause* contohnya adalah seperti satu di tempat parkir di Bukit Bendera atau dikenali sebagai tempat letak kereta kancil terpaksa dirobohkan dan dibina semula kerana kelemahan di dalam Geo Assessment Technical. Kejadian ini telah melibatkan kos perbelanjaan yang terpaksa ditanggung dan membazirkan wang rakyat, kita kena ambil tindakan yang proaktif, janganlah macam ini jadikan.

Antara projek mega di Pulau Pinang yang dicadangkan sepanjang pengetahuan saya, prinsip berwaspada ialah *precautionary principle* adalah lebih baik, saya cadangkan projek-projek seperti ini mega projek perlu melalui satu proses rundingan yang teliti ....(dengan izin), *details EIA and consultation process must be carried on*. Proses ini kena dikaji dengan perunding-perunding pakar dengan NGO-NGO dan orang awam yang berkepentingan. Walaupun proses rundingan tersebut membebankan tetapi ia adalah satu keperluan ....(dengan izin), *it is necessary, it is a must* kerana kita tidak mahu bukan saja membazirkan wang rakyat, kita tak mahu jahanamkan alam sekitar. Contoh apabila kita menghadapi satu konflik ataupun *contradictory* daripada dua (2) orang pakar, Kerajaan Negeri harus mengambil kira pandangan pakar perunding bebas yang bertauliah untuk mengemukakan cadangan masing-masing....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, terima kasih YB. Kawasan Batu Uban. YB. Timbalan Speaker, saya amat setuju dengan cadangan ataupun saranan Batu Uban bahawa untuk mega-mega projek yang akan dilaksanakan perlulah dijalankan kajian yang menyeluruh dan terperinci serta diadakan rundingan awam yang disebut tadi oleh YB. Batu Uban. Saya ini merujuk kepada cadangan pembinaan ataupun perancangan bukan cadangan dah rancang untuk dilaksanakan terowong bawah tanah yang akan menghubungi Bagan Ajam dan Bagan Jermal. Sebagai ADUN Kawasan yang terlibat, setakat ini belum ada

sebarang rundingan awam terutama sekali dengan mereka-mereka yang akan terlibat ataupun terjejas dengan pembinaan terowong itu nanti, seperti nelayan-nelayan di kawasan itu dan saya juga rasa setakat ini Penang Port pun belum diambil pandangan dan sebagainya. Jadi memanglah amat penting walaupun ianya makan kos yang tinggi dan mengambil masa yang panjang tapi proses ini haruslah dilalui demi untuk menjaga supaya tidak ada terjejasnya AES ataupun keadaan alam sekitar dan macam-macam lagi yang akan menjelaskan rakyat Pulau Pinang walaupun kita tahu bahawa projek itu akan membawa keuntungan tetapi kita kena tengok juga dari segi kos ataupun kerumitan masalah yang timbul selepas itu, sekian terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Contoh seperti menuntut semula tanah di Persiaran Gurney bagi projek mega Sri Tanjung Pinang. Sebelum Kerajaan Tempatan meluluskan pelan-pelan bangunan untuk melaksanakan kerja-kerja fizikal, mereka haruslah mendapatkan nasihat daripada pakar-pakar bebas yang bertauliah bagi memastikan kestabilan tanah di sana .... (dengan izin), *stability of the land*. Dua (2) pakar yang berkenaan dengan projek ini ada konflik ataupun *contradictory recommendation*, yang mustahak kita kena ambil pakar yang *independent and accredited* untuk beri *final recommendation*. Selepas tanah dituntut semula agensi-agensi pusat macam Jabatan Parit dan Tali Air akan campur untuk menentukan siapa akan ....(dengan izin), *sign off the project* ini juga menentukan pihak yang mempunyai kecekapan. ....(dengan izin), *or technical competency* yang mustahak kita kena pilih orang yang ada *technical competency* sama ada Jabatan-jabatan Kerja Raya atau JKR, jabatan-jabatan yang lain berkuasa yang terlibat dalam menuntut semula tanah atau penebus gunaan tanah *reclaim of land*.

Yang kedua, selama ini berkenaan dengan (PDC) Penang Development Corporation, selama 42 tahun PDC telah mengabaikan tanggungjawab asas mereka, sebaliknya hanya menumpukan kepada menjual tanah. Contoh, seluas 125 ekar di Bayan Mutiara pada harga RM1.7 bilion, lot 1096 seluas 4.7 ekar di Mukim 12, Daerah Barat Daya melalui tender dan juga PDC telah berjaya mengambil balik tanah seluas 260 ekar di Utara Penang Science Park yang melibatkan pampasan tanah berjumlah RM194 juta.

Tujuan utama PDC yang saya nampak ialah pengambilan balik tanah adalah untuk pembesaran kawasan perindustrian sedia ada dan juga untuk pembangunan bercampur seperti perumahan dan ruang perniagaan. Kalau kita banding dengan *State Economic Corporation* lain-lain di seluruh Malaysia macam (SEDC) Johor State Economic Development Corporation atau Johor SEDC. Ia bukan saja jalankan projek-projek jual saja tanah kenapa Pulau Pinang jual tanah hampir tak cukup tanah nak jual. So ....(dengan izin), *this cannot be the core business of PDC*, yang mustahak PDC *must diversify*. Kita juga perlukan kepelbagaian atau *diversify* dalam era pembangunan. Objektif mereka juga haruslah mencakupi bidang-bidang macam...(dengan izin), *health care, hospitality, fast food, logistic services*, perkapalan serta pelancongan. Tapi ini berbanding dengan SEDC Johor sedang sudah masuk Pulau Pinang juga. Ia ada beberapa *hospitality* bukan saja hospital atau hospital swasta tapi dia pun masuk dalam *fast food* macam KFC, so bermakna kita tak boleh gantung kita punya aktiviti untuk jual tanah saja, walaupun ada PDC banyak buat syarikat yang mementingkan *lost making entity* and *this entity* ditutupkan. Tapi kena *diversify* selain dari *only jual tanah*.

Contoh, di Science Park, kita dah ambil balik tempat untuk menubuhkan untuk gunakan itu Science Park kita ada ambil balik. Tapi saya cadang kita boleh tubuh satu kilang ubat-ubat *generic*. Kita boleh buat perkhidmatan farmasi, kita boleh keluarkan ubat-ubat yang halal dan ubat-ubat yang memulihkan penyakit kanser. Ini Science Park boleh gunakan untuk *diversify* projek bukan saja untuk sewa itu tempat majikan. Terdapat permintaan yang tinggi terhadap produk-produk ubat-ubatan farmasi di dalam dan di luar Negeri ini mustahak kenapa? Di Pulau Pinang tiap-tiap tahun 130 graduan farmasi di keluarkan dan di seluruh Malaysia ada dekat 10,000 graduan farmasi di seluruh tempat yang sekarang ini tunggu dapat kerja.

Selain dari ini, produk-produk digunakan dalam pembedahan dan *orthopaedic* seperti *suture prosthesis* juga boleh dikilandkan. Kita sekarang beli barang ini macam *prosthesis* yang digunakan dalam bidang *orthopaedic*, *prosthesis* yang kita gunakan dalam *even hard surgery* kita beli dari luar Negeri dengan kos yang tinggi. Kalau kita kilangkan ini kita boleh guna Science Park untuk *diversify* PDC. Selain dari itu, kita boleh *we would providing value at the employment*, kenapa graduan farmasi atau *graduate medical technology value at employment*, bukan saja kalau *you* nampak PDC punya *job employment scope*, dia ini bukan saja *employment scope* untuk orang tempatan tapi untuk orang asing kenapa banyak kilang yang ditubuhkan di Free Trade Zone gunakan warga asing dalam dia punya kilang. Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya berasa amat dukacita. Ini isu...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta laluan Yang Berhormat. Tentang farmasi ini, kita lihat juga hospital-hospital swasta di Pulau Pinang, saya tak mahu nyatakan nama mereka, tetapi kebanyakan jururawat-jururawat di hospital-hospital ini banyak dari luar negara khususnya India. Kita lihat orang-orang di Malaysia terutamanya dari MAHSA College dan beberapa kolej yang menyediakan kursus kejururawatan selepas mereka memperolehi Diploma dan sebagainya tidak mempunyai kerja. Mungkin perkara ini juga saya minta pandangan Yang Berhormat untuk maklumkan Dewan. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Terima kasih. Saya tolakkan hal yang tadi dibincangkan oleh YB. Seri Delima dengan YB. dari Bertam. Ini berkenaan dengan Bukit Botak. Sekarang kita ada nama dia Bukit Botak. Kerja-kerja mitigasi telah dihentikan buat sementara waktu dan langkah-langkah...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Sorry, beri laluan. Saya hanya ingin menjelaskan sedikit. Sebenarnya kawasan PDC di Science Park dia tu bekas kawasan *alpha biologic* walaupun tidak digunakan tapi *equipment* masih ada di dalam maka dia masih berada dalam *receivership* so tak boleh tukar guna lagi dan sebenarnya PDC bersama Invest Penang dalam beberapa tahun ini amat bergiat aktif untuk mencari *investor* yang sesuai untuk mengambil alih kawasan tersebut. Masalahnya bukan senang untuk mendirikan syarikat dalam bidang pharmaseutikal atau berkaitan dengan *medical* kerana perlu menelitian ekosistem yang sedia ada dan menubuhkan syarikat yang boleh dimampangkan di Pulau Pinang. Berkennaan dengan *orthopedic*, ia akan ada cadangan yang baik tapi sebenarnya salah

satu industri yang kuat di Pulau Pinang adalah *orthopedic*. Kita ada syarikat seperti *straits orthopedic*. Kita ada beberapa syarikat *orthopedic* di Pulau Pinang sebenarnya. Dan juga *equipment-equipment, tools hospital* banyak dibekalkan oleh B. Braun di rantau Asia Pasifik.

#### Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB.Teh Yee Cheu):

Penjelasan. YB. Batu Uban, sebagai seseorang doktor sedangkan Negeri kita juga mempromosikan, mengalui-alukan *medical tourism, tourism* perubatan dan suasana kesihatan dan kebersihan Negeri adalah keutamaan kita juga. Jadi dari segi sisa pepejal kita sudah ada ambil berat. Satu lagi *medical waste* yang sangat penting yang saya fikir harus diambil berat, memang *medical waste* ini diuruskan di bawah *federal government*. Mungkin teknologi yang sedia ada atau cara yang mungkin tak begitu baik mungkin saya fikir saya terdapat sistem baru untuk lupuskan *medical waste* dengan teknologi baru iaitu *insulation*, jadi adakah sebagai seorang doktor apa yang kita ada dari mula dengan teknologi yang bagus tapi di akhir selalu kita lupukan sampah-sampah atau *medical waste* yang di belakang ini tidak dijaga. Jadi ini satu teknologi yang baru. Bolehkah sebagai doktor boleh *elaborate*?

#### Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Ini masalah yang besar sekali *medical waste*. So cara dia digunakan satu sistem, bukan sistem *incinerator* saja, *incinerator system* ini ada bahaya kenapa bila tisu-tisu manusia atau yang dibakar atau *incinerate* dia keluarkan bahan bahaya macam di-oxyn dan furan so ini ada *regular detention* so yang *method* yang kita ada is nombor one *recycling the waste, recycling disposal*, macam mana *you dispose*, bukan saja *incinerate* lebih, *you kena land still, land use one of the best method but until now we do not* ada satu teknologi yang baru boleh buat untuk *handle* isu ini. Berkenaan dengan alasan, saya baru balik dari Bangladesh, baru balik dari Bangladesh di buat *visit Pharmaceutical Industry* dia. NGO pun sudah sedang buat *pharmaceutical* di sana. Dia bukan gunakan teknologi yang roket saintis kena guna, teknologi yang senang saja, mudah saja, dia gunakan. Dia orang ada beberapa kilang *pharmaceutical*, dia kilangkan dengan dia keluarkan ubat *generic* dengan mudah saja. Bukan ada masalah. Di Bukit Minyak ada satu kilang yang kilangkan ubat *generic* juga dia pun tukarkan ubat kanser, selain dari di Pulau Pinang ada lagi satu kilang yang keluar *generic* di Bayan Lepas di mana bukan ini teknologi, bukan susah. Ini teknologi senang saja.

So, balik ke isu yang kita dukacita macam tadi disebut oleh, oleh YB. Rayer, YB. Bertam. Ini kita dukacita kenapa. Beberapa bulan isu mitigasi belum diselesaikan. Kita tulis surat ke Kerajaan untuk kenalkan pelan mitigasi kepada syarikat yang buat itu merosot, dia pelan mitigasi ditolakken kenapa dia harus dengan *geotechnical requirement*. Pelan-pelan dia untuk buat *stepping* untuk tanam semula, semua ditolak tapi sampai sekarang, masa sekarang apa pun belum dibuat.

Lagi satu, ada dua, tiga orang *hikers* yang masuk tempat itu bawa informasi tempat itu teruk sangat sekarang ada gali atau parit, ada tanah roboh dan selain-lainnya. Kalau kita nak tunggu sampai masalah ini diatasi, nasi akan jadi bubur. So, kita *will be seen, we will be seen by delay, we will be seen by delay of any action as condoning this rape of the hill*. Langkah-langkah mengatasi masalah ini haruslah dilaksanakan secepat mungkin sebelum tadi nasi macam saya sebut nasi menjadi

bubur. Pihak pemaju telah bersetuju, dia apa macam tadi saya sebut dia nak membina beberapa kolam enapan dan tadahan di sepanjang masuk laluan ke tapak, memotong tebing cerun supaya lebih landai serta menutup cerun yang terdedah dengan tumbuhan, menyediakan parit tetangga, parit tetangga di sepanjang masuk laluan untuk menyurai tenaga air larian permukaan serta memitigasi hakisan tanah, menyediakan *Erosion and Sedimentation Control Plan* (ESCP), dan reka bentuk pengukuhan cerun *slope strange turning design* untuk memitigasi kejadian kelinciran tanah serta pencemaran akibat aliran lumpur di bahagian hiliran bukit. Tapi ini semua pelan saja, dia bukan dibuat. Cadangan itu pun ditolakkan oleh pakar-pakar geoteknikal sampai masa ini saya, saya takut situasi ini jadi rosak sampai macam tadi YB. Rayer cakap di Bukit Gambier ada empat (4) buah rumah pangsa dengan rumah sederhana yang tiap-tiap hari hantar surat panggil saya, marah saya, kenapa kita tak ambil tindakan atau kenapa kita tak peduli dia punya masalah. Saya nak bawa satu (1), dua (2) hal berkenaan dengan berkenaan dengan perkhidmatan Majlis Perbandaran dan lain-lain agensi.

Di kawasan saya iaitu Batu Uban di mana kita menerima, hari-hari kita dapat dekat 20 aduan dari orang ramai di sana. Aduan dia, berkenaan dengan kutipan sampah dan sumbat parit di seluruh sana. Lagi satu kita nak berikan iaitu tempat Batu Uban *register highest number of dengue cases*. So, walaupun dia gunakan wabak *fogging is done regularly by the Kesihatan, I mean services* tapi ini bukan *solution*. Ini bukan *solution* kenapa, sekarang ada lagi satu *strain dengue*, dia boleh menyuntik *and now dia got a new strange which is going to held a serious problem as far as health is concern*. Yang masalah saya ini *the only way you* boleh kawalkan masalah ini berkenaan dengan *clearing of your*, kena *clear* parit semua, sampah kena ambil kutip. Apakah masalah ini? Apakah masalah ini? *What is the reason for this failure?* Apabila kita jumpa tiap-tiap bulan kita jumpa MMK kita jumpa *Head of Departments* mesyuarat, *Head of Departments* kita nampak *commitment Head of Departments* bijak, *commitment* dia bagus, tapi macam tadi, macam YB. Rayer, Seri Delima ucap masalah ini berkenaan dengan *Middle Level Employees* atau bertingkat.

Saya ulang dengan satu, dua contoh. Di tempat saya, kita ada rumah kediaman yang diguna untuk urus niaga kecil. Ini *is connected to the first problem*. Urus niaga. Dia ini contohnya *homestay*, ada satu kes di tempat saya kita ada beberapa kali banyak kali dah panggil, panggil *council* ambil tindakan dah lima (5), enam (6) bulan *owner* yang jiran dia sudah *complain* 23 bulan dia cakap, apa pun tak ambil, apa tindakan pun tak ambil. Dia gunakan untuk pusat salon, pusat tuisyen, pusat urut dan sebagainya. Di kawasan, di kawasan Seberang ada satu (1) rumah pangsa yang digunakan untuk *homestay* di tempat EXCO kesihatan YB. Afif Bahardin. Bermakna *wrong used* kediaman ini diguna salah guna bukan untuk kediaman, tapi untuk buat urus niaga. Ini jadi tiap-tiap kali kita jiran-jiran buat aduan pun tapi satu pun di berapa tempat apa tindakan pun belum diambil.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Ulasan Batu Uban. Terima kasih. Sedarkan Batu Uban bahwasanya di Negeri Pulau Pinang ini hanya terdapat 200 premis *homestay* yang berdaftar, 200 yang didaftarkan di bawah Kementerian Pelancongan dan mereka ini telah pun mengikuti dan terpaksa menjalani latihan dan juga persijilan dan juga lawatan rasmi dari Pejabat Daerah, daripada Jabatan Kesihatan, daripada Majlis dan sebagainya. Ini bermakna kawasan ataupun rumah Yang Berhormat sebut tadi itu adalah bukan *homestay* yang

berdaftar. Setujukan YB. Batu Uban supaya Kerajaan Negeri mengambil tindakan kepada semua rumah-rumah yang diberi nama *homestay* pada hal mereka ini tidak berdaftar dengan mana-mana jabatan atau mana-mana kementerian.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Setuju. Kita bangkitkan hal yang penting dalam ini. Dalam ini, macam tadi saya sebut masalah ialah dalam organisasi awam atau organisasi swasta yang masalah yang besar adalah *Middle Level Supervisory* yang ada, yang *failure of the system of the middle level supervisory management*. Lagi satu contoh di berapa tempat kita nampak orang yang sapu tempat, orang yang korek parit tapi saya puji Y.A.B. Menteri Besar Pulau Pinang, *I mean, sorry*, Ketua Menteri Pulau Pinang puji dia untuk tukarkan, tukarkan warga asing kerja di tempat tempatan tukarkan kerja yang tempatan. Saya puji, itu bagus. Tapi saya nampak dia ini di seluruh tempat bukan jauh dari saya tak cukup *human resource* untuk buat kerja ini nombor satu (1). Nombor dua (2), saya tak nampak penyelia cukup penyelia yang sedang buat memantau, macam mana ini kerja dikuat kuasa. So, balik ke isu yang tadi kita sebut, isu yang saya sebut mustahak kita kena *strengthen our middle level* di *Penang State Government must strengthen the middle level* organisasi dan bukan saja itu kita kena ada satu sistem, satu sistem *approach* yang gunakan, a *system approach* so that the system will not fail. Move on, satu (1) isu saja, saya bukan nak cakap panjang, satu (1) isu berkenaan dengan. Isu yang mustahak di Batu Uban, satu warisan di Batu Uban, akibat punca masalah daripada kelemahan. Yang ni berkenaan dengan satu (1) tempat di bukan jauh dari Bayan Lepas di Batu Uban ada satu (1) tempat warisan, satu *mosque* atau yang mula di tahun 1734 yang dimula tahun itu. Itu warisan berkenaan dengan ini *heritage* di Pulau Pinang atau warisan UNESCO, ini kita minta Pulau Pinang untuk masukkan itu dalam warisan *heritage* ini tempat yang 2,000 tahun ada di sana, saya minta pihak berkuasa untuk masukkan dalam warisan *heritage*, masukkan dalam warisan kenapa ini tempat yang mustahak sekali yang lama sekali saya minta pihak yang berkenaan untuk masukkan ini dalam warisan, warisan di Batu Uban, Kampung Batu Uban. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya, Sungai Pinang.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Yang Berhormat Timbalan Speaker yang dimuliakan dan Ahli-Ahli Dewan yang dihormati. Terima kasih saya ucapan kerana diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan 2014 yang dibentangkan oleh Ketua Menteri pada Jumaat yang lalu. Melalui ucapan Ketua Menteri yang lalu berkenaan Bajet Kerajaan Negeri 2014. Peruntukan bagi agenda memperkasakan wanita khususnya ibu tunggal melalui dasar dan pelan tindakan jagaan kanak-kanak justeru menjadi negeri pertama di Malaysia. Terima kasih dan syabas. Tapi, satu perincian berkenaan modul dan konsep serta peluang kepada golongan ibu tunggal dan beliawanis mendapat tempat di dalam bidang ini serta diberi perhatian yang sewajarnya. Tidak lupa juga diharap Kerajaan Negeri dapat membantu kelompok ibu tunggal dan beliawanis tersenarai di dalam agenda ekonomi negeri khususnya sektor pembuatan industri kecil dan sederhana, produk keluaran hasil tani dan sebagainya. Peranan wanita di dalam memangkin ekonomi tempatan memang tidak dapat dinafikan

lagi. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi satu tanggungjawab Kerajaan Negeri dalam membantu golongan ini. Program berupa khidmat nasihat, pendidikan dalam mengurus perniagaan, kesedaran kesihatan dan tanggungjawab sosial perlu diperluaskan lagi oleh Kerajaan Negeri. Tahun 2013 adalah tahun wanita Pulau Pinang bangkit dan memberi sokongan padu untuk Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dalam Pilihan Raya Umum ke-13. Kebangkitan ini adalah selaras dengan sokongan polisi dan dasar yang mementingkan pembangunan wanita yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Pelantikan Yang Dipertua MPSP dan MPPP dan Pegawai Daerah serta bantuan ibu tunggal AES, mikro kredit PTSR dan penubuhan PWDC adalah antara usaha murni Kerajaan Negeri sebelum Pilihan Raya Umum Ketiga Belas dalam pembangunan dan pengiktirafan wanita di Negeri ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Jangan lupa untuk sebut Setiausaha Dewan juga adalah seorang wanita.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Ya, terima kasih. Sehubungan dengan itu, untuk membalas jasa budi sokongan wanita itu, maka Yang Amat Berhotmat Ketua Menteri, Tuan Lim Guan Eng telah mencadangkan penubuhan Briged Wanita untuk pembangunan wanita. Ianya satu badan sukarela di bawah Kerajaan Negeri untuk memelihara kebajikan wanita di seluruh Pulau Pinang dengan aktiviti utama pendaftaran ibu tunggal untuk program bantuan ibu tunggal, pendaftaran wanita untuk program Ibu Emas, Program Mamogram percuma, skim pinjamam mikro kredit PTSR dan menggerakkan wanita untuk lain-lain aktiviti yang memanfaatkan wanita dan komuniti tempatan. Perancangan dan pelaksanaan badan sukarela ini juga merealisasikan impian Wanita Berdaya Negara Sejahtera. Bagi KADUN Sungai Pinang, pihak PWDC telah melaksanakan Projek Belanjawan Responsif Gender iaitu GRB di Pangsapuri PPR Jalan Sungai yang bertujuan untuk mengenal pasti bahawa kelompok masyarakat yang berlainan mempunyai keperluan yang berbeza. Ianya julung kali diadakan dengan kerjasama MPPP dan PWDC dan PPR di KADUN Sungai Pinang terpilih dalam usaha mengenal pasti kehendak rakyat miskin dan membuktikan bahawa pembangunan sosial, ekonomi dan kesejahteraan rakyat miskin di KADUN ini tidak terabai dan selaras hasrat murni Kerajaan Negeri membasmikan kemiskinan di negeri ini.

Terima kasih dan syabas. Program ini merapatkan jurang di antara pembekal perkhidmatan MPPP dengan pengguna perkhidmatan iaitu penduduk PPR Jalan Sungai. Program ini membuktikan penglibatan komuniti dalam hala tuju perancangan bajet dan ianya digunakan sebaiknya untuk kepentingan rakyat dalam fokus keselamatan, rekreasi, infrastruktur dan kebersihan. Hari Undi Bajet dan Keperluan, julung kalinya diadakan di KADUN Sungai Pinang dalam flat PPR tersebut. Projek perintis selama tiga tahun dari 2012 hingga 2014 meningkatkan penglibatan rakyat golongan miskin dengan memberi peluang menyuarakan keperluan-keperluan menerusi dialog dan kumpulan tumpu bincang. Malah ianya juga berjaya mengumpulkan wanita untuk terlibat sama dalam organisasi komuniti dan keperluan serta kehendak mereka didengar. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana tidak pinggirkan kepentingan rakyat yang kurang berupaya dan mendengar. Wanita di Negeri ini terlibat dengan pelbagai peranan sama ada pekerja, suri rumah, ibu, usahawan maupun belajar.

Bagi memenuhi kehendak pelbagai peranan wanita maka Bajet 2014 yang dibentangkan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Tuan Lim Gan Eng adalah bajet merangkumi pelbagai insentif untuk memperdayakan wanita dalam peranan tersebut. Misalnya program bantuan Ibu Tunggal dan Ibu Emas adalah program bantuan dalam mengiktirafkan peranan wanita dan usaha usaha murni mereka untuk pembangunan komuniti, keluarga, dan Negeri. Program Mikrokredit PTSR dan Tabung Usahawan Tani Muda akan membantu wanita dalam bidang usahawan dan memacu pertumbuhan sosioekonomi wanita. Umum ketahui bahawa kanser payu dara adalah penyakit pembunuhan utama wantia di negara ini malah kajian juga menunjukkan 94% wanita terima rawatan untuk penyakit ini di hospital telah berada dalam tahap kritikal. Punca utama keadaan ini adalah wanita tidak tahu bahaya ketumbuhan, tidak rasa ketumbuhan dan terlalu bergantung kepada rawatan tradisional. Penyakit ini tiada simptom ketara kecuali bengkok dan tidak sakit dan kebanyakan wanita tiada pengetahuan keberkesanan saringan awal dan tidak membuat saringan awal sehingga ketumbuhan merebak ke tahap kronik. Ketumbuhan kanser ini boleh dikesan melalui mammogram. Program Mammo Penang yakni pemeriksaan Mammogram percuma adalah satu usaha murni untuk mengurangkan kadar peningkatan penyakit kanser payudara di negeri ini. Sepertimana dinyatakan dalam pembentangan Bajet 2014 sebanyak RM3.5 juta diperuntukkan dengan mensasarkan pemeriksaan terhadap 52,000 orang wanita adalah suatu usaha murni yang membuktikan Kerajaan Negeri sayangi wanita Pulau Pinang dan mementingkan kesihatan kaum hawa untuk kesejahteraan Negeri ini. Ianya juga menyumbangkan pembangunan wanita yang memberi kesan kepada pembangunan masyarakat dan keluarga dan menjadikan Negeri ini bertaraf antarabangsa dan pintar.

YB. Timbalan Speaker, pendidikan adalah kunci kepada kejayaan, pendidikan di peringkat pra-sekolah perlu dilihat kembali akan kepentingannya, kewujudan pusat asuhan kanak-kanak yang umpama cendawan selepas hujan mengundang kepada pro dan kontra, misalnya, baik kepada ibu bapa yang berkerjaya dan bagi memilih yang terbaik untuk anak-anak mereka mendapatkan pendidikan awal yang terbaik melalui tawaran program oleh Pusat Asuhan Kanak-kanak. Seringkali kita membaca di dalam surat khabar, malah ada juga video-video yang telah dimuat turun oleh pengguna media sosial berkenaan penderaan yang dilakukan terhadap anak-anak yang di hantar ke Pusat Asuhan, maka dengan itu satu keperluan dalam pemantauan yang lebih agar tiada salah laku urus tadbir dilakukan Pusat-pusat Asuhan tersbut, melalui agensi-agensi yang sedia ada oleh Kerajaan Negeri atau mewujudkan Pra Sekolah di bawah selia Kerajaan Negeri. Adalah perlu di bawah EXCO Wanita mempelopori agenda ini dengan menujuhkan Pusat-pusat Asuhan, TADIKA, TASKA atau seumpamanya di setiap KADUN sekali gus bakal membuka peluang kepada golongan wanita dalam agenda pendidikan di mana wanita lebih sinonim dengan identiti pendidik sejak dulu lagi. Keupayaan wanita juga telah terserlah sejak dahulu lagi seperti pepatah Melayu tangan yang menghayun buaian mampu menggongcang dunia. Disebalik kejayaan seorang lelaki itu ada seorang wanita. YB. Timbalan Speaker, masalah kemiskinan, masalah kemiskinan adalah antara tajuk utama di dalam Bajet Kerajaan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih Yang Berhormat saya ingin minta laluan ini bercakap tentang kejayaan lelaki dan disebaliknya ada seorang wanita. Saya tertariklah dengan ucapan Yang Berhormat dan juga kita berbalik kepada persidangan UMNO, kita berbalik kepada persidangan UMNO, mungkin Yang Berhormat boleh beri ulasanlah, mungkin sebab itunya kita lihat Perdana Menteri kita menyayangi isterinya Rosmah begitu banyak sangat sehingga beliau boleh menggunakan dana rakyat untuk hantar beliau menaiki penerbangan swasta tanpa menggunakan perkhidmatan dalam sistem *Airline*, Malaysian Airline System. Dan juga ada dakwaan tuduhan, tapi saya kurang pasti berkenaan tuduhan ini bahawa beliau risau untuk menggunakan perkhidmatan Malaysia Airline kerana beliau terlalu sangat menyayangi isterinya. Kita menyayangi semua wanita di Pulau Pinang, dan seperti Yang Berhormat katakan tadi semua program Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah bagi manfaat wanita majmuk di Pulau Pinang kerana kita menyayangi semua wanita, bukan isteri kita sendiri sahaja, tapi semua wanita. Berbanding dengan Perdana Menteri yang hanya menyayangi isteri beliau dan sanggup menggunakan wang rakyat membelanjakan wang rakyat untuk menghantar isteri beliau ke luar negara untuk membeli belah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya terpanggil sebab saya rasa YB. Seri Delima patut kita hantar dia jadi Ahli Parlimen. Sebab selalu isu yang dibawa orang tersebut tidak ada dalam Dewan. Tidak ada memang payah. Saya nak cadangkan kepada Y.A.B. Ketua Menteri penggal depan bagi Ahli Parlimen satu kerusi kepada beliau dan tanya soalan-soalan terus kepada Y.A.B. Perdana Menteri. Biar dia yang jawab. Saya nak jawab pun, saya tidak tahu cerita dia. Beli biar pi urusan Kerajaan ke, sebab saya DUN sahaja jadi yang kedua saya ingat tahun depan Majlis Perhimpunan Agung UMNO, kalau tak silap saya YB. Dato' Seri Anwar pun hadir mesyuarat agong baru ini. Saya nak jemput khas pada Seri Delima hadir sekali bersama saya dalam Perhimpunan Agung, duduk sebelah saya tapi luar sikitlah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Sungai Pinang. Teruskan.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Saya menyokonglah. Dia memang layak jadi Ahli Parlimen. Cuma dia kalah sikit dalam pertandingan DAP pusat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat Jawi, minat juga dengan pilihan raya kita juga. Tapi saya nak ulas balik.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima tidak perlu. YB. Sungai Pinang teruskan.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Saya rasanya isu wanita ini hebat juga dan saya percaya di sini semua kaum lelaki sayang kepada wanita.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Bukan isu wanita Yang Berhormat, isu Kak Rosmah yang hebat.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Masalah kemiskinan adalah antara tajuk utama di dalam Bajet Kerajaan Negeri, di antaranya adalah program basmi kemiskinan seperti miskin tegar dan projek perumahan rakyat (PPR). Untuk pengetahuan semua, projek perumahan rakyat di Pulau Pinang dipecahkan kepada dua agensi Kerajaan yang bertanggungjawab di dalam mengurus dan mengawal selia iaitu pertama, perumahan negeri di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan kedua Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Memandangkan jumlah keseluruhan tunggakan sewa dan penyelenggaraan adalah sebanyak RM5 juta dan ini tidak termasuk lagi flat PPR di Jalan Sungai yang tunggakan sewa telah mencatat RM89 ribu pada Mei 2013. Saya bangkitkan ini ialah tunggakan sewaan di perumahan PPR ataupun di Sekim Perumahan Awam. Jadi saya rasa tindakan perlu diambil ke atas penyewa yang tidak bayar sewa, walaupun mereka mampu membuat pengubahsuaian premis. Premis mereka begitu canggih dan mewah. Yang ini tidak sepatutnya di kawasan perumahan awam untuk golongan yang miskin. Tapi yang mampu membuat pengubahsuaian, tidak mampu membayar tunggakan sewa. Ini saya rasa isu ini agak serius. Kalau cuma di PPR Sungai Pinang pun sudah mencatat ke RM890 ribu hingga Mei 2013.

Jadi yang ini saya rasa tindakan perlu diambil dengan lebih ketat lagi, tetapi masih ada golongan yang betul-betul miskin. Saya rasa yang ini adakah Kerajaan Negeri wujudkan satu tabung khas bagi menangani masalah sewa tertunggak yang berlaku akibat ketidakupayaan membayar oleh penyewa yang benar-benar susah dan miskin seperti golongan ibu-ibu tunggal atau OKU berikutan berlakunya banyak kes-kes yang sedemikian. Yang ini saya nak buat seruan....(gangguan).

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Minta laluan. Adakah YB. Sungai Pinang maklum bahawa sebelum 2008 sebenarnya ada satu skim bantuan miskin bandar tetapi selepas 2008 dana tersebut daripada EPU telah diambil balik. Sebenarnya skim ini tolong orang-orang miskin yang tinggal di bandar yang tidak mampu bayar sewa mereka akan bantulah. Saya harap mungkin mereka boleh kaji balik skim yang sama seperti ini.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih YB. Komtar. Skim EPU daripada *federal*. Kita akan kaji tentang yang ini. Jadi saya sekali lagi tegaskan kerana saya rasa ada kelemahan dalam urus tadbir dalam kes-kes PPRT. Banyak perumahan awam seperti di Kampung Selut yang dibangkitkan kelmarin oleh YB. Permatang Berangan dan juga yang ini sudah berpuluhan puluh tahun tinggal di tempat itu. Adakah mereka masih berkelayakan atau perlunya memberi peluang kepada golongan yang miskin yang telah menunggu di dalam senarai menunggu selama ini.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, terima kasih kepada Kerajaan Negeri didalam Bajet 2013 yang lepas di mana memperuntukkan bagi membina gelanggang futsal di setiap daerah dapat dicadang diteruskan lagi kepada setiap DUN di dalam Negeri Pulau Pinang. Golongan belia khususnya yang tercicir dalam pelajaran, perlu diberi peluang kedua melalui program kemahiran seperti pembuatan atau usahawan melalui PDC mahupun Agensi Kerajaan yang sedia ada supaya membantu dari segi pendidikan dan bantuan pengurusan perniagaan dan hala tuju belia dalam membantu menjana ekonomi Negeri. Satu kajian berkenaan minat, peluang, ruang perlu diberikan kepada belia tidak hanya kepada sukan semata-mata, banyak lagi sektor di mana boleh diceburi oleh belia bak kata pepatah "Belia Tonggak Negara."

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana bercadang memasang CCTV di kawasan *promenade* Sungai Pinang di DUN Sungai Pinang ekoran masalah jenayah seperti samun dan ragut. Yang ini saya telah bangkitkan di dalam soalan bertulis saya. Untuk pengetahuan Ahli Dewan sekalian, kawasan *promenade* Sungai Pinang ini menjadi tumpuan pengunjung tempatan dan juga luar negeri. Ia berpotensi tinggi menjadi salah satu destinasi pelancongan bagi tujuan riadah dan bersosial serta mampu menjana ekonomi masyarakat setempat dan juga Kerajaan Negeri.

Saya ingin sentuh mengenai masalah kesesakan lalu lintas juga adalah isu yang perlu diketengahkan oleh Dewan ini agar diperbincangkan terutamanya di Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu, Jalan Masjid Negeri dan Jalan Jelutong. Jalan Jelutong misalnya mengalami kesesakan yang amat sangat berikutan kenaikan pengguna jalan raya akibat peningkatan jumlah penduduk disebabkan kewujudan perumahan baru di dalam kawasan Jelutong khususnya di KADUN Sungai Pinang. Walaupun ada satu pelan perancangan yang dikenali sebagai Pelan Induk Pengangkutan oleh Kerajaan Negeri yang telah dilancarkan dengan rasminya pada 25 Mac 2013 di mana ia menekankan tentang penambahbaikan dalam perkhidmatan awam seperti pengangkutan bas awam. Masalah pemajuan perumahan dan pembangunan serta halangan-halangan yang berpotensi membantu kepada kesesakan lalu lintas di sepanjang laluan utama masuk keluar ke pusat bandar perlu diberi perhatian sewajarnya oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat. Sedarkah Yang Berhormat bahawa baru-baru ini ada satu cadangan yang dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri kepada Kerajaan Persekutuan memohon lebih kurang 500 bas diantar di mana Ketua Menteri juga

mencadangkan telah membuat tawaran bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membaiayai kos RM10 juta supaya semasa waktu puncak penduduk di kawasan terutamanya di keliling KOMTAR dan sekitarnya boleh menaiki bas tersebut dan mendapat perkhidmatan percuma dan meninggalkan kenderaan mereka di rumah di mana kesesakan akan berkurangan tetapi sedarkan Yang Berhormat bahawa Kerajaan Persekutuan walaupun diberi tawaran tersebut yang begitu baik telah menolak tawaran tersebut dan sehingga hari ini tidak memberi maklum balas positif tentang bila perkhidmatan atau bekalan 500 bas itu akan sampai ke Pulau Pinang. Ini adalah salah satu perkara yang dikatakan Kerajaan Pulau Pinang telah dianaktirikan.

Saya lihat dalam liputan surat khabar Utusan itu bukan *the people's paper* lah yang hanya buat liputan satu belah yang menyatakan bahawa Yang Berhormat TelOk Ayer Tawar telah menempelak saya menyatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak dipinggirkan, tapi ini adalah salah satu bukti yang jelas menunjukkan bahawa permintaan-permintaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak diberi perhatian semata-mata Kerajaan ini adalah Kerajaan Pakatan Rakyat. Cuma saya ingin menambah perkara itu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta laluan. Saya rasa Ahli Seri Delima ini cakap saja banyak. Sebenarnya dia tidak tahu cerita. Mungkin EXCO atau Ahli Padang Kota boleh memberi ulasan di dalam penggulungan nanti dengan lebih jelas. Tapi Ahli Seri Delima nak jadi *spokesman*, tukang cakap untuk semua, dia nak jadi tukang cakap untuk Ketua Menteri pun tak tahu dia berangan-angan nak jadi Ketua Menteri tu. Jadi YB. Timbalan Speaker, boleh saya teruskan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta kalau...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

*This is my floor.* Tidak minta izin pun...(gangguan). Seri Delima tidak minta laluan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Okey. Saya minta laluan. Sebagai seorang peguam saya begitu dukacita bagaimana anda boleh memperolehi kelayakan sebagai seorang peguam. Saya bercakap ini ada bukti dan saya seorang peguam....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya belum habis lagi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Telok Ayer Tawar tak berani untuk berdebat di sini jangan berdebat. Bila saya bangkitkan isu terus lari keluar, terus lari keluar buat tuduhan melulu. Jangan begitu Yang Berhormat. *Conduct yourself with honour.* Saya berhujah di sini bukan kerana jadi *spokesman*, kerana saya baca. *I got all the paper cuttings are here.* Bukan saya berleter di sini seperti Yang Berhormat pergi ambil gambar Ketua Menteri dan sebagainya buat tuduhan melulu. Saya ada bukti tiap perkara yang saya bangkitkan di sini saya ada bukti. Liputan surat khabar Utusan saya ada bukti...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Yang gambar itu saya bangkitkan, itulah bukti. Saya bukan mereka-reka cerita.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya di bidang politik dalam kerjaya saya tidak dilatih untuk keluar berhujah tanpa bukti. Jangan lupa perkara itu.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Yang Berhormat sekarang boleh saya teruskan. Saya pun tak lupa Seri Delima. Saya pun dah jadi ahli politik dah hampir 20 tahun. YB. Tuan Speaker, kalau saya tidak silap di dalam perundingan antara Kerajaan Negeri dengan Syarikat Bas Rapid Penang, satu faktor yang timbul adalah tawaran RM10 juta. Tidak mencukupi untuk menampung kerugian kutipan tambang semasa waktu puncak. Itu satu daripada sebabnya kenapa perundingan yang berlaku tentang tawaran Kerajaan Negeri itu tidak dapat diteruskan. Jadi saya rasa tentu Kerajaan Negeri tidak *give up* ....(dengan izin), perkara ini boleh terus dirundingkan belum lagi selesai. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih. Saya berharap Kerajaan Pusat yang tidak akan kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah Kerajaan Pakatan Rakyat yang tidak ambil berat tentang kepentingan di sini. Saya harap untuk kebaikan rakyat Pulau Pinang. Apa yang kita bangkitkan di sini adalah untuk kepentingan rakyat Pulau Pinang. Saya juga berharap satu pelan perancangan yang lebih kondusif di antara Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi penguatkuasa Persekutuan dalam menangani masalah berbangkit agar semua pihak mendapat manfaat diatas pembangunan yang sedang rancak dijalankan di kawasan Jelutong khususnya.

YB. Timbalan Dato' Speaker, tahniah juga kepada Kerajaan Negeri kerana berjaya mengekalkan Program Sumbangan Emas seperti Warga Emas, Pelajar Emas, Anak Emas, Ibu Tunggal yang menelan perbelanjaan sekitar RM75 juta bagi tahun 2014, termasuk juga Program Ibu Emas yang diperkenalkan pada tahun hadapan. Adalah diharapkan program-program ini mendapat kerjasama di pihak pembangkang supaya maklumat ini sampai kepada golongan sasar sejajar dengan tujuan pelaksanaan program ini untuk menghargai serta mengiktiraf jasa dan sumbangan mereka.

Di dalam bajet Kerajaan Negeri, sebanyak RM250,000 diperuntukkan untuk aktiviti belia dan sukan di kelima-lima daerah. Itu, ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai *Sports City*. Saya mencadangkan Kerajaan Negeri mewujudkan dari modal khusus untuk pembangunan modal insan membabitkan belia. Sebelum ini, Biro Tata Negara (BTN) menerima kritikan banyak pihak kerana didedah menyemarakkan fahaman *racist* kepada pihak sasaran. Begitu juga dengan Program Khidmat Negara yang didakwa tidak memberi manfaat yang banyak kepada para pelatih. Dalam pada itu, rakyat memberi perhatian kepada SPICE yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. SPICE dikatakan lebih bermutu, berbanding Program Khidmat Negara dan Biro Tata Negara (BTN) sendiri. Justeru, saya mencadangkan suatu modul khusus diwujudkan menggunakan sebahagian daripada peruntukan RM250,000 untuk *pilot test* untuk tujuan pembangunan modal insan. Saya mohon menyokong.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

*Assalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh.* Selamat sejahtera kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat sekelian. Saya nak berucap sedikit mengikut peraturan mesyuarat dia kata di sini Peraturan 46 (v) seorang ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi membaca cabutan risalah yang bertulis dan dicetak untuk menyokong untuk itu saya tidak buat tak ucapan, dia juga boleh terlalu panjang. Kalau tidak mahu bagi panjang jangan tanya banyak-banyak. Mengenai bajet ini saya bukanlah seorang akauntan atau *background* dalam akaun tapi saya baca dalam ini ada dua (2), tiga (3) perkara saya nak bangkit di sini BOT 7300 perolehan daripada jualan barang-barang bernilai RM286 juta. Ini telah menyokong defisit kita sebenarnya kerana saya saya tidak ada *background* akaun lama jenuh saya cari barang apa sampai mahal lagu tu di Pulau Pinang, rupanya saya dapati semua itu disenaraikan pembayaran premium tanah, BOT 7360, premium tanah tukar syarat, premium tanah tanah milik, premium tanah bayaran khas semua ini di masukkan di bawah jualan barang. Saya nak cadang kita pisahkan dua (2) perkara ini supaya mudah nak buat rujukan. Untuk itu, bila kena pastikan penjualan barang-barang itu, adalah daripada tanah ingin saya minta sedikit penerangan terperinci Y.A.B. Ketua Menteri dalam penggulungannya di manakah lokasi tanah berkenaan? Berapakah keluasan tanah yang terlibat? Siapakah dan taraf warganegara manakah menjadi pelabur kepada tanah itu? Apakah tujuan pembangunan tanah tersebut? Siapakah sasaran pasaran? Sebagai contoh kalaular tanah itu kita guna untuk jual pembelinya daripada pelabur mana contoh membuat rumah kalau tanah itu harga kalau lima (5) ekar contoh RM200 juta sebagai contoh sudah tentu satu kaki persegi ribuan ringgit, bentuk rumah yang macamana dia akan buat atas tanah itu sebenarnya kita buat atas saiz tanah yang kecil rumah mesti mahal bila rumah mahal pembeli mana yang boleh beli? rakyat Pulau Pinang ke? ataupun pembeli luar Negara?

Sekiranya kita terlalu mahal rakyat Pulau Pinang tidak mampu membeli kita telah membawa Pulau Pinang kepada pasaran terbuka untuk seluruh dunia sebagai contoh kalau kita buat rumah RM5 juta, RM6 juta, dan RM7 juta tidak ada ramai orang Pulau Pinang boleh beli sudah tentu rakyat Pulau Pinang tidak boleh beli sebagai contoh Negeri Indonesia yang mempunyai jumlah penduduk 280 juta kalaular 10% daripada rakyat yang kaya bersamaan seluruh penduduk Malaysia yang ada ini 28 juta orang dan kalau kita ambil Negara China 1.2 billion kalau 10% yang kaya *US Dollar* katakan mereka hampir 100 juta orang kaya dan begitulah ada penawaran rumah dan *demand*

ini, *supply* ini akan meningkatkan harga dan kita tidak dapat kawal harga tanah di Negeri Pulau Pinang dan di Pulau Pinang tidak ada tempat-tempat strategik, yang elok, yang cantik kerana tempat kita jadi rebutan oleh seluruh dunia. Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat adakah kita dapat kawal perkara ini saya mohon perkara-perkara ini diberi sikit maklumat di negeri kita semua kalau kita tidak jaga, dan kita semua lahir di sini kita tidak tahu akhirnya di mana, kita tidak tahu kuburnya di mana, berakhir di Jerlun, Kedah kah atau di mana-mana kalau kita plan, ini semua *insya-Allah* kita boleh selesaikan masalah ini.

Isu yang kedua bila saya rujuk bajet ini saya dapati kita di Pulau Pinang baru-baru ini walaupun kita di ada monsun hujan bulan dua belas (12) tapi tahun ini nampak teruk sikit kawasan banyak yang banjir seluruh Pulau Pinang saya dapat data dari Majlis Keselamatan Negara 850 buah rumah terjejas Seberang Perai Utara, 194 buah rumah terjejas, 1,200 bilangan mangsa, Seberang Perai Tengah 1,318 buah rumah, 4,024 mangsa yang terlibat. Saya mintalah Kerajaan Negeri sebab Kerajaan Negeri dikawal parti tiga (3) kompenen buat bajet penambahan isu banjir ini saya tengok peruntukan untuk Jabatan Pengairan dan Saliran bagi RM13 juta saja kalau boleh tambah lah sikit peruntukan untuk kita mengatasi masalah ini.

Ketiga Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyatakan hasrat untuk membina sejumlah 20,000 unit harga RM400,000 seunit mulai akhir 2013 hingga tahun berikutnya RM500 juta itu hasrat yang baik untuk kita buat rumah ini, tapi walau bagaimanapun saya percaya Kerajaan Negeri telah membuat kajian terperinci, sekiranya buat kajian itu saya nak dapat sedikit maklumat 400,000 unit. Kalau kita ambil contoh mesti kita ada sasaran kumpulan pendapatan anak muda, umur macam mana, sebab saya lihat betul, kalau tak betul minta perbetullah kalau gaji RM6,000.00, pinjaman kereta RM1,000.00, pinjaman rumah RM2,000.00 kalau dia buat loan 25 tahun, utiliti elektrik, air semua RM250.00, sara hidup RM1,500, sekolah tuisyen anak RM500.00, KWSP RM660.00 cukai berjadual RM120.00 maka dia ada akan ada defisit bajet. Itu untuk pendapatan RM6,000.00 bagaimanakah kalau orang yang pendapatan RM4,000.00 syarat yang macam mana nak yang kita hendak anjak ini. Kalau boleh Kerajaan Negeri yang memerintah Negeri ini cuba fikirkan satu cara alternatif macam mana nak perelokan lagi supaya nak bagi sampai pada sasaran bagaimana nak tahu semua orang Pulau Pinang dapat miliki rumah saya harap harga RM400,000 unit kalau boleh dikurangkan sebab boleh bekerja dengan pihak swasta kita kena faham ini. Lagi satu (1) perkara supaya pihak Kerajaan Negeri harus teliti ini tengok dengan pengurusan seperti dinyatakan dalam anggaran bajet baru-baru ini.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta laluan. Terima kasih. Saya dah tanya beberapa kali dia selalu melenting dengan saya. Dengan YB. Telok Bahang saya dah tanya pagi tadi memang saya akui perkara ini serius pendapatan RM6,000.00 mendapat dia susah untuk menampung perbelanjaan ini. Jikakalau Yang Berhormat begitu prihatin rakyat Pulau Pinang juga golongan pendapatan rendah atau pendapatan sedarkah Yang Berhormat kenaikan 15% elektrik, dan juga pengurangan subsidi petrol 11%, pengenalan GST dan juga pengurangan subsidi gula, secara tidak langsung membebankan rakyat, beban ini tidak boleh diberi penjelasan langsung berbanding dengan harga rumah-rumah telah melambung.

Saya minta Yang Berhormat Penjelasan kalau memberi penjelasan TNB ada monopoli dan kita juga tidak dapat memberi penjelasan walaupun perkara ini telah dinyatakan beberapa kali oleh Ketua Umum PKR berkenaan dengan Malaysia menjadi Negara petroleum yang dapat menjelaskan kenaikan harga mendadak petrol. Setuju Yang Berhormat perkara-perkara itu wajar yang diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan yang boleh meringankan beban rakyat bukan saja di Pulau Pinang tetapi seluruh rakyat Malaysia ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Mohon laluan. Saya tertarik dengan Yang Berhormat mengenai isu hutang golongan muda yang menyebut gaji dalam gaji RM6,000.00. untuk beli rumah, tapi kalau nak dapat gaji RM6,000.00 belajar kena bagus la. Kena masuk universiti, tapi majoriti nak dapat itu, kena masuk universiti dapat pendidikan terbaik kemudian baru boleh besar kalau gaji RM6,000.00, RM6,000,00 itu besar. Saya dulu tidak macam itu walaupun seorang Doktor Perubatan, tetapi YB. Telok Bahang dalam mengurangkan hutang-hutang yang ditanggung oleh golongan muda, mengapa golongan muda-muda sekarang ini, di peringkat pusat begitu *reluctant* sangat berat hati untuk memberikan pendidikan percuma kepada golongan anak muda yang ada negara kita, tetapi lebih rela menaikkan tarif elektrik dengan subsidi lebih RM19 bilion kepada IPP yang ada. Kenapa begitu atau saya kata membela IPP ini tauke-tauke besar tapi bila kita membela untuk kepentingan rakyat, Telok Bahang daripada parti Barisan Nasional tidak boleh menggesa Kerajaan Pusat untuk sama-sama mengurangkan beban hutang ini kerana Kerajaan Negeri nak kurang beban hutang ini bukan satu tugas yang mudah, kerana bagi Kerajaan Negeri ini satu tugas mudah, ini satu masalah Negara bukan satu Pulau Pinang sahaja. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Okey terima kasih Yang Berhormat daripada mana, mata kelabu sikit. Seberang Jaya. Kedua-dua soalan itu menjurus kepada perkara yang sama. Sebenarnya saya ini dekat Dewan sidang DUN saya bukan Dewan sidang Parlimen. Walau bagaimanapun saya cuba jawab senang, kalau dekat Parlimen senang saya tanya, saya kalih dekat Menteri Tenaga jawab, kalau dekat Parlimen senang jawab soalan itu. Saya ada tidak ada pegawai-pegawai maklumat yang boleh bagi benda ini. Walau bagaimanapun saya percaya apa sahaja tindakan yang ambil mesti ada pro dan kontra dan apa sahaja yang berlaku itu mesti ada jawapannya. Saya bukannya orang yang sesuai untuk menjawab benda itu sebab saya tidak akses maklumat-maklumat ini. Sebagai contoh Kerajaan Negeri nak naikkan bil air, tarif air mesti sudah buat kajian, begitu juga dengan TNB, dengan semua ini kan kalau soalan itu dibeban pada saya, saya boleh menjawab tanpa mempunyai maklumat yang tepat tapi dari segi konsep dia saya percaya macam mana Kerajaan Negeri naikkan bil air, tarif air, surcaj itu begitu juga Kerajaan Negeri ada jawapan kepada perkara itu. Begitu juga dengan Kerajaan Pusat, saya tengah syok ni....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sikit lagi sedikit Yang Berhormat, sikit saja, berkenaan dengan kenaikan tarif air itu biar EXCO jawablah, nanti saya bagi penjelasan Yang Berhormat Telok Ayer Taraw akan marah dengan saya pula dia kata saya cakap banyak pula, tapi saya nak tanya pendirian Yang Berhormat sebagai seorang rakyat Pulau Pinang dan wakil rakyat adakah Yang Berhormat hadir semasa persidangan UMNO minggu lalu dan adakah diberi peluang untuk berucap sebagai perwakilan, adakah anda telah memberitahu nas-nas ini kepada perwakilan yang hadir, memberitahu Menteri-menteri berkenaan yang hadir, Perdana Menteri yang hadir, Timbalan Perdana Menteri yang hadir, apakah pandangan anda sendiri sebagai rakyat Pulau Pinang membebankan rakyat tentang kenaikan tarif elektrik, kenaikan gula, petrol dan sebagainya, terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Terima kasih YB. Seri Delima, saya pun macam nasib Yang Berhormat juga saya hadir perwakilan UMNO, tapi saya tak dapat peluang untuk berucap, sama juga macam Yang Berhormat masuk pertandingan CEC, DAP tapi tak menangkan ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Pembetulan CEC, saya tarik balik Jawatankuasa Negeri saya bertanding.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Menang?

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tapi kalah ... (ketawa) .... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Kita mempunyai nasib yang sama ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tapi nyaris-nyaris. Kalah tu mereka go up masuk balik jugalah pintu belakang tapi *no problem* tak ada masalah itu hal parti. Kita bincangkan tentang sekarang soal rakyat... (gangguan), kita bincang tentang soal rakyat ni, itu saya minta jawapan, terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya memang nak jawab, saya nak jawab, sebab soalan Yang Berhormat adakah saya pergi berucap dan beritahu kepada rakyat, Ahli UMNO tarif elektrik yang didakwa membebankan kita. Saya bagi tahu saya tak dapat peluang berucap kerana ada proses, pemilihan dia. Macam Yang Berhormat juga, bertanding nampak saya tak dapat peluang untuk berucap dan saya nak tanya dalam Dewan ini.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sikit lagi Yang Berhormat, sebelum teruskan, walaupun tak berucap saya percaya sebagai salah seorang perwakilan yang hadir bolehlah berjabat tangan dengan Perdana Menteri, bisik-bisik beritahu dengan Perdana Menteri hal ini, kalau Perdana Menteri boleh hantar isteri dia keluar negara naik kapal terbang, takkan boleh tak boleh bisik, boleh bisik hal ini kan..(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak payah sentuh hal itu, sila teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tak ada masalah tak perlu berucap.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan tak perlu jawab. Seri Delima.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Apa ini tahun depan saya akan berusaha *insya-Allah*, ramai bukan sikit, ramai kena ambil nombor, perwakilan bukan sedikit, ramai, yang *on the way* kena ambil nombor kalau boleh kena ambil nombor, tapi nombor dia tak bagilah. Saya ingat tahun depan ikut sayalah, *don't worry* lah kita salam sama-sama, kita bisik sama-sama sekali. Dalam negara hendak jadi naik, ini satu dilema untuk menjadi negara yang berprestasi tinggi, kita kena kurangkan subsidi, itu tarif ekonomi, kalau salah perbetulkan, yang saya bacalah dia kata kena kurangkan subsidi tapi bab-bab kenaikan ini sebagai harga gula, ini kalau kita tengok dalam satu harinya, berapa banyak kopi yang kita minum, teh yang kita minum *fundamental issue*.....(dengan izin), bukan kerana subsidi itu *fundamental here* kerana peniaga yang ambil peluang, peniaga yang naikkan harga, kalau kita ambil kos satu sudu untuk satu cawan, satu sudu untuk satu cawan tak sampai 10 gram, tetapi bila naik dikurangkan subsidi tiba-tiba teh tarik RM1.50, RM1.80 sebenarnya Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat kena kerjasama buat *task force*, pi cari peniaga-peniaga yang ambil *advantage* dan dia syok-syok saja nak buat, turun sikit subsidi itu dia roti canai naik dan kopi kalau kita kira kos kopi itu dikira berapa sen saja. Ini yang *fundamental issue*. Untuk menjadikan negara yang berprestasi tinggi, kita kena kurangkan subsidi, tetapi diambil kesempatan oleh orang-orang yang macam ini, kalau kita boleh buat *task force together*, saya percaya banyak masalah boleh selesai... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Minta laluan, terima kasih YB. Telok Bahang, YB. Telok Bahang memang bersetuju, saya bersetuju bahawa untuk proses ekonomi yang baik perlu ada pengurangan subsidi, mengurangkan perbelanjaan Kerajaan, tetapi masalahnya sekarang ini, kita bercerita soal subsidi yang diberi kepada kroni-kroni IPP ni sampai RM19 billion.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Tak ada *proof*.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Apa pula tak ada *proof*, kita tahu siapa dia, yang itu tak dikurangkan tapi bila melibatkan rakyat, kita kena kurangkan kerana oo nanti kena kencing manis, kena itu, kena ini tak boleh *perform*, macam-macam semua disebut untuk *justify* kurangnya subsidi gula ini. Saya nak ambil satu analogi sebagai contoh sebab saya pun terlibat dalam usaha-usaha rokok sekarang ini, rokok naik harga 4, 5 kali lah tapi orang hisap rokok tak pernah kurang pun, macam gula juga cuma gula ini tuan-tuan, Yang Berhormat minta maaf gula ini melibatkan semua orang. Semua orang, orang di kampung guna gula, orang kerja kantin guna gula, makcik jual kuih di tepi jalan pakai gula kenapa itu yang Kerajaan Pusat nak tekan yang lain tak mahu ambil perhatian... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat satu saja, saya minta laluan Yang Berhormat sebelum itu, *very short very brief*, kalau kita lihat ini ialah perkara mungkin yang kita boleh mengurangkan. Tiga (3)M keluar negara dibayar sebanyak RM980,000 gaji setahun iaitu di antaranya Datuk Seri Jamaludin Jarjis (Amerika Syarikat), Tan Sri Ong Ka Ting di China dan Samy Vellu yang menjadi Menteri di India dan South East Asia, apa sebab kita bayar gaji mereka untuk jadi menteri di luar negara? Tamatkan perkhidmatan mereka, wang itu digunakan untuk kita beri subsidi kepada perkara-perkara ini, setuju tidak Yang Berhormat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad):**

Saya nak balik kepada YB. Seberang Jaya, seorang EXCO sepautnya gulung nanti bukannya berbahas duduk di sini kita berbahas. Antara rasional yang diberikan kenapa kita dikenakan surcaj air adalah kerana untuk mengajar kita supaya berjimat. Air ini adalah sumber yang mustahak, cukup penting dan perlu berjimat begitu juga dengan gula, kalau kita ambil gula jadikan sebagai satu orang yang mengatakan bahawa gula itu adalah racun kalau kita ambil banyak. Tengku Aziz berkata gula boleh jadi racun kalau ambil berlebihan, ambillah iktibar dari Pulau Pinang juga, kita kurangkan gula untuk mengurangkan penyakit kencing manis. Yang Berhormat sebagai seorang doktor tahu berapa ramai yang terpaksa merawat orang kencing manis, betul? So kalau gula ini kita ambil langkah yang positif yang produktif dengan adanya kenaikan gula kita mengurangkan dan mengajar masyarakat untuk mengurangkan gula supaya kuranglah sikit penyakit kencing manis dan sebagainya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Boleh minta laluan YB. Telok Bahang, terima kasih kepada YB. Pulau Betong, sebut pasal gula ini, itu saya sebut analogi tadikan harga rokok naik banyak kali tapi orang tetap hisap rokok. Soal nak turunkan penggunaan gula adalah soal pendidikan, itu isu dia. Yang saya sebutkan ini setuju, saya setuju subsidi perlu dikurangkan dalam

hendak meningkatkan ekonomi negara, mengurangkan perbelanjaan Kerajaan, tetapi subsidi yang mana, tang mana subsidinya yang kita hendak bawa turun, kurangkan, kenapa subsidi yang melibatkan ramai orang dengan harga gula, pasaran dunia dalam keadaan menurun sekarang ini, kita kurangkan pula subsidi gula, kita punya naikkan harga gula macam tak kena, itu ja isu ja YB. Pulau Betong. Soal *diabetes* semua tak jadi masalah itu, maksud saya tak jadi masalah dari segi turun harga ia takkan *solve the problem*, yang mengurangkan gula adalah dari segi pendidikan tentang kesedaran mengenai penyakit itu, setuju tak YB. Pulau Betong?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kita boleh berbahas Yang Berhormat, tetapi di luarlah, saya ingat kita biar YB. Telok Bahang untuk teruskan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila teruskan YB. Telok Bahang...(gangguan), sila teruskan.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Itu satu alasan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta YB. Telok Bahang jawab soalan tentang perkara yang dibangkitkan oleh saya. Saya minta Telok Bahang jawab. RM980,000 yang telah dibelanjakan tiga (3) Menteri Luar Negara itu...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti-nanti itu tak perlu. YB. Telok Bahang teruskan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

YB. Timbalan Speaker, saya nak jawab, tunggu saya jadi Ahli Parlimen saya jawab.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak apa teruskan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Payah sangat, saya nak *share* maklumat tak ada. Jadi saya lihat kita ada calon Parlimen yang banyak ya, boleh kita cadangkan, menang tak menang tak tahu lagi ya. Jadi seterusnya untuk pengurusan Bukit Bendera ini, saya tengok mungkin *typing error*, *typing error* itu salah taip kut ya.....(dengan izin), anggaran kos Bukit Bendera, anggaran kos projek 2011 sehingga 2015 RM2 juta. Saya harap ini *typing error* kot, RM2 juta tetapi perbelanjaan sebenar pada 2012 RM4.89 juta dan anggaran perbelanjaan naik 2013 pada RM7.6 juta, lepas itu kita jumlah dua-dua sekali RM12.5 juta saya *round up*

*figure*, anggaran perbelanjaan untuk 2014 mencecah RM9 juta, jumlah besar RM21 juta dan peratusan lari dekat 1,000%. Saya harap kalau dia bukan *typo error*, kalau dia RM20 juta dia tak lari banyaklah. Kalau dia *target* RM2 juta macam mana boleh *burst* sampai RM21 juta, sebab perkara-perkara ini, boleh *reflect* kecekapan kita, rakyat akan bertanya saya mintalah supaya Yang Berhormat terlibat nanti buat penggulungan bagi tahu hal itu. Yang kedua, pengurusan Perbadanan Bukit Bendera ini dibuat oleh siapa yang mengurusnya sebab saya cari gaji dia dalam buku bajet, siapa dia, kalau ada bagilah maklumat pada kita so kita dapat tahu siapa orang-orang yang terlibat yang mengurus Bukit Bendera. Kalau kita ada cadangan kita boleh telefon dia terus, kita pun tak tahu saya pun duk cari tak ada.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Yang Berhormat boleh guna *google* lebih cekap, cuba-cuba.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Okey tak apa, kalau boleh la nanti EXCO beritahu kita maklumat-maklumat ini mengenai berapa ramai staff yang terlibat, *profession* dia, *background* dia macam mana, gaji dia berapa banyak? Itu bab Bukit Bendera...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Sedarkah YB. Telok Bahang bahawasanya di Bukit Bendera itu terdapat Bukit Bendera, sedarkah Yang Berhormat pada tahun 2011 terdapat 9 kerosakan di mana 6 kes melibatkan kerosakan komponen elektrik dan medium penghantaran bekalan kuasa. Tahun 2012 berlaku lagi 14 kerosakan di mana 10 kes melibatkan kerosakan komponen elektrik, mekanikal dan *medium* penghantaran bekalan kuasa. Tahun 2013 berlaku lagi enam (6) kes kesemua kes-kes yang sama, 19 kes yang sama 3 tahun berturut-turut Yang Berhormat. Saya rasa ini juga harus dikaji kenapa terlampau banyak kerosakan dan ini akan melibatkan kos yang tinggi dalam penyelenggaraan Bukit Bendera.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Terima kasih YB. Pulau Betong seperti YB. Pulau Betong tahu saya ini duk pembangkang. Kalau kita Kerajaan Barisan Nasional, saya dah jawab soalan itu. So sebab saya pembangkang so kita mintalah EXCO beri jawapan pada benda-benda itulah. Saya haraplah kalau benar benda itu kita harap baik pulihlah.

Walau bagaimanapun, tuan-tuan, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian saya nak cakap satu perkara lagi sebab saya ni baru dua kali mesyuarat penggal lepas dan penggal ini pada mesyuarat DUN ini, saya tengok dua (2), tiga (3) perkara yang saya rasa patut buat takrifan la sebagai contoh saya nak bercakap nama Ali pun saya tak berani, saya nak sebut nama Ah Chong pun tak berani, saya nak sebut nama Muthu pun saya tak berani, sebab saya takut salah sebut cop saya *racist* kan, saya haraplah takrifan *racist* ini kita kena gubal undang-undang betul-betul sebab kita semua ini wakil rakyat, kita ada pengundi berbilang bangsa sebab kawasan saya ada Melayu, ada Cina, ada India kan, pada saya bila kita mainkan elemen ini di DUN saya cukup tak selesa sebab kita semua wakil rakyat kalau di Pulau Pinang khususnya kita tak boleh ambil,

kita pecah-pecahan kaum, kita tidak akan maju, kita tak boleh pergi jauh, sebab itu saya mintalah kita sama-sama kalau perlu kita buat *task force*, kita buat satu *task force* untuk kita tangani isu ini sehingga ke akar umbi. Sebagai contoh, kalau satu gerai diruntuh kepunyaan Ali, Ali itu akan kata aku Melayu kena macam ini, kalau pula kedai Ah Chong tak diambil tindakan, memang depa kata kita *racist* ini di bawah-bawah ini main benda-benda macam ini dan kita sebagai pemimpin patutlah kita kurangkan perkara-perkara berdebat dan menuduh sebagai *racist* ini, sebab itu saya minta kita kena buat takrifan yang jelas dan kita kena bersama-sama berganding bahu menyelesaikan perkara ini hingga di akar umbi. Itu kefahaman saya dan kepercayaan saya....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sikit saja Yang Berhormat. Saya berterima kasih. Saya memang setuju. Saya setuju. Saya bangun ini saya bersetuju dengan cara Yang Berhormat membahas perkara ini. Kemantapan Yang Berhormat saya memang setuju dan saya rasa Yang Berhormat calon kedua sekarang yang boleh jadi Ketua Pembangkang. Kalau tadi saya sokong Yang Berhormat Bertam, mungkin Yang Berhormat boleh jadi calon kedua, jadi Timbalan Ketua Pembangkang. Kerana cara kelmarin YB. Telok Ayer Tawar membuat perbahasan bukan cara yang Yang Berhormat. Cara YB. Telok Ayer Tawar walaupun .. (gangguan) saya belum habis lagi....(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya belum habis Yang Berhormat, *Let me finish first*. YB. Timbalan Speaker tolong beri saya peluang. Beliau membuat tuduhan melulu. Tuduhan yang tak mantap dan cara perbahasan itu dibuat langsung tak ada apa-apa *basis* sebab itu kita labelkan beliau sebagai seorang *racist*. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya rasa ini dah akta sakit hati ni, beliau *bos* saya. Walau bagaimanapun saya mintalah isu yang di bangkitkan oleh YB. Dato' Jahara itu mengenai, mana saya tulis tadi, kawasan Bagan Ajam, Pantai Bersih. Saya mintalah Kerajaan Negeri buat satu (1) *task force* dan kajilah betul-betul, benarkah yang setengah kumpulan kena kompaun setahun sekali dan setengah kumpulan kena roboh. Supaya kita boleh selesaikan masalah ini. Kita tak mahu ada prejudis, prasangka. Semua ini niat baik. Mana ada wakil rakyat tidak mahu ada sifat menolong. Sebab kita ada sifat menolonglah kita dilantik menjadi wakil rakyat. Dan semua rakyat percaya yang kita boleh bantu dan saya tak percayalah kalau kita kata wakil rakyat nak roboh itu, roboh ini. Kalau ada wakil rakyat macam itu, dia memang tidak layak menduduki jawatan ini. Lebih baik jangan jadilah wakil rakyat. Kalau ada sifat prejudis, sifat prasangka, sifat untuk menidakkann kaum, sifat untuk pilih bulu. Saya ingat minta maaflah di Dewan yang mulia ini supaya kita hapuskan sifat ini.

Urutan daripada itu, saya nak minta sedikitlah pada Kerajaan Negeri sebab Kerajaan Negeri boleh memberi bantuan kepada empat (4) jenis sekolah. Iaitu Sekolah Mubaligh, Sekolah Cina Persendirian, Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Tamil. Saya mohonlah, saya tengok *average* bahagian peruntukan itu, boleh ditambahkanlah. Sebab *average* Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Tamil mendapat lebih kurang sama iaitu 15% kalau boleh dinaikkan sedikit bolehkah? Sebab nak *repair* bangunan, nak *repair toilet*. Kalau *average* boleh dapat seorang RM10,000.00 ada RM100,000 ada dua (2) tiga (3) sekolah saya ingat boleh buat pelanlah. Boleh tingkatkan sedikit peruntukan untuk sekolah-sekolah agama rakyat.

Akhir sekali...(gangguan) pendek kata...(ketawa), jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian saya akhir sekali kita mintalah, kita kena jadikan Pulau Pinang ini berdaya saing di antara negeri-negeri dan kita angkatlah Pulau Pinang ini bersaing di antara negara-negara. Dan kita jadilah rakyat Malaysia ini sebagai satu (1) Malaysia yang benar-benar. Supaya kita bersaing dengan Negara Indonesia, kita bersaing dengan Negara Singapore, kita bersaing dengan Negara Thailand, kita bersaing dengan Negara Vietnam bukanlah kita bersaing bersama-sama kita. Dan saya minta juga YB. Timbalan Ketua Menteri yang memegang sektor pelaburan. Saya begitu risau sebab apa yang saya nampak, pekerja kilang di kawasan kita ini tidak *reflect* ke seluruh kaum. Kita kena *apply diversity management. Management* kena ada semua kaum. Supaya semua kaum diberi peluang. *Engineer* ada berapa *percent*, *purchasing manager* ada berapa *percent* ....(dengan izin). Apa ini. *Spill over business, supplier* semua ini kena *reflect* kaum dekat di Pulau Pinang ini. Jadi dengan kata-kata itu saya mohon bajet ini supaya dengan penambahan yang sikit sebanyak. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang seterusnya.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

YB. Timbalan Speaker, saya memohon berucap daripada kerusi roda.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ya, teruskan.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Terima kasih. YB. Timbalan Speaker, YB. Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, terima kasih atas peluang membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2014 bagi Negeri Pulau Pinang. Pada keseluruhannya Bajet 2014 sememangnya telah di sediakan dengan teliti dan memiliki keseimbangan elemen sosial, ekonomi dan kemampuan Negeri. Dan dengan pentingnya bajet ini mengemukakan inisiatif yang baik dan kreatif untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang. Antara inisiatif yang patut di puji adalah levi 3%, harga penjualan ke atas semua transaksi harta tanah oleh warganegara asing. Cadangan levi 2% terhadap penjual yang menjual dalam tempoh tiga (3) tahun daripada

pembelian, skim pemilikan bersama, skim sewaan beli bagi unit rumah kos rendah dan kenaikan pendapatan garis kemiskinan setiap isi rumah pada RM790.00 sebulan. Bajet 2014 membuktikan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat adalah Kerajaan yang bijak, arif dan berani dalam pengurusan sumber negeri dan sumber kebajikan rakyat. Dengan sesungguhnya kaliber, kebijaksanaan dan keikhlasan pemimpin-pemimpin Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang memberi saya keyakinan untuk menyuarakan beberapa perkara lagi yang masih merisaukan saya tentang pengurusan sumber negeri dan kebajikan rakyat.

Pertama sekali tumpuan penumbuhan ekonomi dalam Bajet 2014 adalah dalam tiga (3) sektor. Iaitu, pembuatan, perkhidmatan dan pembinaan. Pulau Pinang merekodkan jumlah penumbuhan yang paling tinggi diseluruh Malaysia dalam sektor pembinaan pada tahun 2012 dan dalam penggal pertama tahun ini. Ini merisaukan saya kerana separuh daripada Negeri Pulau Pinang adalah sebuah Pulau. ....(dengan izin), *we have a char as an island, and that gives us a certain allure, The same way San Francisco invokes a certain charm. But many have forgotten that we are an island. Many have forsaken our identity island. We seem only be land for development.* Sebagai contoh apabila kami bercakap tentang *tourism* mahupun *ecotourism* perkara yang seringkali di bincangkan adalah pembinaan hotel, pembinaan *shopping mall*, pembinaan *cable car*, pembukaan *eco theme park* tetapi pemeliharaan dan pemantauan alam sekitar seperti zon konservasi Bukit Bendera, dan penembusan tanah masing-masing di biarkan kepada bidang kuasa Jabatan Perhutanan dan Jabatan Alam Sekitar. Siapakah pembela khazanah bumi Negeri Pulau Pinang? Biasanya YB. Tanjong Bunga yang paling kerap membela alam sekitar. Di dewan kemarin dan hari ini, amat baik kami dapat mendengar lagi beberapa ADUN yang telah menyuarakan dan ingin membela alam sekitar. Tetapi sebagai Kerajaan Negeri Pulau Pinang kami patut lebih kuat daripada Kerajaan Pusat membela sumber semula jadi Negeri Pulau Pinang.

Pembangunan mesti ada, tetapi khazanah Negeri dari bukit ke pantai masih perlu dipelihara. Dan saya berharap pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan lebih kerap menyuarakan demi membela alam sekitar. Tahukah anda, *shopping mall*, Negara lain pun ada, *cable car* negara lain pun ada. Dan bila nak memilih tempat pergi *holiday* adakah anda pilih hotel dan *shopping mall* dahulu? Ataupun pilih Negara dan Negeri yang ingin di kunjungi dahulu. Daya tarikan sesuatu tempat jarang berdasarkan bangunan dan binaan baru, kami perlu mengekalkan keistimewaan Negeri Pulau Pinang untuk mengekalkan kemakmuran Negeri Pulau Pinang. Saya berharap bahawa fokus dalam sektor pembinaan tidak akan meminggirkan alam semula jadi dan kegiatan warisan rakyat Negeri Pulau Pinang.

Di Pulau Tikus, peniaga-peniaga yang sudah lama makmur di Pulau Tikus kini perlu bertanding dengan pusat-pusat membeli belah yang lebih *glamour* dan ber *aircond*. Siapakah pembela-pembela peniaga kecil. Adakah kami mengambil kira kebajikan dan peniaga-peniaga dalam perancangan bandar dan ekonomi kami. Kami sudahpun kehilangan banyak kedai-kedai runcit kepada gergasi seperti Tesco, Carefour dan Giant. Siapakah yang untung? Saya risau kerana *we allow ....(dengan izin)*, kami membiarkan perniagaan besar menghancurkan perniagaan kecil tanpa pelan pemuliharaan. Kemarin YB. Pengkalan Kota, dia tiada, tetapi tak apa kelmarin saya cuba menjelaskan situasi pekerja asing dan seumpama membela hak asasi mereka. Saya sanggup menyuarakan situasi pekerja asing kerana apabila kami menjemput mereka datang menggerakkan ekonomi negeri kami tidak boleh tidak prihatin terhadap

situasi mereka. Terhadap situasi semua orang tidak kira kaum, bangsa atau kerakyatan. Mereka pun mempunyai hak asasi manusia. Tetapi saya tidak boleh menafikan bahawa negara kami sudah pun terlalu bergantung kepada pekerja asing terutamanya dalam tiga (3) sektor tumpuan kami iaitu sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan.

Pekerja-pekerja asing ini merampas peluang pekerjaan rakyat Pulau Pinang. Andainya anda ingin cari makan, ada adik, ada emak, nak buka gerai, tiada lesen, tak cukup kompleks makanan. Kalau ada gerai pun, tak dapat bertanding dengan *malls* yang besar. Nak kerja kilang atau kontraktor tapi bos rasa pekerja asing lebih murah digaji. Tapi rakyat Negeri Pulau Pinang berasib baik kerana dapat RM790.00 sebulan melalui Agenda Ekonomi Saksama. Namun...(gangguan).

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta penjelasan, tadi YB Pulau Tikus ada menyentuh tentang *shopping malls* yang besar ini termasuk gedung-gedung besar, *hypermarket* ini, adakah YB. Pulau Tikus bersetuju bahawa bilangan-bilangan *hypermarket* ini sudah bertambah banyak bukan sekadar di Seberang Perai dan juga di Pulau Pinang. Dan keadaan ini adalah menyebabkan banyak kedai-kedai runcit yang sedia ada sekarang, mereka banyak bergantung kepada pendatang-pendatang asing atau pekerja-pekerja asing untuk memberi *business* kepada golongan pekedai-pekedai kecil ini. Oleh itu, saya di dalam soalan bertulis, saya juga ada bertanya kepada Kerajaan Negeri. Apakah langkah-langkah proaktif Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh membantu pekedai-pekedai runcit serta pengusaha kecil dalam persaingan sengit dengan *hypermarket* ini? Dan apakah kuasa dan peranan Kerajaan Negeri dalam mengawal dan meluluskan pembangunan *hypermarket* dalam kawasan perumahan? Seperti yang saya maklum, tau, di mana kebenaran mendirikan *hypermarket* itu adalah di bawah kuasa kementerian, Kerajaan Pusat. Tetapi adakah Kerajaan Negeri boleh dari segi meluluskan pendirian *hypermarket* itu, dari segi mengkaji impak *hypermarket* itu ke atas ekonomi-ekonomi komuniti tersebut. So saya berasa saya bersetujulah dengan YB. Pulau Tikus, di mana saya rasa *hypermarket* itu memang sudah sampai satu tahap yang sudah agak tidak terkawal. Di satu tempat dalam dua (2) tiga (3) kilometer terdapat dua (2) atau tiga (3) *hypermarket*. Dan itulah yang akan menjelaskan peniaga-peniaga kecil yang sudah lama bertapak di Negeri Pulau Pinang ini. Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Terima kasih YB. Machang Bubuk. Saya berharap bahawa pihak MMK akan lebih prihatin terhadap kelestarian peniaga-peniaga kecil di Pulau Pinang, bukan saja peniaga-peniaga kecil yang menjual makanan dan barang kecil tetapi juga peniaga-peniaga kecil dan sederhana kecil dalam sektor pembuatan teknologi yang perlu bertanding dengan syarikat-syarikat besar bertaraf antarabangsa multi nasional MNC. Keprihatinan terhadap nasib mereka akan menjimatkan wang AES kami dan menyumbang kepada pembangunan Negeri.

Baru-baru ini saya berpeluang meluangkan masa bersama golongan *special need children's* kanak-kanak yang berkeperluan khas dan juga Persatuan Orang Cacat Anggota, salah satu perkara yang kerap dibangkitkan adalah peluang pekerjaan bagi orang cacat. Salah satu halangan daripada mendapat pekerjaan adalah kesukaran perjalanan daripada rumah ke tempat bekerja, menurut mereka dulu dulu bila tidak

begitu banyak kenderaan di jalan raya adalah lebih senang bagi orang cacat untuk pergi balik bekerja, ada lebih banyak orang cacat yang pergi bekerja. Sementara Negeri seumpamanya membangun malahan sebenarnya peluang untuk bekerja kepada orang cacat semakin menurun. Kini jalan raya sudah menjadi lebih bahaya, sistem pengangkutan awam masih tidak baik dan tidak mencukupi, menurut mereka kekurangan sistem pengangkutan awam menjadikan ada di kalangan mereka yang seperti orang tahanan dalam rumah mereka sendiri. Sebab itulah walaupun ada 28,000 lebih orang cacat dalam Pulau Pinang tak banyak kita lihat di atas jalan raya kerana mereka tidak boleh keluar rumah, tiada sistem pengangkutan untuk mereka.

Maka saya menyokong kuat keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa jika Kerajaan Persekutuan tidak ingin menunaikan janji membina dan membiayai sistem monorel maka serahkanlah kuasa pengendalian sistem pengangkutan awam kepada kami Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjalankan operasi pengangkutan awam dengan kuasa sepenuhnya. Jika Kerajaan Persekutuan tidak ingin menunaikan janji dan juga tidak ingin memberi kuasa pengendalian sistem pengangkutan awam kepada Kerajaan Negeri maka Kerajaan Persekutuan bersalah, berdosa kepada lebih daripada 28,000 ribu orang kurang upaya yang berdaftar dalam Negeri Pulau Pinang dan ramai lagi yang tidak berdaftar. Kerajaan Persekutuan juga bersalah, berdosa kepada semua golongan tua ataupun muda yang tidak dapat atau tidak tahu membawa kenderaan sendiri dan perlu bergantung kepada sistem pengangkutan awam yang sudah lama diketahui tidak mencukupi.

Kerajaan Persekutuan bersalah dan berdosa kepada semua rakyat Pulau Pinang yang perlu membazirkan masa mereka terperangkap dalam kesesakan lalu lintas disebabkan Kerajaan Barisan Nasional yang tidak mengutamakan Negeri Pulau Pinang dan asyik-asyik menangguh, baru tadi kata menangguh dengan alasan dalam perbincangan. Dengan adanya peningkatan sistem pengangkutan awam dan infrastruktur awam seperti siar kaki, kaki lima dan reka bentuk bangunan yang prihatin terhadap Orang Kurang Upaya termasuk juga orang tua dan orang cacat sementara seperti saya, kami boleh membolehkan lebih ramai OKU mencari peluang pekerjaan membolehkan mereka melalui kehidupan yang lebih bermakna dan mengurangkan beban sumbangan Kerajaan sumbangan kebajikan oleh Kerajaan Negeri. Maka bolehlah kami mengurangkan kos kebajikan dan AES. Kami akan juga meningkatkan meningkatkan produktiviti Negeri dan mengembalikan lebih ramai OKU kepada silaturahim masyarakat dan ruang pekerjaan. Saya menyambut baik teladan Negeri Pulau Pinang yang memperkasakan pembangunan wanita melalui dasar dan pelan tindakan jagaan kanak-kanak yang menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai Negeri pertama di Malaysia yang membolehkan akses kepada jagaan kanak-kanak pada harga berpatutan, selamat dan berkualiti. Ini bukan sahaja juga meningkatkan produktiviti Negeri dengan meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja tetapi juga meringankan beban keluarga dan ibu-ibu tunggal.

Sebelum saya mengakhiri hujah saya, saya ingin menyentuh tentang daya saingan saingen Negeri Pulau Pinang. Pulau Pinang bukan saja perlu bertanding dengan Negeri lain seperti Johor dan Kedah untuk pelaburan asing tetapi kami juga perlu bertanding dengan negara lain seperti Singapura, Thailand, Vietnam, Indonesia dan China. Rakyat kami perlu bertanding pada satu peringkat dengan pekerja asing dan satu peringkat lain dengan lebih menakutkan lagi pada satu peringkat lain dengan Teknologi iaitu *Automation* dan *ICT* yang semakin mengambil alih pekerjaan mereka.

Sehubungan dengan itu perancangan dan perbelanjaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang wajib menjamin ekonomi yang dinamik dan mengikut keperluan semasa, keperluan yang semakin genting sekarang adalah untuk memupuk ekonomi yang berdasarkan pengetahuan *knowledge economy*, ini merangkumi usaha yang gigih dalam pembangunan dan pemeliharaan modal insan iaitu rakyat kami.

Sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri dan juga sebagai seorang Ahli Sains saya menyokong kuat dan merakamkan setinggi penghargaan kepada usaha Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang bagi memperluaskan akses kepada sains, teknologi dan pendidikan yang berkualiti dalam Bajet 2014. Namun banyak lagi usaha yang diperlukan untuk memupuk ekonomi pengetahuan dan meningkatkan daya saingan Negeri Pulau Pinang antaranya adalah untuk merancang dan menyediakan persekitaran yang bersesuaian kepada keperluan dan kehendak tenaga mahir ekonomi pengetahuan, bagaimanakah boleh kami menarik dan memegang modal insan kami .... (dengan izin), *how do we attract talent and retain them and prevent brain drain*. Bagaimanakah kami boleh mencegah anak-anak kami dan rakan-rakan kami daripada berpindah ke Kuala Lumpur ataupun luar negara? Antaranya kami perlu menonjolkan keistimewaan Negeri Pulau Pinang di samping membangunkan Negeri Pulau Pinang dan saya percaya *formula* yang patut digunakan haruslah mengamalkan dasar disentralisasi. Pulau Pinang telah pun memohon dan berjaya mengecualikan Negeri Pulau Pinang daripada Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

Kini Kerajaan Negeri Pulau Pinang inginkan Kerajaan Persekutuan untuk memperkuuhkan dan menyediakan sistem pengangkutan awam seperti dijanjikan dan kalau tidak bagilah hak pengendalian kepada kami. Terbuktilah bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang yakin terhadap prinsip disentralisasi, maka dengan ikhlasnya saya ingin memanjangkan cadangan agar kami mengukuhkan sistem prinsip disentralisasi dan pengurusan Negeri Pulau Pinang *to be specific* ....(dengan izin). Buat masa kini perancangan bandar atau desa bagi setiap kawasan dalam Negeri Pulau Pinang tertakluk dalam tangan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan Unit Perancangan Majlis-majlis Perbandaran, namun jika kami percaya terhadap modal insan kami dan komited terhadap pembangunan Negeri Pulau Pinang di samping memelihara keistimewaan setiap kawasan di Pulau Pinang. Maka sebahagian perancangan seluruh Negeri Pulau Pinang boleh disentralisasikan agar setiap ADUN kawasan yang kerap turun ke padang dan mengetahui keperluan dan keistimewaan kawasan mereka masing-masing dengan teliti dibolehkan dan boleh terlibat dalam rancangan kawasan mereka. Saya pasti dengan ini kami boleh membangunkan setiap kawasan dengan lebih efektif dan membangunkan persekitaran yang akan menarik dan memegang modal ihsan bagi ekonomi pengetahuan. Sebagai permulaan saya mencadangkan agar ADUN-ADUN *backbenchers* diberi lebih peluang menyumbang kepada penyediaan Bajet 2015 yang akan datang. Saya berharap kami akan membina modal insan Negeri dengan *foundation* sumbangan modal insan yang sedia ada.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta laluan, Terima kasih, saya cukup tertarik dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Pulau Tikus. Memang pengangkutan awam adalah isu besar untuk Negeri Pulau Pinang terutama sekali sebuah Negeri yang padat dan mendapat ketibaan pengunjung yang begitu ramai terutama sekali pada musim cuti dan memang elok kalau boleh

Negeri Pulau Pinang berdikari dan disentralisasikan pembangunan pengangkutan awam ini, teori memang cukup eloklah tetapi saya ingin bertanya sama ada peringkat Negeri, peringkat ADUN-ADUN berupaya, mempunyai kapasiti kita boleh merancang tapi nak melaksanakan itu memerlukan satu koordinasi yang besar dan peruntukan kewangan yang besar juga. Sehubungan dengan itu, saya mengambil peluang ini Yang Berhormat Timbalan Speaker untuk membuat satu kenyataan sebagai Ketua Pembangkang saya amat kesal dengan kenyataan yang dibuat oleh Ketua Menteri pada 9 haribulan yang lalu kemarin yang disiarkan oleh Berita Harian, *Malaysian Insider*, MSN *Malaysian News* yang melabelkan Ketua Pembangkang sebagai *racist grandmother* ekoran daripada perbahasan dalam Dewan ini sendiri.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Yang Berhormat Timbalan Speaker ini masa saya...(gangguan). Yang berkenaan *racist* itu tidak berkenaan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya minta izin, *I know this is your floor*. Saya terpaksa saya menunggu Ketua Menteri masuk, tapi mungkin dia tak masuk hari ini....(gangguan) sebab esok berita ini dah mungkin dh basi. Ada *urgency* untuk membuat kenyataan hari ini boleh ye Pulau Tikus...(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Penjelasan penjelasan Yang Berhormat Telok Ayer Tawar, Ketua Menteri sudah pun mengeluarkan satu kenyataan yang menarik balik yang memanggil bahawa Yang Berhormat *racist grandmother*. Dia minta minta maaf kerana panggil gunakan *grandmother* ini kerana tetapi dia tetap kata bahawa Yang Berhormat membawa isu memang dari segi *racist*. Boleh tunjukan kepada...(gangguan), kenyataan sudah pun keluarkan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Okey, saya terima penjelasan tadi, saya juga perlu memberi sedikit penjelasan kalau boleh diberi laluan oleh Pulau Tikus. Lima (5) minit sahaja tak banyak. YB Speaker Dato' Speaker saya sambung tadi kenyataan tersebut amat keterlaluan yang telah mencemuh dan menghina saya sebagai Ketua Pembangkang, menjatuhkan martabat seorang wanita dan bersifat seksis dan menuduh saya sebagai *racist* ataupun bersifat perkauman, seribu kali jahat, seribu kali ya *naughty lies* dalam kenyataan itu, memfitnah iaitu bercakap bohong dengan niat tak baik. Ianya tidak profesional kerana menyerang saya sebagai berbentuk peribadi *is a personal attack*. Saya ingin mengatakan bahawa saya bangga sebagai seorang yang mempunyai cucu, sebagai *grandmother I'm very proud* dan masih aktif sebagai *politician* sebagai seorang ahli politik. Saya wanita warga emas yang mampu dan mempunyai semangat juang yang tinggi dan saya juga bangga telah pun berjaya menjadi wakil rakyat dan mendapat sokongan penduduk Telok Ayer Tawar selama lima (5) kali dalam pilihan raya umum. Untuk makluman Dewan, Golda Meir Perdana Menteri Israel menjadi Perdana Menteri pada umur tujuh puluh dua (72) tahun. Apa yang saya nyatakan dalam Dewan ini adalah perkara yang benar dan bukan fitnah ataupun bohong dengan niat yang tak baik

kerana ianya datang dari jawapan kepada soalan bertulis. Ini kenyataan daripada Kerajaan Negeri sendiri dan juga daripada liputan surat khabar, jadi bukan satu yang saya reka-reka ataupun saya bohong. Oleh yang demikian, saya menuntutlah supaya Ahli Kawasan Air Putih bukan saja memohon maaf tapi menarik balik tuduhan yang dibuat demi memelihara integriti institusi Dewan ini sebagai tempat tertinggi untuk menyuarakan masalah rakyat oleh Ahli-Ahli yang telah dipilih oleh rakyat untuk mewakili mereka dalam Dewan ini dan untuk memelihara kewibawaan institusi Ketua Menteri sebagai Ketua Eksekutif yang seharusnya mempunyai keluhuran yang tinggi dan berjiwa murni. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Yang Berhormat Telok Ayer Tawar, kelmarin kata ada restoran seafood sahaja yang tidak di mana gerai dia tidak dirobohkan, lepas itu Yang Berhormat sudah pun membuat kesimpulan bahawa ia berdasarkan perkauman, maka kalau kesimpulan yang begitu senangnya dibuat kalau tak *racist*, apa.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar ( YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya tak pernah sebut kata nombor satu bahawa Ketua Menteri punya isu Mazu Island memberi kebenaran, tidak ada, kalau boleh *check* dalam hansard saya tak kata dia lulus apa pun, saya bertanya, apa dah jadi dengan Pulau Jerejak, itu soalan saya, kemudian kenapa, empat restoran makanan laut ini boleh beroperasi, tidak ada tindakan diambil kecuali mengenakan kompaun setahun sekali dan kenapa, seterusnya soalan saya penggerai yang bermula depan rumah selama dua puluh (20) tahun gerainya diroboh tanpa sebarang notis ataupun peluang pada dia untuk bayar kompauan atau sebagainya. Itu soalan saya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Tapi apa yang dipercakapkan kelmarin tak sama.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar ( YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Jadi apa yang ingin dirumuskan ini, itu saya tak boleh *control* apa yang orang nak merasai daripada soalan-soalan saya itu adalah luar dari kawalan saya.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

YB. Timbalan Speaker saya akan sambung. Sebenarnya dengan ini saya ingin mengakhiri perbahasan saya dengan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke atas Bajet 2014 yang memang dia baik dan teliti menyimbangkan elemen sosial ekonomi dan kemampuan terhad negeri. Namun banyak lagi usaha yang diperlukan dan saya berharap isu-isu dan cadangan-cadangan yang telah mengemukakan pada petang ini akan dipertimbangkan bagi persediaan Bajet 2015. Saya memohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya Air Itam.

### Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

YB. Timbalan Dato' Speaker, saya bangun untuk menyertai perdebatan belanjawan 2014 dan saya tertarik dengan ucapan bajet bahawa Kerajaan Negeri memberi penekanan *outcome base budget* dengan prinsip *value for money* dan penggunaan sumber secara *optimal*. Sebenarnya saya tiada masalah dengan pendekatan *outcome based budget* tetapi ini adalah berbeza dengan pendekatan *conventional input based budget*. Tetapi saya juga menarik perhatian Kerajaan Negeri bahawa terdapat cara penetapan bajet yang lain antaranya *Gender Based Budgeting* yang telah dipelopori oleh MPPP dan MPSP di mana penetapan bajet juga dimasukkan perspektif *gender* supaya dari segi pengagihan sumber dapat memenuhi keperluan semua orang termasuk perempuan dan lelaki untuk memupuk *gender equality*. Sebenarnya Kerajaan Pakatan Rakyat adalah Kerajaan yang selalu *looking towards gender equality*. Saya rasa kita boleh juga memasukkan perspektif *gender based* dalam *budgeting*. Contohnya mungkin usaha yang boleh saya kaitkan kita usaha menaik taraf pasar yang dilaksanakan dan dirancang pada tahun 2014 boleh juga merupakan satu pendekatan *gender responsive* kerana terbukti lebih ramai kaum wanita akan mengunjungi pasar berbanding dengan lelaki.

Saya juga berikan contoh bahawa banyak saya dapati, dalam pemerhatian saya banyak tandas baru yang dibina pihak berkuasa tempatan tidak memenuhi *gender based budgeting*. Hal itu saya lawat menggunakan satu tandas awam di Penang Hill apabila saya masuk tandas awam itu. Saya terkejut kerana terjumpa wanita dalam tandas awam, saya ingat saya masuk tandas yang salah, tapi wanita *occupied* tandas lelaki wanita *occupied* tandas lelaki dan saya rasa ini bukan satu insiden *isolated* dan pergi ke *shopping mall* juga nampak wanita *long queue* bawa di tandas perempuan dan kalau mereka *occupied* tandas lelaki saya tak mahu pengalaman kita pergi tandas akan terjumpa wanita dalam tandas awam lelaki. Masalah dia dalam perspektif LGBT apabila mereka tidak buat tandas *typical*, lelaki perempuan mereka ingat bilangan sama tapi sebenarnya mereka cara penggunaan tandas *of course* kita semua tau berbeza masa penggunaan tandas wanita adalah lebih banyak. Oleh itu saya cadangkan *gender based budgeting* perlu juga hendak masukkan dalam bajet dalam cara membuat bajet dalam semua jabatan Kerajaan supaya *gender equality* dapat direalisasikan. Saya pertama kali bercakap tentang *gender* dan cuba arena yang baru kerana kawan saya selalu cakap gender juga, lelaki juga boleh cakap gender, so sekarang juga memberi komen tentang penubuhan Briged Wanita, bukan sahaja cakap di ADUN-ADUN wanita sahaja, lelaki juga boleh beri pandangan tentang Briged Wanita, betul EXCO-EXCO yang bertanggungjawab nampaknya murni dia punya tanggungjawab, tapi saya mempunyai untuk memberi pandangan bahawa kita juga perlu meningkatkan perwakilan wanita dalam satu lagi entiti yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri, JKJK Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti.

Saya juga menanyakan soalan tentang pelantikan pengerusi dan setiausaha dan AJK JKJK dari golongan wanita. Saya membuat kiraan sendiri daripada 225 JKJK iaitu sejumlah 450 Pengerusi dan Setiausaha, hanya 61 orang wanita menjawat Jawatan Pengerusi dan Setiausaha, iaitu 13.5%, ia jauh lebih rendah daripada 30% *decision makers* terdiri daripada wanita, Jauh lebih rendah. Angka paling tinggi direkodkan di daerah mana, boleh kita buat anggapan yang tinggi DTL 26.32%, paling rendah di SPU hanya 4.17% sahaja. Saya juga berharap saya nampak-nampak di semua angka ADUN

wanita juga belum capai 30% ADUN di kawasan-kawasan yang dipimpin oleh mereka. ADUN saya juga belum capai juga tapi capai 25%, saya rasa itu adalah boleh dikawalan kita dengan boleh menjuruskan lebih banyak sumber dari segi meningkatkan perwakilan wanita dalam JKPK.

Saya juga ingin menanyakan berapakah peruntukan untuk Briged Wanita dan sekiranya Kerajaan Negeri ingin juga satu Pasukan Khas Briged Wanita yang tiada penyertaan lelaki, perlu pasti juga sumber setara supaya jangan kita pinggirkan wanita, kita kena sumber yang setara. Saya juga ingin menggunakan peluang ini meminta MMK Keluarga janganlah pinggirkan lelaki dalam program-program laksanakan, saya selalu baca wanita PWDC, banyak aktiviti tapi semua wanita, tak ada lelaki, mana lelaki? Angka yang saya dapat dari kes penceraian pada tahun 2011 4,434 kes penceraian di Pulau Pinang, 2012 2,654 kes penceraian, 2013 2,270 setakat 20 November 2013. walaupun terdapat penurunan dari segi keseluruhan kadar penceraian di Pulau Pinang. Saya dapat angka penurunan dicatatkan di Mahkamah Syariah pasangan Islam dan angka meningkat untuk dicatatkan di Mahkamah Tinggi untuk pasangan bukan Islam. Saya meminta MMK Keluarga di bawah EXCO berkenaan hendaklah juga memberikan fokus secukupnya terhadap kaunseling atau aktiviti untuk lelaki dan wanita supaya kadar penceraian ini ditahap yang minimum. Silakan.

#### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya respon walaupun nanti saya boleh jawab tapi saya nak rekod di sini bahawa memang lelaki boleh juga menyuarakan mewakil wanita untuk membawa isu wanita di sini kerana di dalam kawasan tiap-tiap Yang Berhormat ada 50% pengundi adalah wanita. Tapi saya nak puji bahawa Yang Berhormat Air Itam memang dia sangat *gender sensitive* dan saya nak pada YB. Padang Kota kata bahawa beliau sudah bawa isu tandas ini perlu, wanita perlu lebih banyak tandas *cubicle* di Parlimen 10 tahun yang lalu. Tapi masalah ini masih kurang disampaikan kepada pembuat keputusan, pembuat dasar dan pelaksanaan untuk di mananya lelaki apabila kita adakan program kesedaran *gender* itu pun saya dan rakan-rakan saya tanya, bertanya-tanya selalunya lelaki 20% sahaja yang datang dan ramai tak datang. Oleh kerana itu saya nak jemput Yang Berhormat di sini khasnya Yang Berhormat lelaki supaya sokonglah aktiviti seperti ini, sekiranya boleh mengadakan aktiviti dan program *gender sensitive* di kawasan masing-masing, PWDC boleh memberi sokongan dengan memberi pensyarah-pensyarah ataupun saya rasa dana masing-masing boleh cari terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Terima kasih, saya juga meminta EXCO berkenaan untuk memberikan penekanan secukupnya kepada portfolio belia dan keluarga supaya ia boleh memberikan keseimbangan kerana kita memang tahu portfolio wanita dan sukan menonjol di bawah pimpinan beliau dan saya nampak PWDC menonjol dan begitu menonjol dari segi publisiti, tapi saya juga ingin memberi teguran dari segi belia, aktiviti di bawah Penang Youth Development Corporation jarang kita ada publisiti dan tidak menonjol dan aktiviti juga tidak begitu banyak. Harap cadangan saya supaya memberikan penekanan yang seimbang antara portfolio keluarga, belia, sukan dan juga wanita.

Tuan Speaker, saya berbesar hati juga membaca dalam teks bajet bahawa Kerajaan Negeri terus memperuntukkan sebanyak RM12 juta kepada semua sekolah bantuan modal termasuk juga sekolah yang saya fahamkan termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Tamil, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Agama Rakyat. Kita memulakan itu bantuan secara berterusan sejak Bajet 2009 dalam menyokong sekolah bahawa ibunda dan Sekolah Agama Rakyat yang tidak dapat perhatian yang secukupnya daripada Kerajaan Pusat. Saya harap dasar Kerajaan Negeri dalam menyokong *multi-cultural* dan *multi-lingual* perlu juga dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dalam beberapa aspek berikut. Saya telah menanyakan tentang pecahan jumlah buku mengikut bahasa yang ditambah dalam inventori buku Perpustakaan Negeri Pulau Pinang dan saya mendapat jawapan. Buku Bahasa Melayu yang ditambah pada tahun 2012 di *State Library* 61% bagus angka dia, buku Bahasa Inggeris 24.7%, angka dia juga bagus yang tidak begitu menggalakkan, buku Bahasa Cina dan buku Bahasa Tamil yang ditambah masing-masing 7.5% dan 6.38% dan satu kenyataan akhbar oleh Perpustakaan Negeri Pulau Pinang pada 28 November 2013 jumlah koleksi buku dalam Perpustakaan Negeri Pulau Pinang ialah 1,138,305 buah di mana buku bahasa Cina hanya 39,603 buah buku iaitu 3.5% sahaja.

Saya ingin membangkitkan isu ini kerana penggunaan *library* adalah digunakan oleh semua pengguna sama ada pengguna-pengguna bahasa. Saya meminta pihak perpustakaan boleh menetapkan sasaran tambahan buku-buku bahasa ibunda kepada 10% setiap tahun untuk memenuhi keperluan pelbagai masyarakat Negeri Pulau Pinang. Memang kita mempunyai stok tambahan buku bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang bagus dan perlu juga kita memberikan stok tambahan untuk buku-buku bahasa ibunda. George Town Literary Festival, saya tertarik dengan aktiviti baru yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri George Town Literary Festival, Festival Kesusasteraan George Town yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri. Ia mendapat publisiti yang menarik yang dapat sambutan dari kalangan peminat kesusasteraan. Saya faham festival kesusasteraan ini adalah festival yang masih muda dan terdapat aspek-aspek yang boleh ditingkatkan. Saya mendapat maklum balas dari Persatuan Penulis bahawa mereka menyambut baik terhadap George Town Heritage Festival. Saya berharap pada masa depan boleh juga diperluaskan dengan tumpuan bukan sahaja kepada Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu tetapi Kerajaan Negeri juga boleh menyokong Literary Festival dalam Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil. Iaitu menonjolkan Kerajaan Negeri mengamalkan polisi menyokong *multilingual* dan *multicultural*. Saya rasa ini maklum balas dari Persatuan Penulis harap Kerajaan Negeri boleh membuat pertimbangan yang seterusnya.

Saya beralih kepada isu lain, hasil ataupun levi tambahan dalam Bajet 2014. saya perhatikan dalam bajet tersebut. Tambahan tiga (3) levi dalam Bajet 2014 dengan objektif-objektif sosialnya sendiri. Levi 3% yang dikenakan ke atas transaksi hartanah orang asing. Levi untuk bilik hotel dan levi 2% yang dicadangkan untuk penjualan rumah dalam tempoh tiga (3) tahun dari pembelian. Kalau ketiga-tiga levi ini sememangnya boleh menambahkan hasil negeri. Tapi saya perhatikan kita perlu memperkemaskan mekanisme pengutipan dan harus jelas tentang cara penggunaan dana tersebut.

Saya perhatikan juga program-program bantuan sosial dan kesejahteraan rakyat yang banyak emas itu, Anak Emas, Ibu Emas dan sebagainya. Dalam Bajet telah meningkat daripada sebanyak RM75 juta kepada sejumlah RM111.47 juta yang diperuntukkan iaitu peningkatan 50%. Peningkatan 50% untuk program-program bandar kesejahteraan rakyat perlu juga kita lihat semula kerana apabila kita melancarkan program-program pada tahun 2008 sudah masuk tahun kelima pemerintahan kita dan masuk tahun keenam juga. Program-program dulu yang dilancarkan pada tahun 2008 perlu kita lihat semula, semak semula objektifnya, semak semula mekanismenya, semak semula sama ada membuat renungan sama ada kita dapat mencapai kepada sasaran yang kita beri kerana saya khuatir kalau setiap tahun setiap kali kita tambah emas, setiap kali kita tambah kita punya perbelanjaan akan terus bertambah. Walaupun program kebijakan dijalankan memenuhi konsep *distributive justice* untuk semua lapisan masyarakat. Saya harap dengan levi-levi tambahan ini, dengan perbelanjaan-perbelanjaan tambahan ini kita hendaklah memenuhi dasar pemerintahan Kerajaan Negeri supaya disalurkan balik kepada masyarakat untuk tujuan ekonomi dan program kebijakan.

Saya juga ingin menyebut tentang satu perkara, duti hiburan. Kawan saya, dia tak ada, tadi YB. Kebun Bunga dia kata industri profileman banyak perkara dia nak bincang. Saya telah menanyakan soalan tentang duti hiburan yang dikutip oleh Kerajaan Negeri. Duti hiburan yang dikutip Kerajaan Negeri bagi tiga (3) tahun kebelakangan ini dalam julat RM10 hingga RM11 juta setiap tahun. Nampaknya saya juga mendapati bahawa hampir 90% daripada hasil duti hiburan adalah daripada kutipan tiket pawagam. Nampaknya ramai peminat filem yang mengunjungi panggung wayang kita. So kita kutip RM10 hingga RM11 juta setiap tahun di Pulau Pinang. Saya cadangkan supaya strategi untuk membantu industri profileman dirangka di mana satu unit khas diwujudkan di bawah sama ada Unit Kebudayaan Kerajaan Negeri atau Penang Global Tourism Sdn. Bhd., untuk membantu industri profileman pembikinan filem kerana Pulau Pinang menarik sebagai satu destinasi warisan dan memang sesuai untuk pembikinan filem dan sekiranya ditonjolkan dalam filem antarabangsa maka akan ada satu publisiti yang sangat bernilai untuk Pulau Pinang. Memandangkan kita kutip begitu banyak RM10 hingga RM11 juta setiap tahun untuk filem daripada panggung wayang saja, maka harus juga dana atau unit khas ini boleh disalurkan balik untuk membantu balik industri profileman. Saya rasa keputusan Kerajaan Negeri memberi arahan kepada *cinema* untuk menasihatkan pawagam itu tidak menayangkan filem Tanda Putera adalah keputusan yang baik. Memang Tanda Putera pun dari isi kandungan adalah silap mempunyai kesilapan dan terbukti juga dia punya penonton tidak banyak. Rekod-rekod penonton yang dipamerkan tidak banyak. Maksudnya kita tidak mahu filem seperti Tanda Putera yang menyalahaksirkan *historical fact* untuk mempengaruhi orang ramai.

Seterusnya satu isu yang menarik *Intangible Cultural Heritage*. Kita telah pun disenaraikan sebagai George Town World Heritage Site pada tahun 2008. Kita perlu mengorak langkah untuk menjaga bukan sahaja bangunan warisan tetapi juga *intangible cultural heritage* ataupun warisan tidak ketara. Sebenarnya kita ketinggalan, apabila saya baca berita dan buat sedikit *research*, saya dapati kita ketinggalan dari segi *intangible cultural heritage*, dari segi warisan tidak ketara. Negara jiran kita Indonesia mempunyai tujuh penyenaraian UNESCO dalam kategori *intangible cultural heritage*. Antaranya penyenaraian Indonesia - keris, Malaysia ada keris juga. Batik,

Malaysia ada batik juga. Wayang Kulit, Malaysia ada Wayang Kulit juga. Angklung, Malaysia ada Angklung juga tetapi kita tewas kepada Indonesia. Kita tertewas kepada Indonesia kerana Indonesia lebih cepat pergi mendapat penyenaraian daripada UNESCO. Mereka sekarang ada tujuh (7) dan kita kecundang, kita kecewa dengan empat (4). Ini kita mempunyai warisan sama tetapi kita tidak dapat dan terlewat. Saya mendapati ini Jabatan Warisan Negara daripada Kerajaan Pusat lembap. Saya gunakan perkataan lembap dari segi usaha penyenaraian *intangible cultural heritage* kerana ini melibatkan juga martabat Negara. Apabila kita gagal untuk bersaing dengan Indonesia, ini melibatkan martabat Negara.

Kita baru sahaja menandatangani konvensyen untuk melindungi *intangible cultural heritage* pada 23 Julai 2013 iaitu empat (4) bulan lalu kita baru "sign" sahaja tetapi Indonesia sudah memperolehi tujuh (7) penyenaraian UNESCO. Saya berharap Kerajaan Negeri janganlah terlalu mengharapkan Jabatan Warisan Negeri dan Kerajaan Pusat. Kita sendiri mengambil langkah melalui George Town World Heritage Incorporated membantu Jabatan Warisan Negara cuba mendapat penyenaraian warisan Pulau Pinang yang unik seperti Boria yang begitu menarik, tarian boria. Chingay yang begitu menarik dan unik untuk berpotensi untuk mendapat penyenaraian UNESCO dari segi *intangible cultural heritage*. Saya faham bahawa George Town World Heritage Incorporated telah menjalankan inventori untuk *intangible cultural heritage* dalam lingkungan George Town. Diharapkan GTWHI dapat meningkatkan penglibatan program-program berkenaan supaya kita terus boleh bersaing dengan Negara-negara lain.

Seterusnya saya tertarik dalam Bajet 2014, levi dasar harta tanah untuk orang asing. Kerajaan Negeri mengumumkan akan mengenakan levi 3% harga penjualan ke atas semua transaksi harta tanah melibatkan warganegara atau syarikat asing mulai 1 Februari 2014. Saya meminta kategori warganegara asing ini diberikan penjelasan yang lebih lanjut. Pada pandangan saya, mereka yang memegang IC merah yang telah bermastautin lama sebagai pemastautin tetap walau pun bukan warganegara Malaysia, tetapi hendaklah diberikan kelonggaran dari dikenakan levi atau had pembelian untuk orang asing. Saya terbaca bahawa Kerajaan Negeri menubuahkan satu skuad khas untuk membantu pemegang IC merah dalam berurusan dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Ramai yang menghadapi masalah teknikal untuk memperolehi kewarganegaraan walau pun mereka sebenarnya pada hati dan nurani ialah rakyat Malaysia. Saya minta supaya kategori *permanent resident* ini dikecualikan daripada levi.

Saya telah meminta jawapan tentang jumlah transaksi harta tanah kepada wargaasing. Saya mendapati bahawa jumlah transaksi harta tanah oleh orang asing masih di bawah 3% daripada jumlah transaksi. Tambahan pula terdapat "trend" penurunan pada tahun 2013. Pada 2010 angka yang dikemukakan terdahulu 770 transaksi. Tahun 2011 890 transaksi. Jawapan yang diberikan kepada saya untuk tahun 2012 1,010 transaksi dan tahun 2013 561 transaksi sahaja. Nampak trend kekurangan. Saya rasa efektif dia punya polisi itu iaitu mengehadkan siling, tetapi saya dapati angka ini mungkin tidak menggambarkan keadaan sebenar. Pembelian untuk warganegara asing kerana saya dapati angka ini termasuk kes pemberian secara kasih sayang. *Probably* warisan harta atas perintah mahkamah dan sebagainya yang penerima walau pun warganegara asing tetapi ada *connection* dengan Malaysia. Maksudnya, pembelian harta tanah oleh warganegara asing adalah lebih rendah daripada angka yang saya sebut tadi.

Sekiranya kita ambil angka konservatif iaitu 2% ke atas harta tanah bernilai RM1 juta untuk 500 transaksi, maka kutipan hasil Negeri adalah sebanyak RM10 juta. Saya harap kutipan levi ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan digunakan untuk manfaat Negeri. Saya juga menanyakan soalan butiran pindah milik harta tanah kepada warga asing di kawasan *core zone* dan *buffer zone* kawasan Warisan George Town dari 7 Julai 2008 iaitu hari di mana George Town disenaraikan sebagai UNESCO Heritage Site sampai hari ini iaitu lebih kurang lima (5) tahun lebih. Dari jawapan yang diterima, sebanyak 33 transaksi direkodkan. Butirannya ialah empat transaksi melibatkan *landed property*, lima transaksi melibatkan tanah kosong dan selain 29 transaksi adalah unit dalam kondominium bertingkat. Kalau angka ini tepat maksud dia kondominium bertingkat tidak mungkin bangunan warisan sebelum perang. Oleh itu angka tersebut adalah sejajar dengan laporan ataupun perhatian saya bahawa majoriti daripada bangunan harta tanah warisan dan bangunan *pre-war* di George Town masih dipegang oleh *stakeholder* tempatan seperti persatuan dan individu tempatan. Keadaan ini perlu dikekalkan supaya bangunan warisan kita dijaga dengan baik.

#### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Maaf YB. Air Itam. Ahli-Ahli Yang Berhormat masa lima belas (15) minit telah melebihi masa persidangan pukul 5.00. Pukul 7.00...(gangguan), sudah ada tadi. Terima kasih. Teruskan.

#### **Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Tentang pembelian harta tanah oleh orang asing sama ada di George Town atau di tempat lain. Saya meminta Kerajaan Negeri supaya sentiasa membuat pemantauan terhadap angka-angka pemilikan ini dan membuat *adjustment* terhadap polisi pemilikan harta tanah dari semasa ke semasa supaya hak orang tempatan dilindungi.

YB. Timbalan Speaker, berkenaan dengan Laporan Ketua Audit Negara 2013. Saya dapati ada satu kementerian dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013 untuk Negeri Pulau Pinang. Kementerian ini tidak dapat pengesahan sama ada seseorang pembayar cukai, penyewa rumah Kerajaan atau penerima kebajikan sudah meninggal dunia. Tiada jabatan melaporkan kalau ada sudah meninggal dunia masih menyewa rumah Kerajaan, sudah meninggal dunia masih menerima kebajikan. Saya menanyakan soalan dan mendapat jawapan bertulis bahawa pihak Jabatan Pendaftaran Negara tidak memberarkan mana-mana jabatan untuk akses kepada *database* nya secara *online* dan *real time* atas sebab-sebab keselamatan. Maksud dia, saya baca juga Laporan Audit tahun 2008 perkara yang sama juga disebut, teguran Ketua Audit Negara kepada Jabatan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2013 perkara yang sama. Pokoknya ialah dia ada satu *connection online system* dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Oleh itu mereka gagal untuk membuat *checking*. Jadi saya harap Jabatan Pendaftaran Negara boleh berkongsi *database* dengan agensi-agensi Kerajaan bukan sahaja Negeri Pulau Pinang tapi Negeri-negeri yang lain dan pada masa yang sama dapat meningkatkan integriti dari segi *database*.

YB. Tuan Speaker, saya baca *budget speech* dan saya dapati ada beberapa kemusyikan dan perlu diperjelaskan lanjut EXCO berkenaan saya dapati bahawa, pengurangan yang ketara kepada peruntukan pembangunan JKR untuk tahun 2014

iaitu penurunan iaitu terdapat penurunan yang ketara RM41.6 juta ke RM24.23 juta. Saya baca dengan teliti bahawa projek-projek infrastruktur baru yang mungkin dulu dijalankan oleh JKR tetapi tukar kepada PDC, saya nak JKR memberi tumpuan kursus projek-projek penyelenggaraan sahaja *maintenance* sahaja. Infrastruktur baru PDC dan saya rasa satu *trend* atau mungkin penjelasan lanjut perlu diberikan sama ada *performance* JKR ataupun di bawah optimum ataupun JKR memang kompetensi atau kompetensi di JKR dalam penyelenggaraan dan tidak dalam infrastruktur baru.

*I think* ini melibatkan satu *policy decision* dan saya juga dapat dalam bajet ini pengurangan daripada 9 jabatan pengurangan dari segi 8 jabatan peruntukan pembangunan kurang berbanding tahun 2013. Saya rasa mungkin ini satu pembaharuan dari segi *civil service*. Saya harap Kerajaan Negeri dalam penggal kedua ini memberikan perhatian kepada isu agenda *reform on civil service* kerana kita telah mendapat banyak maklum balas daripada media atau orang ramai, kita perlu memperkenalkan pembaharuan dari segi *civil service* sama ada maklum balas kita pada orang ramai atau bagaimana *follow up* isu dan sebagainnya.

Saya minta Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Pegawai Kewangan Negeri merupakan *civil servant* yang berpangkat paling tinggi dalam Kerajaan Negeri membawa agenda saya rasa bukan sahaja mereka perlu memperkenalkan *reform civil service*. Dengan cadangan pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat saya dapat jawapan bahawa *tentatively* akan bermula 1 Julai 2014 dengan perkenalkan Enakmen Kebebasan Maklumat ini merupakan satu cabaran kepada *civil service* kita, dengan pentadbiran kita, kerana sebelum ini orang ramai dapat jawapan ataupun secara bertulis melalui ADUN dalam Dewan kita bersidang dan dapat jawapan bertulis, tapi sekarang dengan reformasi maklumat dengan Enakmen Kebebasan Maklumat yang akan dilaksanakan, orang ramai juga berhak mendapatkan maklumat daripada pentadbiran dan mereka perlu menjawab dalam masa 30 hari. Saya rasa saya dapat jawapan belum ada latihan di kalangan penjawat awam dan tentang pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat. Saya khuatir jika tidak diuruskan dengan baik perkara ini akan jadi kucar-kacir supaya satu taklimat supaya *civil service* kita dapat menjadikan lebih *responsive* kepada pemintaan rakyat dan mempertingkatkan *performance* pentadbiran.

Saya tertarik juga dengan levi yang akan bakal diperkenalkan dalam sektor perhotelan. Dalam sektor penghotelan dengan levi yang akan diperkenalkan, tadi Pulau Betong telah memberitahu Dewan ini 200 *homestay* yang berlesen di Pulau Pinang sahaja. Saya ingin meminta EXCO Pelancongan supaya tugas EXCO Pelancongan bukan sahaja membuat promosi terhadap pelancongan tetapi juga menguruskan perkara-perkara sedemikian dan juga memastikan kita punya tempat peranginan dan tempat yang selalu dilawati oleh pelancong dengan baik untuk menarik pelancong. Kekhuatiran saya begini, sekiranya saya dapat ada juga hotel-hotel yang tidak didaftarkan ataupun tidak mendapat lesen operasi atau sebab berbagai masalah tidak ada kelulusan bomba tidak ada kelulusan jabatan-jabatan tertentu. Oleh itu di luar bidang kuasa pelesenan MPPP. Dan *homestay* yang di luar bidang kuasa MPPP sama ada *private homestay* dalam bidang kuasa MPPP. Saya perhatikan supaya kerana dengan perkenal *medical tourism* selalu kita *promote* juga akan membawa masalah membawa cabaran dengan tumbuhnya banyak walaupun kita panggil *homestay* sebenarnya penyewaan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih Air Itam, pasal *homestay* ini saya juga nak minta dan setujukah air itam supaya pihak Kerajaan Negeri EXCO Pelancongan supaya memberi perhatian sedikit kepada *homestay* ini, saya difahamkan mereka tidak pernah mendapat bantuan dari Kerajaan Negeri sama ada *homestay*, peningkatan infrastruktur, saya difahamkan mereka tidak pernah dapat. Jadi saya berharap EXCO memberi tumpuan dan apakah bentuk bantuan diberikan jika tidak dalam Dewan kita tanya *homestay*, *homestay* tetapi realitinya mereka tidak dibantu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Terima kasih Pulau Betong apabila perkenalkan levi-levi tersebut masalah sebegini akan timbul sama ada mendapat lesen MPPP, sama ada *private homestay* penyewaan bilik dikenakan dan sebagainya, saya rasa boleh juga saya memberikan cadangan kepada EXCO Pelancongan untuk melihat Undang-undang Macau "*prohibition of providing illegal accommodation*". Dia ada satu undang-undang. Sesiapa dia tak galakkan *homestay* di Macau, pelancong-pelancong perlu duduk dalam *accommodation* atau hotel atau sebagainya yang diluluskan oleh Kerajaan dan saya rasa ini mengurangkan isu *hotel operator* ataupun yang kecil yang beroperasi secara *illegal* dan juga isu-isu penyewaan bilik. Penyewaan bilik, penyewaan rumah kepada *patient* ataupun yang telibat dalam etika *tourism* isu-isu ini perlu diberikan perhatian dan juga diberikan *study* supaya pelaksanaan program levi ini baik dengan menggunakan tapi kita kena *mechanism collection*. Definasi *mechanism* dan juga penggunaan wang tersebut perlu ada satu *focus priority* supaya program-program yang dicadangkan program murni yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri dapat dilaksanakan.

Dengan ini saya lihat bajet ini dengan banyak program-program projek-projek yang diutarakan Kerajaan Negeri. Saya juga harus meminta Kerajaan Negeri melihat kepada aspek-aspek kemanusiaan, aspek bukan fizikal dari segi kebudayaan, dari segi *environment* yang disebutkan bukan sahaja oleh saya tetapi dari rakan-rakan saya supaya kita dapat *inject* satu *dimension* satu kemanusiaan dari bajet ini dan saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguh 15 minit dan akan disambung semula 5.45 petang. Terima kasih.

***Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang***

***Dewan disambung semula pada jam 5.45 petang.***

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dewan disambung semula, kalau dapat kita selesaikan hari ini, esok senang buat penggulungan sahaja. Silakan Ahli Kawasan Penaga.

### **Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Ahmad):**

*Bismillahhirrahmanirrahim*, terima kasih YB. Dato Speaker, Ahli-Ahli Dewan, terima kasih YB. Dato Speaker kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan bajet, ucapan Bajet 2014, Negeri Pulau Pinang yang telah dibentangkan oleh Ahli Kawasan Air Putih.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama, yang saya ingin sentuh di sini ialah berkaitan dengan tajuk "Memperkasakan Agama Islam Sebagai Agama Syumud" seperti yang dinyatakan di muka surat 38, 39 dalam teks ucapan Y.A.B. Ketua Menteri. Yang di-Pertua, dalam teks ucapan disebut tentang, dan juga peruntukan yang akan diberi kepada rakyat yang beragama Islam di Pulau Pinang melalui Majlis Agama Islam, itu saya amat mengalu-alukan tetapi apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah mengenai fahaman-fahaman sesat yang sekarang ini dibincang di dalam akhbar-akhbar di Malaysia khusus mengenai fahaman Syiah. Saya sebagai orang Islam di Negeri Pulau Pinang amat mengambil berat sekali isu agama dan seperti yang kita sedia tahu di Malaysia, agama Islam berlandaskan Ahli Sunnah Waljamaah dan saya amat berharap sekali Majlis Agama Islam Pulau Pinang mengambil segala usaha untuk memastikan bahawa fahaman-fahaman yang dilarang seperti fahaman Syiah, seperti Tuhan Harun, Ayah Pin, dan sebagainya tidak berlaku ataupun tidak berleluasa di Negeri Pulau Pinang. Kita di Negeri Pulau Pinang walaupun kita mempunyai rakyat yang berbilang kaum dan orang-orang Islam di Negeri Pulau Pinang dari segi akidahnya perlu kita jaga dan kita pelihara dengan sebaik mungkin. Oleh itu, saya amat berharap Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam mengambil serius tentang perkara ini dan memastikan bahawa ajaran-ajaran sesat ini tidak ada di Negeri Pulau Pinang.

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Penaga, YB. Dato' Speaker, sedarkah Ahli Kawasan Penaga bahawa Menteri yang menjaga Hal Ehwal Agama telah memaklumkan bahawa Perlembagaan Malaysia yang menyatakan bahawa Islam adalah Agama Negara dan Agama Persekutuan akan memperkuatkan dengan menambah bahawa berdasarkan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah. Saya ingin bertanya ekoran daripada maklumat yang telah diperolehi bahawa satu majlis penerangan tentang bahayanya agama Syiah bagaimana ia memecah belahkan masyarakat Islam di Negara kita khususnya di Negeri Pulau Pinang telah pun dianjurkan pada 8 haribulan yang lalu, hari Ahad di Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, di pusat bandar Seberang Jaya, tetapi Jawatankuasa Masjid telah menerima panggilan telefon daripada Ahli Seberang Jaya yang meminta supaya majlis tersebut dibatalkan dan mungkin juga beliau mendapat arahan dari atas. Jadi saya nak tanya kenapakah dalam usaha kita memaklumkan kepada masyarakat Islam apa itu ajaran dan fahaman Syiah supaya orang Islam tahu, dan usaha kita untuk menerangkan betapa ianya adalah satu ajaran yang sesat dan akan memecahbelahkan masyarakat Islam dan menjadi ancaman kepada keselamatan negara, kenapakah majlis tersebut nak dibatalkan ataupun tidak mahu dijalankan? Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih Yang Berhormat Telok Ayer Tawar, saya minta maaf saya tidak dapat menjawab soalan ini dan saya serahkan kepada EXCO yang berkenaan untuk memberi ulasan, saya teruskan. Seperti yang telah diperkatakan Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar tadi, isu ajaran sesat ini (Syiah) bukan sahaja melibatkan akidah orang Islam tetapi ia juga boleh memecahbelahkan umat Islam di Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, di peringkat Negeri Pulau Pinang seperti yang saya katakan tadi, kita perlu, kalau boleh, saya tidak pasti sama ada, ada tidak satu undang-undang yang mengharamkan, mengharamkan ajaran sesat ini. Sebab di Pulau Pinang kalau kita ikut rujukan kepada Perkara 5, Perlembagaan Pulau Pinang, ia menyatakan Islam adalah agama rasmi Negeri tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan harmoni di mana-mana bahagian negeri dan itu Perkara 5.1, dan Perkara 5.3 menyatakan bahawa Badan Perundangan hendaklah melalui undang-undang mengadakan peruntukan bagi mengawal hal ehwal agama Islam dan menubuh satu majlis bagi menasihati Yang DiPertuan Agong mengenai perkara yang berhubungan dengan agama Islam. Dalam hal ini sekiranya perlu, saya rasa mungkin kita patut juga meminda perlumbagaan ini untuk menyatakan dengan jelas bahawa Islam yang dimaksudkan di sini adalah Islam berlandaskan Ahli Sunnah Waljamaah supaya tidak berlaku dakwaan bahawa seseorang Islam tetapi sebenarnya dia bukan orang Islam kalau bukan berlandaskan Ahli Sunnah Waljamaah. Jadi saya ingin mencadangkan sekiranya boleh kita membuat pindaan kepada perlumbagaan.

Perkara kedua Yang di-Pertua berkaitan dengan parit tali air ataupun ban, sebenarnya isu ban ini, isu parit tali air ini mungkin di George Town kita tidak nampak, mungkin ramai di antara Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini saya rasa mungkin tidak pernah lalu kot di atas ban, tetapi kalau kita pergi di luar bandar, memanglah orang kata banyak parit tali air yang kita akan jumpa contohnya di sebelah Penaga. apa yang saya nak katakan di sini yang pertama, parit tali air di kawasan-kawasan luar bandar di Pulau Pinang, bukan sahaja menjadi satu sumber air untuk di masukkan ke dalam sawah, tetapi ia juga digunakan sebagai satu alternatif, jalan alternatif, selain daripada jalan-jalan lain yang ada di luar bandar.

Saya nak cerita sedikit berkaitan dengan apa yang berlaku di kawasan saya.. Lebih kurang 2 bulan yang lalu, satu kejadian sedih di mana seorang wanita, umur lebih kurang 58 tahun, itu saya tidak pasti tetapi lebih kurang macam itu, pada waktu malam, hujan lebat, bawa kereta, sampai di persimpangan, persimpangan itu sebenarnya persimpangan parit ban jalan dan disebabkan hujan, disebabkan lampu tidak ada di kawasan itu dan disebabkan jalan mungkin basah mungkin beliau tidak dapat mengawal kenderaan kereta beliau, dan disebabkan itu kereta beliau terjunam ke dalam parit ban dan sebab yang saya katakan tadi, di luar bandar parit ban dijadikan sebagai jalan alternatif. Apabila kereta terjunam di dalam parit ban, nasib baiklah ada beberapa orang pemuda dekat situ yang nampak dan parit ban ini sebenarnya dalam, tuan puan, Yang Berhormat, sebenarnya parit ban ini dalam, sebab yang dikatakan dalam itu kerana bila kereta itu jatuh, kereta itu semakin lama semakin ke bawah dan beliau di dalam kereta tidak dapat membuka pintu kereta dan disebabkan itu ada air mula masuk ke dalam mulut beliau dan buat beliau susah hendak bernafas, menjerit pun orang tidak dengar sebab nak buka pintu tidak boleh, jadi nasib baiklah ada beberapa orang pemuda di kawasan itu yang nampak, kita bayangkanlah kejadian berlaku di waktu malam, lebih kurang dalam pukul 9.00, pukul 10.00 gelap hujan lebat dan disebabkan

itu mereka terpaksa, kereta itu menjunam, mereka terpaksa ketuk cermin sehingga pecah dan terpaksa menarik beliau keluar. Sebelum itu beliau memanglah terminum air-air dalam parit ban. Jadi kejadian itu, orang kata, peristiwa itu amat sedih sekali kerana seminggu selepas itu beliau meninggal dunia. Saya, sebenarnya saya hadir semasa pengebumian dan apabila saya bercakap dengan orang-orang di situ, sebenarnya di kawasan itu. Disebabkan itu saya telah meminta pihak JPS untuk membuat satu penghadang dan juga lampu, tetapi *Alhamdullillah* penghadang telah dibuat dengan segera tetapi apa yang berlaku selepas itu lampu belum lagi dipasang. Apa yang saya hendak tegaskan di sini, selain daripada batas parit ban digunakan sebagai alternatif, jalan alternatif, airnya juga, kalau dululah, dulu-dulu, saya ingat lagi semasa saya kecil, saya biasa mandi di parit ban, dan itulah tempat saya belajar berenang tetapi pada hari ini saya dapati air-air dalam parit ban mungkin tidak boleh lagi diguna disebabkan pencemaran dan sebab itu saya berpendapat dan saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri. Yang pertama, supaya memastikan bahawa kawasan-kawasan parit ban yang mana berbahaya diletakkan penghadang untuk mengelakkan berlakunya insiden seperti yang saya ceritakan tadi.

Yang kedua, air dalam parit ban itu, sebenarnya saya kemukakan soalan tetapi apa yang saya dapat jawapan ialah saya tanya. "Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk merawat air di dalam parit tali air di kawasan luar bandar dan nyatakan berapa kali dalam setahun ujian dibuat ke atas air di dalam parit tali air untuk memastikan bahawa air tersebut selamat digunakan atau tidak ada pencemaran air?" Jawapan yang saya terima ialah pada masa ini. "Tiada peruntukan disediakan bagi merawat air di dalam tali air kerana tiada jabatan yang melaksanakan perkhidmatan tersebut. Buat masa ini khidmat rawatan air hanya dilaksanakan di sungai atau anak sungai, empangan dan kolam kumbahan merujuk kepada agensi-agensi yang terlibat seperti MPSP, MPPP, JPS atau jabatan Negeri."

Saya sebenarnya, saya amat bimbang sekali mengenai air di dalam parit tali air itu sebab sekiranya tidak diuji kita pun tidak tahu sama ada air itu selamat digunakan atau tidak sebab di kawasan luar bandar, ikan, sumber-sumber hasil, ikan, ikan memanglah ada dalam parit ban ini dan orang-orang kampung memanglah mencari ikan untuk dimakan. Jadi saya haraplah Kerajaan Negeri memberi peruntukan untuk mengadakan penghadang, lampu dan juga menguji sama ada air di dalam parit tali air itu bersih ataupun tidak, tercemar ataupun tidak. Saya dapati di dalam bajet tidak ada peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk perkara-perkara tersebut.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Minta laluan Ahli Kawasan Penaga, YB. Dato Speaker, sebenarnya parit ban ini adalah juga merupakan satu isu yang agak besar sebenarnya kerana kebanyakkan parit ban ini ada yang sudah mati kerana tiada pergerakan air, akibatnya adalah terlampaui banyak jentik-jentik di situ dan akhirnya terbentuklah, atau terhasillah nyamuk Aedes dan banyak sekali sebenarnya parit-parit ini tidak diselenggarakan mungkin setahun antara dua kali atau tiga kali sahaja. Oleh itu saya berharap bahwasanya penyelenggaraan parit-parit adalah berkurangan, tidak mencukupi dan juga usaha-usaha untuk memastikan air-air itu sentiasa mengalir kurang dilaksanakan. Yang Berhormat EXCO boleh melawat di Balik Pulau, saya akan tunjukkan ketidakselenggaraan dan bagaimana tanpa aliran air yang berjalan yang menyebabkan nyamuk Aedes banyak sekali dan ini menyusahkan masyarakat.

### **Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih Ahli Kawasan Pulau Betong. Satu lagi isu yang saya ingin bangkitkan di sini adalah berkaitan dengan pelancongan di kawasan saya khususnya di Kuala Muda. Saya berterima kasih sekali lagi kerana dalam Bajet 2014 ini ada juga menyentuh tentang Kuala Muda dan saya juga telah bertanya sama ada apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mempromosikan tempat perlancongan seperti Kuala Muda, Pulau Aman, kelip-kelip di Kampung Sanglang dan berapakah. Saya pun bersimpati dengan rakan saya sebab beliau pun bercakap tentang pelancongan di luar daripada George Town, dan juga peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2014. Setakat ini saya belum nampak lagilah. Perkara ini sebenarnya telah disentuh di dalam ucapan T.Y.T. pada penggal yang pertama, pada mesyuarat pertama, penggal pertama, dan saya amat berharap sekali tindakan dan langkah-langkah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memberi peruntukan kepada kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi termasuklah Kuala Muda, untuk membantu Kuala Muda menjadi satu tempat pelancongan. Setakat ini yang saya difahamkan hanya dikatakan MPSP memasukkan kawasan ini ke dalam brosur-brosur dan agenda lawatan, saya pun tidak nampak sebenarnya perkara-perkara ini. Saya rasa itu tidak mencukupi, kalau kita betul-betul serius untuk membangunkan kawasan-kawasan lain di Negeri Pulau Pinang sebagai kawasan destinasi perlancongan, saya rasa kita perlu serius dalam perkara ini dan Kerajaan Negeri sepatutnya membantu dalam perkara ini dan memberi peruntukan untuk membangunkan kawasan-kawasan ini.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini adalah berkaitan dengan Zon Industri Akualkultur (ZIA) Penaga, ZIA Penaga, kawasan ZIA Penaga dilaksanakan tujuan untuk membantu pengurusan pembangunan yang sistematik, tersusun dan memudahkan pemantauan. Kerajaan Negeri telah meluluskan kawasan sepanjang pantai Seberang Perai Utara bermula dari Pasir Gebu di Penaga sehingga ke Kuala Bekah sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan pada bulan Mac 2006, ini sebelum 2008. Pihak Jabatan Perikanan telah menjalankan kajian kesesuaian tapak dan pelan struktur tapak pada tahun 2007. Projek akulkultur yang akan dilaksanakan adalah ternakan, asuhan dan pemberian ikan dan udang laut seperti siakap, kerapu, udang putih, udang harimau dan lain-lain.

Saya juga terbaca dalam ucapan bajet ini berkaitan dengan perkara ini dan saya mengalu-alukan projek ini dilaksanakan secepat mungkin untuk faedah masyarakat di kawasan saya. Selain daripada memberi manfaat kepada masyarakat di kawasan saya, ianya juga boleh menjadi satu tarikan pelancongan kerana kawasan yang disediakan untuk projek ini adalah besar seluas 277.6 hektar. Ini disebutkan di dalam Bajet 2014 dan juga disebut di sini pengeluaran akulkultur disasarkan sebanyak 50,000 tan dengan nilai berjumlah RM642 juta. Kemajuan Projek ZIA bukan sahaja memberi faedah kepada peningkatan pengeluaran akuakultur tetapi juga turut berpeluang menjadi kawasan agro pelancongan. Jadi, ini adalah satu projek bagi saya yang baik dan saya mengalu-alukan diadakan secepat mungkin kerana kalau kita lihat perkara ini memang dah lama, macam saya katakan tadi sejak 2006 lagi dan saya percaya dengan adanya projek ini, peluang-peluang pekerjaan akan juga diadakan dan penduduk-penduduk tempatan akan mendapat manfaatnya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

YB. Dato' Speaker, minta laluan, tadi YB. Penaga, sedarkan Yang Berhormat atau tahukah tidak bahawa (TKPM) ini Taman Kekal Pengeluaran Makanan ini, selain daripada Penaga ada juga di kawasan Juru yang jumlah hektarnya 115.2 hektar dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Juru ini merupakan kawasan zon pembangunan, sepatutnya taman kekal ini kena berada di kawasan pertanian, sepatut kena diubah, convert, ubah syarat daripada pembangunan kepada pertanian balik sedangkan kawasan ini merupakan kawasan zon pembangunan, difahamkan di Penaga memang kawasan pertanian.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih Sungai Acheh saya kurang pasti berkaitan dengan kedudukan tanah di Juru seluas 115.2 hektar yang diperuntukkan Taman Kekal pengeluaran makanan dan saya rasa mungkin EXCO yang berkenaan boleh memberi penerangan yang lanjut kepada kita selepas ini.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Minta laluan, saya pernah bertugas di Penaga, jadi isu Zon Industri Akuakultur ini adalah merupakan kawasan yang penuh dengan hutan dan PIP dan perlu untuk alam sekitar, jadi kalau boleh tolol minta pihak EXCO Pertanian dan Kerajaan Negeri lihat balik dari segi alam sekitar di kawasan situ dan juga penduduk di kawasan yang terlibat dengan Zon Industri Akuakultur ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih Sungai Dua. Seterusnya saya ingin menyentuh tentang nelayan, saya amat prihatin sekali dengan para nelayan kerana di kawasan saya memang ramai yang menjadi nelayan, khususnya di kawasan Kuala Muda dan kawasan-kawasan di tepi pantai termasuklah di sebelah Penaga, Pasir Gebu dan Kerajaan Pusat memang telah banyak memberi bantuan kepada para nelayan seperti subsidi petrol, diesel, wang saraan nelayan dan insentif penangkapan. Tetapi saya tidak nampak di dalam teks ucapan ini. Selain daripada subsidi seperti itu hanya cadangan pemberian bantuan pukat, bantuan pukat pantai kepada 2,981 orang nelayan yang berdaftar dengan LKIM. Di sini saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri dapat memikirkan cara-cara lain yang boleh orang kata memberi manfaat kepada nelayan ataupun dari segi untuk menambahkan subsidi kepada nelayan selain daripada yang diberi bantuan oleh Kerajaan Pusat. Kita seharusnya prihatin kepada nelayan-nelayan sebab nelayan-nelayanlah yang banyak berkorban untuk membawa makanan kepada kita dan sebenarnya profesi sebagai seorang nelayan ini bukanlah mudah dan bukanlah setiap hari mereka dapat pergi ke laut. Saya banyak belajar daripada nelayan-nelayan sejak saya menjadi wakil rakyat di kawasan saya selama 6 atau 7 bulan. Katalah dalam tempoh 30 hari kemungkinan besar seminggu mereka tidak dapat ke laut disebabkan cuaca yang kurang baik, disebabkan kerosakan enjin bot, disebabkan mungkin sakit dan pelbagai-pelbagai sebab yang boleh menjelaskan pendapatan mereka, tapi pada masa yang sama tanpa mereka mungkin kita tidak dapat menikmati hasil dari laut. Jadi inilah kalau yang saya rasa kita perlu memikirkan bagaimana kita dapat membantu mereka, itulah sebab tadi saya cadangkan mungkin Kerajaan Negeri

dapat memikirkan sesuatu bantuan jenis apa yang boleh diberi kepada nelayan-nelayan supaya hidup mereka menjadi lebih senang kerana mereka pun mempunyai keluarga dan keluarga mereka pun seperti keluarga kita juga perlu berbelanja dan pendapatan yang tidak menentu itu kadang-kadang mungkin mengakibatkan mereka tinggal profesion sebagai nelayan dan ini kurang baik sikit dari segi masa depan ekonomi Pulau Pinang.

Satu perkara lagi saya ingin menyentuh berkaitan dengan laporan, komen-komen ataupun teguran-teguran yang dibuat oleh Laporan Ketua Audit Negara, dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012. Saya ingin menyentuh di sini hanya satu (1) saja itu ke atas Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Berkaitan dengan kelemahan yang didapati iaitu antara lain kelemahan pemantauan terhadap premis dapat sijil halal tidak dilaksanakan dan penguatkuasaan yang dijalankan adalah terhad. Saya rasa ini satu perkara yang serius, sebagai umat Islam kita memanglah bukan makan di rumah sahaja, kita seperti rakyat di Pulau Pinang, kita pun sekali sekala bagi keluarga kita pergi ke restoran-restoran untuk orang kata menjamu selera jadi kalaualah Kerajaan Negeri tidak memantau premis ataupun pengusaha-pengusaha yang mendapat sijil halal, ini amat sedih sekali bagi orang Islam kerana orang Islam mengharapkan Majlis Agama Islam supaya memastikan setiap makanan yang mereka makan adalah makanan yang halal toiyiban. Jadi kita tidak mahu orang Islam merasakan bahawa makan di luar itu tidak selamat dari segi agama dan kita sedikit sebanyak mahu supaya perniagaan restoran makanan di Negeri Pulau Pinang berkembang dan untuk memastikan supaya makanan yang dijual di restoran-restoran yang ada sijil halal itu dipatuhi maka saya cadangkan supaya Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah yang tertentu dan sesuai untuk memastikan teguran-teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara tidak berulang lagi. Saya rasa setakat itu sahaja. Sekian, terima kasih.

#### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Mohon menyokong, tak sokong ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat sebaiknya dihujung ucapan kita itu, saya mohon menyokong. Batu Uban juga tadi. Silakan Sungai Dua.

#### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera YB. Timbalan Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua Jabatan, pemerhati-pemerhati, wakil media seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah syukur kepada Allah s.w.t. kerana pada petang ini kita masih lagi dapat sama-sama untuk mendengar perbahasan berkaitan dengan Rang Undang-undang Perbekalan dan Bajet Negeri 2014. Saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya pada petang ini. Mungkin saya terakhir 6.30. YB. Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Bajet adalah merupakan satu elemen yang penting yang perlu bagi setiap organisasi ataupun syarikat dan juga kita di peringkat negeri dan ia memberi satu arah hala tuju ke mana arah tuju pentadbiran Negeri, pengurusan Negeri dan juga langkah-langkah yang diambil bagi mencapai bajet yang telah kita tentukan yang telah dibentangkan. Saya nampak bajet pada kali ini adalah merupakan bajet defisit dan kita harap ia dapat memberikan, mencerminkan satu pelaksanaan yang sebenar di peringkat Kerajaan Negeri. Apa yang saya lihat

sepantas lalu bajet yang telah disediakan, yang telah dibentangkan, ianya merupakan satu bajet yang saya nampak lebih bersifat populis untuk mencari populariti dan juga mencari mendapatkan sokongan yang lebih hebat di peringkat PAKATAN dan tidak banyak perkara-perkara baru yang diutarakan, walaupun ada tidak banyak dan maksud saya ada elemen-elemen baru tetapi tidak sebanyak yang kita harapkan dan antara yang baru itu dari segi pelancongan, mungkin dari segi pelaburan dan beberapa perkara yang lain. Saya nampak ianya merupakan satu kesinambungan kepada program-program atau projek yang telah dilaksanakan pada tahun 2012 dan tahun 2013 ini.

YB. Timbalan Speaker, untuk mencapai taraf negeri bertaraf antarabangsa dan pintar melalui bajet yang dibentangkan merupakan satu kesungguhan dan kerjasama daripada semua peringkat, semua pihak, sama ada daripada pimpinan tertinggi Negeri, peringkat jabatan dan agensi dan juga pihak swasta dan semua rakyat di Negeri Pulau Pinang. Tidak ketinggalan juga sumbangan daripada Kerajaan Pusat amat diperlukan dan perlu diiktiraf dalam kita mencapai melaksanakan perbelanjaan dan mengurusan pembangunan di peringkat negeri dalam Bajet 2014 ini.

YB. Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh satu (1) isu tentang sektor pertanian, dari segi menyuburkan sektor pertanian. Sektor pertanian ini adalah merupakan merangkumi bidang tanaman, ternakan, ternak air dan industri asas tani yang berkaitan dengan pertanian. Apa yang saya nampak pihak Kerajaan Negeri Bajet 2014 hanya menumpukan kepada bidang Akuakultur Ternak Air. Bidang-bidang lain hanya mengikut peruntukan yang sedia ada dikekalkan kepada Jabatan Pertanian dan Jabatan Veterinar. Jadi kalau boleh bagi sektor tanaman padi ataupun pertanian, dari segi kita lihat masalah yang berlaku, kerja-kerja pembersihan parit tali air dan juga sungai masih lagi menimbulkan masalah kepada para petani dari segi pelaksanaan kerja dan dari segi kualiti kerja yang dilaksanakan. Mungkin dari segi jadual juga mungkin kurang peruntukan tidak mencukupi terpaksa pihak Jabatan Pengairan dan Saliran mengurangkan dari segi bilangan pusingan dan sebagainya.

Jadi saya harap pihak Kerajaan Negeri dapat mempertingkatkan atau menambah dari segi pusingan pembersihan parit dan juga tali air ini, kerana ia amat perlu kepada para petani dari segi pelaksanaan kerja-kerja semasa musim memulakan tanaman padi dan juga semasa kita hendak mengeringkan air dari segi parit buang dan sebagainya. Peruntukan ini juga telah ditambah oleh pihak MIDA di bawah Jabatan Pertanian dan Industri Tani telah menambah sedikit sebanyak peruntukan bagi memudahkan kerja-kerja pembesihan ini dilaksanakan sepenuhnya dan yang keduanya dari segi (IAT) ataupun Industri Asas Tani yang perlu juga diberi perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri mungkin di bawah Jabatan Pertanian perlu ambil perhatian kerana kita lihat banyak usahawan-usahawan terutamanya wanita terlibat dalam industri asas tani di peringkat kampung-kampung. Dan mereka menghadapi masalah berkaitan dengan *packaging* .... (dengan izin), pembungkusan *branding* dan juga pemasaran. Kalau boleh kita harap sama ada di bawah pihak Jabatan Pertanian ataupun lain-lain agensi yang terlibat di peringkat Negeri dapat mencari satu kaedah, satu jalan supaya kita dapat menyelesaikan masalah dari segi, yang pentingnya untuk pembungkusan, *branding* dan juga pemasaran.

Mungkin kita boleh buat satu tempat *centralise*, kita pusatkan satu tempat semua produk-produk itu ditempatkan dan dibungkuskan dengan kaedah yang terbaik supaya dapat dipasarkan dan pemasaran juga perlu dibuat bagi membantu usahawan-usahawan yang bermusim ini. Bermusim maksudnya musim kenduri, musim raya, depa ini dapat hasil yang banyak. Luar daripada musim itu hasil dan pendapatannya agak rendah. Ramai terdiri daripada ibu-ibu tunggal yang terlibat dalam IAT ini.

Seterusnya isu berkenaan dewan-dewan yang diambil alih oleh pihak JKKN dan juga Pakatan Rakyat. Banyak dewan-dewan telah diambil alih pengurusannya dan kita lihat di tempat saya sendiri, dari segi penyelenggaraan agak kurang dan juga mungkin memberi masalah kepada masyarakat di kawasan sekitar. Contoh yang terbaik yang saya boleh bagi tahu di sini, dewan di Taman Desa Murni. Terdapat 2 dewan yang ditinggalkan begitu sahaja. Mungkin bila saya tanya, katanya pihak Majlis, pihak MPSP yang mengambil alih pengurusan. Jadi saya harap kalau boleh, kita lihat balik dewan-dewan yang bermasalah ini yang perlu digunakan sepenuhnya. Perlu memberi manfaat kepada masyarakat di dalam kawasan. Begitu juga dengan Dewan Besar Sungai Dua, dari segi *maintenance* nya, dari segi penyelenggaraanya, kita nampak kurang terjaga, dari segi *aircon* dan sebagainya. Dan ini perlu diberi sedikit tumpuan supaya dewan-dewan ini boleh dibaik pulih boleh diselenggara dengan baik dan boleh digunakan sepenuhnya. Saya juga ingin menyentuh tentang banjir ... (gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Sungai Dua, saya berpandangan begini, mungkin Yang Berhormat bersetuju ataupun tak bersetuju dengan saya. Memandangkan selepas 2008 sampailah ke hari ini, masih lagi timbul situasi di mana bangunan-bangunan yang telah pun kita bina dulu di zaman Barisan Nasional, tetapi tidak diselenggarakan. Mereka ambil alih, mereka biar bangunan itu usang tak terjaga dan sebagainya. Mengapa tidak Kerajaan Negeri menyerahkan balik kepada kita ADUN-ADUN di kawasan itu, dan kita selenggarakan. Saya rasa itu akan lebih memastikan yang bangunan itu yang memang niatnya dibina ialah untuk masyarakat agar mereka boleh menggunakan. Jika tidak banyak contohnya, di Balik Pulau, bangunan Balora, pejabat saya yang lama dahulu. Menang 2008, suruh keluar. Saya keluar ke pejabat lain. Tetapi hari ini apa jadi. Bekas Speaker pun pernah berkhidmat di situ pun tak guna. Bekas Timbalan Ketua Menteri pun pernah berkhidmat di situ pun tak guna dan hari ini apa jadi. So, lebih baik serah balik kepada kami Adun-adun di kawasan yang berada di Barisan Nasional, biar kami selenggara, biar kami yang menjaga. Untuk siapa, untuk masyarakat Pulau Pinang ini.

#### **Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih Sungai Dua, Saya pun tertarik dengan isu ini. Sebenarnya saya selaku Adun Penaga baru sahaja menerima surat daripada Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara mengenai pengambilan, surat ini dialamatkan kepada saya selaku ADUN Penaga mengenai pengambilalihan pusat komuniti Kadun Penaga. Sebenarnya Pusat Komuniti KADUN Penaga ini, yang saya tahu dibina dengan peruntukan Kerajaan, saya tak pasti Kerajaan Persekutuan kalau tak salah saya, tetapi terletak di atas tanah Kerajaan Negeri. Dan Pusat Komuniti ini sebenarnya sebelum ini adalah pejabat Pusat Khidmat ADUN Penaga mantan ADUN Penaga yang lepas iaitu YBhg. Dato' Azhar Ibrahim. Jadi pada hari ini saya telah menerima notis suruh keluar. Nasib baik lah saya tak menggunakan bangunan ini sebagai Pusat Khidmat saya.

Tetapi apa yang saya nak katakan di sini dan saya setuju sekali dengan pandangan Pulau Betong mengenai penyelenggaraan bangunan-bangunan yang digunakan oleh kami dulu, tetapi sekarang ini telah diambil alih selepas 2008 dan kami dapat sebenarnya di kawasan saya pun banyak bangunan-bangunan yang tidak dijaga dengan baik. Dan ini amat merugikan kerana ia membazirkan, berlaku pembaziran dari segi wang Kerajaan kerana Kerajaan telah memperuntukkan tak kiralah, sama ada Kerajaan Persekutuan, ataupun Kerajaan Negeri telah memperuntukkan satu jumlah untuk membinakan satu bangunan tetapi selepas itu tak dijaga dengan betul. Ini adalah satu pembaziran ya. Itu sahaja. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Terima kasih Sungai Dua. Bolehkah kita rumuskan di sini bahawa usaha untuk merampas dewan-dewan ini hanya untuk menidakkannya ataupun tak mahu bagi lah ADUN-ADUN Barisan Nasional ini menggunakan dewan-dewan ini. Bukan kata untuk tujuan-tujuan yang kata untuk kemasyarakatan. Saya bagi contoh, dewan banjir, Padang Menora baru ini banjir kan, kita pergi tengok. Memang dibinakan untuk dewan banjir tetapi bila tak banjir digunakan untuk masyarakat. Sebelah dewan itu telah ada kemudahan, bilik-bilik untuk kelas komputer, kelas Fardu'ain, kelas masak, menjahit, kemas. Tetapi bila saya pergi saya terkejut dewan banjir Padang Menora dibiarkan, apa ini, tak dijaga, tak diurus dan rosak dan sebagainya. Cukup sedih dah usang. Walhal tempat itu adalah tempat aktiviti masyarakat. Tetapi kerana dah menang nak tunjuk kuasa, halau yang dok ada yang dok menjalankan aktiviti masyarakat untuk faedah penduduk di situ. Bukankah ini satu pengkhianatan kepada masyarakat. Kalau kita kata nak surah rakyat nikmat kemudahan yang ada, ini di antara nikmat yang ada kepada penduduk kampung. Kenapa nak dirampas. Kalau rampas buat balik lebih elok daripada kita, okeylah buat, tak apa. Kita pun rela. Tetapi rampas, tetapi sebaliknya dibiarkan usang dan terbiar. Ini cukup merugikan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta laluan Yang Berhormat, sikit sahaja. Saya cuma ingin menyatakan walaupun saya terpanggil untuk menggunakan peraturan untuk mencelah, perkataan mengatakan kita merampas untuk menyalahguna kuasa pertamanya dan kita dan satu lagi perkataan digunakan mengkhianati rakyat adalah saya rasa memang Yang Berhormat tidak patut menggunakan di sini, kerana memang itu bukan niat. Keduanya, kita lihat bahawa selalunya pusat-pusat khidmat ini ataupun dewan masyarakat ini disalahgunakan masa pemerintahan Barisan Nasional. Bagi tujuan mempengaruhi penduduk-penduduk di kawasan tersebut untuk menyokong sesuatu parti. Dan ia tidak mencapai sasaran untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat setempat. Malahan bila ada permintaan, saya beri kesimpulan kawasan saya. Bila ada permohonan untuk mengadakan majlis makan malam, perkahwinan dan sebagainya, mereka ditanya sebelum itu. Kalau pihak yang ingin menempah adalah daripada parti sesuatu parti mereka, dibenarkan. Kalau daripada parti lawan, tidak dibenarkan. Ini adalah hakikat.

Jadi saya mintalah supaya YB. daripada Telok Ayer Tawar supaya tidak membuat tuduhan menyatakan bahawa kita merampas dewan ini untuk menunjukkan kuasa dan memang bukanlah niat Kerajaan kita untuk mengkhianati rakyat. Kita ada sebab tertentu mengapa kita mengambil alih dewan-dewan ini. Dan kalau tidak digunakan, usang dan sebagainya, mesti ada sebab-sebab tertentu, keadaan di kawasan-kawasan tersebut mengapa dewan tersebut tidak digunakan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Kalau macam itu, YB. Sungai Dua, saya nak tanya Seri Delima apa keputusan atau rumusan yang boleh dibuat. Kalau dewan itu diambil alih dan tidak dibuat apa, tidak diselenggara, aktiviti semua dihentikan. Dan aktiviti itu untuk kelas Fardu'ain, kelas komputer. Ini bukan politik, ini untuk budak-budak sekolah, orang-orang kampung yang tak ada tempat, yang tidak ada kemudahan-kemudahan ini. Apa matlamat, apa niatnya. Cuba cerita kepada saya, apa niatnya itu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat boleh menunggu sehingga EXCO berkenaan menjawab. Tetapi saya memang tidak berpuas hati Yang Berhormat mengatakan bahawa kita ingin menggunakan kuasa menunjukkan kuasa merampas dewan, tidak. Keduanya, memang bukan niat kita untuk mengkhianati rakyat. Tujuannya seperti yang saya katakan, sebelum 2008, bila ada sesuatu pihak yang ingin memohon menggunakan dewan tersebut, soal pertama yang ditanya adakah pihak yang ingin menggunakan, Presiden, Pengerusi Parti, Setiausaha Parti, kalau tidak memang tidak dibenarkan untuk digunakan sama sekali. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Macang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta penjelasan Sungai Dua. Cuma nak tambah sedikit. Boleh-boleh tambah sedikit kerana untuk Dewan juga. Saya nak tambah sedikit. Terima kasih Sungai Dua kerana memberi peluang kepada saya untuk tambah tentang dewan-dewan yang telah diambil alih oleh Kerajaan. Saya rasa isu ini sangat penting juga. Ya memang saya setuju dewan-dewan itu bukan dimiliki oleh mana-mana parti politik dan seperti apa yang dikatakan oleh Seri Delima. Sebelum ini, banyak dewan-dewan yang dibina di atas tanah Kerajaan ini, hanya digunakan eksklusif untuk parti-parti politik atau parti-parti pemerintah Barisan Nasional. Oleh itu apabila Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran Pulau Pinang ini, barulah kita mengembalikan hak penggunaan dewan itu kepada rakyat. Merakyatkan dewan-dewan yang di atas tanah Kerajaan dan saya rasa sekiranya berlaku tempat-tempat tidak dijaga, maka saya berharaplah ADUN-ADUN di kawasan masing-masing boleh membuat laporan kepada Pejabat Tanah atau kepada MPSP/MPPP supaya menyelenggarakannya untuk kegunaan orang ramai dan bukannya untuk kegunaan untuk sesuatu parti. So itulah daripada saya. Sekian terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Okeylah saya ingat. Cuma saya bangkitkan dari segi penjagaan penyelenggaraan so kalau boleh macam di Sungai Dua, tempat saya tak dijaga langsung, rosak habis. So, kalau boleh diselenggarakan dan kita gunakan untuk semua orang. Jangan hanya gunakan untuk setengah pihak sahaja, kita gunakan sepenuhnya dewan tersebut. Seterusnya tentang banjir. Masalah banjir ini telah disentuh banyak, tentang banjir di kawasan Sungai Dua dan bila menjadi Yang Berhormat. Ini sudah dua (2) kali kena banjir. Bulan Ogos dan bulan Oktober. Ianya berpunca daripada sistem saliran di dalam kawasan kampung yang tidak ada sistem saliran peparitan dan sebagainya. Jadi kalau boleh peruntukan RM18.06 juta ini juga disalurkan kepada kampung-kampung yang ada masalah dari segi pengairan dan juga dari segi saliran air keluar di kampung-kampung. Seterusnya tentang CCTV yang dilaksanakan untuk bandar selamat dan saya nampak dah dilaksanakan di peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Di MPSP masih belum ada pelaksanaannya. Dan masih ada lagi kawasan-kawasan tertentu yang belum dipasang CCTV dan sudah tiga (3) tahun masih belum dipasang, tiang dah dipasang, CCTV masih belum dipasang. Dan ini kalau boleh kita selesaikan segera supaya apa yang dijanjikan disempurnakan secepat mungkin. Seterusnya tentang .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Minta laluan Sungai Dua, YB. Dato' Speaker cuma bila disebut tentang CCTV ini. Ini ada satu (1) perbandingan. Ini ada gambar di Juru tiga (3) hari siap dipasang, yang ini di Penang, tiga (3) tahun masih yang kosong, Jawi hendak tengok ke, ada kawasan Jawi *confirm*? Ada bukti, selalu Seri Delima akan tanya saya ada bukti, terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Sungai Acheh siap dengan gambar, saya pun tak ada. Seterusnya pengusaha-pengusaha pasar malam dan peniaga-peniaga kecil yang semakin meningkat dari semasa ke semasa, makin bertambah dari segi bilangan-bilangan pengusaha-pengusaha ini dan mereka ini merupakan usahawan yang gigih dalam melaksanakan aktiiti perniagaan dalam mencari rezeki masing-masing, kadang kala golongan ini, usahawan-usahawan ini akan dikenakan tindakan runtuhkan bangunan dan gerai-gerai diruntuhkan dan sebagainya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana terdapat pinjaman mikro dalam Bajet Kerajaan Negeri yang memberi pinjaman kecil kepada pengusaha-pengusaha ini dan berharap dapat diberikan secara menyeluruh kepada semua rakyat di seluruh Negeri Pulau Pinang dan juga dari segi masalah yang lain iaitu berharap Kerajaan Negeri menyediakan tempat-tempat yang sesuai untuk pengusaha-pengusaha pasar malam dan mungkin pihak MPSP mencari tapak yang sesuai untuk diadakan pasar malam *uptown* dan sebagainya supaya peniaga-peniaga ini dapat mencari rezeki dengan lebih baik lagi dan dapat diwujudkan lebih banyak lagi tempat masyarakat bermiaga dan juga dari segi penambahan kawasan-kawasan perniagaan yang lebih strategik supaya para peniaga ini dapat bermiaga dengan aman dan tenteram tanpa ada sebarang gangguan ataupun masalah daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Minta laluan, terima kasih Sungai Dua, saya tertarik dengan isu peniaga kecil ini, peniaga pasar malam, sebenarnya saya menerima banyak aduan daripada penduduk di kawasan saya, sebab di Penaga memang terkenal dengan pekan Ahad, setiap hari Ahad memang ramai peniaga-peniaga yang bermiaga di sekitar sekian lama dan pada hari Khamis pun ada juga dipanggil pekan hari Khamis, jadi isu yang dibangkitkan kepada saya atau aduan yang diberikan kepada saya ialah berkaitan dengan kebersihan selepas waktu bermiaga dan di kawasan saya yang bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan pekan Ahad dan pekan Khamis itu ialah JKKN, sebelum ini, sebelum 2008 urusan itu dilakukan oleh JKK tetapi selepas 2008 diambil alih oleh JKKN, jadi apa yang menjadi rungutan ialah selepas perniagaan kebersihan itu tidak dijagai dan banyaklah sampah-sampah yang tidak di buang dan orang-orang tinggal di kawasan berdekatan merungut mengenai perkara ini dan saya harap EXCO yang berkenaan dapat memaklumkan JKKN yang bertanggungjawab iaitu JKKN Penaga, sekian terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Seterusnya berkaitan dengan pemberian rumah rakyat di kawasan luar bandar, saya tidak nampak dalam Bajet 2014 peruntukan untuk membaiki rumah mungkin digunakan peruntukan ADUN yang sedia ada, tapi di peringkat Kerajaan Pusat ada peruntukan khas di bawah KKLW untuk kita membaiki bumbung-bumbung rumah yang rosak dan sebagainya, kalau boleh perkara ini diadakan supaya beban tidak tertanggung oleh ADUN-ADUN Barisan Nasional saja untuk menukar bumbung-bumbung rumah kampung yang semakin uzur.

Seterusnya tentang perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah, daripada maklumat yang saya terima pada tahun 2008 hingga 2013 hanya 1,623 buah rumah sahaja yang telah disiapkan dan senarai pemohon yang mendaftar masih ramai, ada lebih 30,000 orang yang menunggu untuk mendapatkan rumah kos rendah dan sederhana rendah, jadi daripada apa yang dibentangkan kemungkinan masih lagi belum mencukupi dengan projek yang dirancang dan akan dilaksanakan dan diminta pihak Kerajaan Negeri melalui MMK perumahan supaya dapat memikirkan sesuatu yang drastik untuk memenuhi kehendak rakyat yang memerlukan rumah kos rendah dan sederhana rendah yang berada di bawah RM3,000.00 pendapatan sebulan.

Seterusnya tentang belia dan juga isu berkaitan dengan belia dan juga golongan-golongan remaja, golongan yang menghampiri 30% daripada penduduk di Negeri Pulau Pinang yang berumur antara 18 hingga 40 tahun. Adalah diketahui terdapat pertubuhan belia yang sedia ada, yang mampu bersama-sama mendekati golongan ini dan saya memohon supaya Kerajaan Negeri di bawah MMK belia dapat menggunakan pertubuhan yang sedia ada seperti contoh Belia 4B, dia ada MAYC dan sebagainya supaya dapat menggunakan salah satu daripada pertubuhan ini sebagai jentera untuk mendekati golongan belia dan juga untuk melaksanakan program-program dan amat perlu disalurkan peruntukan kepada pertubuhan-pertubuhan ini untuk melaksanakan tugas-tugas ataupun kerja-kerja bersangkutan dengan golongan belia/remaja.

Lagi satu sebelum saya terlupa saya baru ini pergi kenduri di sebelah Tasek saya singgah dekat projek PDC di Batu Kawan dan saya terserempak dengan papan tanda inilah...(tunjuk gambar) papan tanda ini dia tulis "cadangan kerja-kerja serta lain-lain kerja untuk menyiapkan bersangkutan dengannya untuk program penternakan lembu di Batu Kawan Pulau Pinang" dan saya nampak *sign board* ini naik, tapi nampak tidak ada nama kontraktor utama, tidak ada tarikh mula projek, tarikh siap dan sebagainya. Jadi lembu tidak ada.....(ketawa). Projek lembu, jadi saya minta tolong bagi tengok balik penyelarasan balik, cara kerja ini tak akan CAT buat kerja macam ini, naik *sign board* pun tidak ada, ini PDC, PDC, jadi secara kebetulan perunding projek ini, projek PDC Consultant Sdn. Bhd. yang buat projek kancil *car park* itu sama, jadi saya pun, tengok baliklah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta laluan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat telah membuat apa-apa surat rasmi kepada PDC untuk mendapatkan butir-butir sama ada mungkin papan tanda itu, kalau kita lihat sudah lama, mungkin dipasang sebelum 2008 lagi...(ketawa). Jadi saya cadangkan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Baru lagi *sign board* tu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Nampak lamakan, nampak lama mungkin dipasang sebelum 2008 mungkin projek itu kroni Barisan Nasional, selepas 2008 kita menang mungkin jadi saya sarankan Yang Berhormat tulis surat dapatkan, mengesahkan maklumat itu terlebih dahulu, terima kasih, sebelum buat tuduhan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Bukan tuduhan, saya pergi tengok ini. Takut kroni-kroni PDC.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat bagi laluan sat, masa ada empat (4) minit lagi itu. Yang Berhormat apa ini, selepas kita minta surat dapat, itu kena tengok siapa yang buat, lepas itu mintalah supaya siapa yang buat ini kita kena ambil tindakanlah, kontraktor kita kena ambil tindakan tidak boleh biar kosong macam itu. Bagilah jawapan, saya tidak mahu tengok macam gajah putih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Cuma saya harap itulah dapat penjelasan dari segi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sebagai Pengurus PDC mungkin dapat jelaskan. Siapa kontraktor dan nama projek ini. Siapa yang akan menjawab bila timbul masalah dan sebagainya. Mengapa projek ini tidak memaparkan maklumat lengkap ada kemungkinan pihak terlibat ambil ringan atau apa kita tidak tahu. Minta penjelasan daripada pihak Y.A.B. Ketua Menteri.

Jadi saya ingat itu saja, akhirnya saya ucapkan terima kasih kepada semua jabatan dan agensi yang telah membantu saya selama ini dalam menyelesaikan tugas sebagai Yang Berhormat di kawasan Sungai Dua, terima kasih rakan-rakan semua dan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sedikit saja. Saya ada soalan kepada Yang Berhormat, sikit-sikit saja, satu soalan. Semasa Yang Berhormat berucap dalam sesi perbahasan Yang Berhormat telah menyokong banyak perkara, ada di antara isu-isu berkenaan dengan Mak Nyah dan sebagainya dan satu itu saya hendak tanya di mana Yang Berhormat telah memberi pengesyoran, kita boleh lihat dalam deraf verbatim ataupun hansard berkenaan dengan isu kuil di tanah PPC, apakah inisiatif yang telah diambil oleh Yang Berhormat berkenaan dengan perkara ini, selepas sidang ditangguhkan adakah apa-apa inisiatif diambil untuk menguruskan pembinaan kuil itu dengan PPC ataupun adakah juga sandiwara macam wakil-wakil rakyat yang lain. Cakap sesuatu di sini, tapi luar kita pergi dan lupa perkara itu. Memang tidak ada niat untuk membina semula kuil itu tersebut.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Terima kasih, tentang isu itu saya ingat tak payah jawab, tapi saya dah ambil tindakan dan sudah tanya semua pihak dan peruntukan yang disalurkan dan sebagainya, cuma ada sedikit masalah dari segi...(gangguan), saya dah ambil tindakan, saya bukan jenis yang cakap saja, dah ambil tindakan. Jadi terima kasih banyak saya ucapkan.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada lagi, Pulau Betong belum lagi. Pulau Betong nak berucapkah esok. Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan disambung semula esok 11 Disember 2013 (Rabu) dengan masih lagi perbahasan. Terima kasih.

***Dewan ditangguhkan pada jam 7.00 malam.***